

Sekata

JURNAL BAHASA & PERSURATAN

2025



Majlis
Bahasa
Melayu
Singapura

Sumari
25

Jawatankuasa Sekata

Jurnal Bahasa & Persuratan 2025

PENASIHAT

Encik Zhulkarnain Abdul Rahim

PENGERUSI

Zubaidah Mohsen

KETUA EDITOR

Suraidi Sipan

EDITOR KANAN

Siti Fazila Ahmad

PANEL EDITOR

Djohan Abdul Rahman

Herman Rothman

Nur-El-Hudaa Jaffar

NARA SUMBER

Prof Madya Emeritus Dr Hadijah Rahmat

Prof Madya Dr Lim Beng Soon

Dr Norshahril Saat

Hak cipta terpelihara dan dilindungi undang-undang. Buku ini atau mana-mana bahagiannya tidak dibenarkan diterbitkan semula, ditiru, disimpan dalam sistem pengeluaran semula (retrieval system) atau dipancar walau melalui sebarang cara sekalipun termasuk kaedah elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau lain-lain tanpa kebenaran bertulis pihak penerbit terlebih dahulu.

Judul: Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan

Format: Cetak

ISSN: 2630-4589

Diterbitkan oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura

Direka bentuk oleh Studiolen

PADA KULIT JURNAL



Maksud yang tersirat dalam Batik Orchid SG Vanda Miss Joaquim dan huruf-huruf rumi:

- ✿ Bunga orkid Vanda Miss Joaquim merupakan lambang bunga kebangsaan Singapura sejak 1981.
- ✿ Empat kuntum bunga menunjukkan kepelbagaian bangsa penduduk di Singapura seperti Melayu, Cina, India dan Serani.
- ✿ Huruf-huruf rumi menunjukkan gaya penulisan yang masih digunakan oleh sebahagian penulis, pelukis dan guru yang mempamerkan kreativiti dalam berkarya.
- ✿ Warna latar belakang coklat dan kuning tembaga mengekalkan warna tradisional batik.

Sekata Dua *Awal Bicara*

Pembaca yang budiman,

Alhamdulillah. Selaku Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang baru dilantik, saya akur akan tanggungjawab yang harus digalas untuk terus mengetuai usaha memartabatkan bahasa Melayu di Singapura. Satu cabang tugas saya yang penting adalah untuk memantau pelaksanaan dan keberkesanan program serta inisiatif bahasa, baik dalam jangka masa yang pendek mahupun dalam jangka masa yang panjang.

Jurnal *Sekata* yang dikelola oleh MBMS merupakan salah satu program unggul yang menyediakan wadah untuk mengetengahkan wacana tentang bahasa dan persuratan, seni dan budaya. Barisan artikel yang diilhamkan oleh penulis-penulis tempatan mencerminkan imaginasi kolektif dan identiti budaya setempat.

Sempena sambutan SG60, jurnal *Sekata* meraikan kedudukan bahasa Melayu sebagai salah satu bahasa rasmi di Singapura dan keistimewaannya sebagai bahasa kebangsaan negara ini. Selain itu, jurnal *Sekata* juga ingin mengiktiraf sumbangan individu-individu yang telah mencurahkan bakti terhadap pembangunan dan pencapaian negara semenjak kemerdekaan. Suara emas beberapa orang individu ini terakam dalam ruangan Suara Masyarakat.

Seperti tahun-tahun yang sudah, kami juga terus menyokong seniman setempat untuk menghiasi kulit jurnal *Sekata*. Lukisan kali ini yang berjudul 'Batik Orchid SG Vanda Miss Joaquim dan Huruf-huruf Rumi' amat bertepatan sebagai lambang bunga kebangsaan Singapura. Lukisan ini dihasilkan oleh

Encik Tumadi Patri, seorang seniman batik Singapura yang mapan.

Ayuh, pembaca sekalian! Tatapilah bahan bacaan yang disediakan untuk menghayati wacana sastera dan meneroka perihai sejarah, intelektual dan isu-isu kontemporari. Budaya membaca yang sihat boleh mengembangkan kreativiti dan imaginasi serta meningkatkan daya

pemikiran yang kritis dan analitis. Pada masa yang sama, pembaca juga boleh mempertingkatkan penguasaan dalam bahasa Melayu.

Harapan saya agar jurnal *Sekata* menjadi salah satu sumber pembacaan yang bermutu yang dapat menjadi modal idea dan perbincangan dalam kalangan pembaca.



Encik Zhulkarnain Abdul Rahim

Pengerusi Majlis Bahasa Melayu Singapura
dan Penasihat Jawatankuasa Jurnal *Sekata*

Tinta *Pengerusi*

Tahun ini kita menyambut ulang tahun Singapura yang ke-60. Pelbagai acara telah diatur untuk meraikan saat gemilang ini. Jurnal *Sekata* 2025 juga turut meraikan sambutan ini dengan menyajikan bahan bacaan yang membawa kita menyingkap kembali jendela sejarah melalui bahasa dan persuratan, seni dan budaya sekaligus memikirkan tentang kelangsungan negara melalui barisan pelapis yang akan meneruskan perjalanan dan mewarisi kepemimpinan.

Apakah aspek-aspek kelangsungan yang perlu difikirkan? Dalam kesinambungan bidang kesusasteraan, program pementoran penting. Hal ini yang akan disentuh oleh Nur-El-Hudaa sebagai salah satu strategi penting dalam usaha untuk memastikan dan mengekalkan dunia persuratan agar terus berkembang.

Sehubungan dengan itu, kaitan antara bahasa, sastera dan sejarah penting dalam kemajuan masyarakat Melayu. Isu ini dikupas oleh Muhammad Ilyia Kamsani melalui karya A. Samad Ismail, yang menyeru masyarakat Melayu untuk bangkit dan maju melalui gabungan bahasa, kewartawanan dan sastera dalam perjuangannya. Selain A. Samad Ismail, seorang lagi tokoh sastera dan bahasawan, Usman Awang, juga diketengahkan melalui penulisan Wan Noor Khuzairey yang memberi pencerahan dari sudut sastera, bahasa, sejarah dan pemikiran beliau dalam karyanya.

Puisi lama masih ada tempat dalam dunia moden. Wan Roshazli menerangkan peranan kesusasteraan khususnya puisi lama yang hadir sebagai bahan sejarah penting dalam perkembangan yang berlaku di zaman kesultanan di Nusantara. Falsafah peperangan masyarakat Melayu di zaman dahulu yang dijelaskannya

boleh dijadikan bahan kajian bagi generasi masa kini.

Kepemimpinan penting. Apakah itu konsep kepemimpinan? Dr Farizan Mohd Amin mengapungkan persoalan ini untuk membuka minda kita sebagai pembaca agar dapat membuat pertimbangan dan penilaian sendiri.

Dari sudut seni, selain memberi pembaca tip dan teknik bercerita, wawancara Dr Noridah bersama Jumaini Ariff boleh menjadi daya tarikan kepada mereka yang berminat untuk menceburkan diri dan mengasah kemahiran bercerita. Seni bercerita juga secara tidak langsung mendedahkan para pendengar kepada bahasa dan budaya Melayu. Berkaitan ini, Muhammad Shahril juga mengajak pembaca untuk memikirkan tentang cerita rakyat. Sememangnya, kita akan terpanggil untuk menggunakan daya kreatif dengan menciptakan pelbagai andaian, sekiranya kita berpendapat bahawa ada ruang untuk cerita rakyat disongsangkan. Sesuatu perkara untuk kita renungkan bersama.

Edisi kali ini juga memberi penghargaan kepada artis tanah air Tumadi Patri. Lukisannya menghiasi kulit jurnal, dan ini diiringi penceritaan

mengenai liku hidupnya sebagai artis. Dalam Suara Masyarakat kali ini, lima pesara juga berkongsi perjalanan dan pengalaman hidup mereka semenjak negara mencapai kemerdekaan.

Dalam kegembiraan menyambut SG60 pada tahun ini, kita berdukacita dengan pemergian beberapa tokoh Singapura seperti Permata Seni¹ Tuan Yusnor Ef, Srikandi Bangsa² Puan Noor Aishah, Wanita Pertama Singapura dan pendamping Presiden pertama kita, Yusof Ishak, serta Tokoh Agama, mantan Mufti kedua negara, Syed Isa Semait. Ayuh, kita hadiahkan Al-Fatihah buat mereka!

Akhir kata, edisi *Sekata* kali ini merupakan usaha pertama saya selaku Pengerusi. Saya amat berterima kasih kerana telah diberi kepercayaan oleh MBMS. Pastinya jurnal ini tidak akan dapat diterbitkan tanpa sokongan yang padu daripada para penulis dan penyumbang, Ketua Editor, panel editor, dan semua individu yang terlibat dalam penerbitan Jurnal *Sekata* 2025.

*Bunga melati harum mewangi,
Harum mewangi sepanjang jalan.
Sepuluh jari kusun rapi,
Mohon maaf atas kesilapan.*



Zubaidah Mohsen

Pengerusi
Jurnal *Sekata* 2025

1. Gelaran yang diberikan oleh Berita Harian, *Pemergian permata seni, Yusnor Ef, terpahat di ingatan karyawan muzik*, 16 Apr 2024.

2. Gelaran yang diberikan Berita Harian, *Perginya Srikandi Bangsa*, 25 May 2025.

Salam *Muhibah*

Tahun ini, genap 60 tahun usia negara kita yang tercinta sejak mencapai kemerdekaannya pada 1965. Telah banyak perubahan dan kemajuan yang dicapai, berkat kegigihan dan ketabahan menghadapi berbagai rintangan dan ujian yang dilalui. Kita masyarakat Melayu tidak terlepas daripada memikul tanggungjawab bersama membangun dan memakmurkan negara. Kemajuan pendidikan dan kesejahteraan hidup harus terus meningkat.

Tentunya penting bagi kita berhenti sejenak dan bermuhasabah diri dengan melihat kembali serta menilai sejauh mana kemajuan yang telah kita capai terutamanya dalam perkembangan bahasa Melayu. Kita sedia maklum bahawa bahasa Melayu mengalami penurunan penggunaannya dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri. Jika kita amati dengan teliti, pencapaian masyarakat Melayu dalam bidang pendidikan amat menggalakkan berbanding pencapaian bahasa Melayu dan penggunaannya dalam kalangan masyarakat kita. Kita tentu dapat berbangga andainya terlahir lebih banyak cendekiawan Melayu bukan sahaja dalam pelbagai bidang keahlian dan kepakaran tetapi juga dalam bidang bahasa Melayu.

Sepanjang enam puluh tahun, kita telah kehilangan tokoh-tokoh bahasa, pendidikan, persuratan, seni dan budaya Melayu tanah air. Ini merupakan kehilangan besar khususnya bagi masyarakat Melayu. Mereka merupakan 'Putera Terbaik Bangsa' yang telah banyak berbakti dalam bidang bahasa, kesusasteraan, seni dan budaya. Peribahasa Melayu mengatakan 'Yang patah akan tumbuh lagi, yang hilang akan berganti'. Namun kenyataannya tidak sebagaimana yang terjadi. Kehilangan ini sukar berganti. Hal ini terjadi berkemungkinan

kelemahan kita sendiri kerana kurangnya keprihatinan untuk memupuk dan menyemai rasa cinta dalam generasi muda kita terhadap kearifan bangsanya yang telah diwarisi sejak zaman-berzaman. Petani tidak akan memperoleh hasil tanaman yang lumayan andainya sejak mula tidak disemai, dipupuk dan dirawat dengan baik. Oleh itu, kita mengharapkan akan ada tokoh-tokoh yang bakal mengganti dan meneruskan bakti dan perjuangan tokoh-tokoh terdahulu yang telah berpulang.

Masyarakat Melayu yang menjunjung budi, bahasa dan budaya memerlukan tokoh-tokoh bangsa yang dapat dijadikan rujukan dan panutan. Pada ketika ini, kita berhadapan dengan berbagai cabaran di era digital yang kian pesat berkembang. Tokoh-tokoh bahasa dan budaya akan menjadi lebih penting dalam membuat keputusan dan bimbingan yang seimbang dengan kemajuan zaman.

Jurnal *Sekata* tetap terus gigih berperan menyajikan pelbagai ilmu pengetahuan yang merangkumi dunia pendidikan, kesusasteraan, seni, budaya, tokoh bangsa, sejarah dan filsafat. Jurnal *Sekata* menjadi wadah penting bagi

cendekiawan bangsa menghasilkan penulisan yang kaya dengan ilmu pengetahuan serta pandangan yang kritis terhadap perkembangan kebudayaan masyarakat Melayu Singapura. Masyarakat pembaca pula memperoleh manfaat yang besar daripada bahan-bahan tersebut di samping mempertajam dan mempertingkatkan akal budi dalam berbagai aspek kehidupan berbangsa dan berbudaya.

Kepada penyumbang yang terdidik dengan kearifannya, teruslah berjuang mempertajam mata pena dengan menghasilkan penulisan yang dapat menyuntik daya kecerdasan berfikir pembaca apabila menatap, meneliti dan mencerna penulisan tersebut.

Kini, kita menyambut usia negara kita Singapura yang ke-60. Sama-samalah kita, bangkitkan semangat baharu untuk terus memperkembangkan penggunaan bahasa Melayu, bahasa jati diri bangsa. Insya-Allah.



Suraidi Sipan

Ketua Editor
Jurnal *Sekata* 2025

PENASIHAT



Encik Zhulkarnain
Abdul Rahim

Jawatankuasa *Sekata*

Jurnal Bahasa & Persuratan 2025

PENGERUSI



Zubaidah Mohsen

PANEL EDITOR



Djohan Abdul Rahman

NARA SUMBER



Prof Madya Emeritus
Dr Hadijah Rahmat

KETUA EDITOR



Suraidi Sipan



Herman Rothman



Prof Madya
Dr Lim Beng Soon

EDITOR KANAN



Siti Fazila Ahmad



Nur-El-Hudaa Jaffar



Dr Norshahril Saat

Kandungan



6

Tumadi Patri:
Seniman
Batik Singapura
yang Unggul



8

Seni Bercerita
Bersama Duta Bahasa
Puan Jumaini Ariff
Dr Noridah Kamari



15

Cerita Rakyat:
Dikekalkan, atau
Disongsangkan?
Muhammed Shahril
Bin Shaik Abdullah



22

Seorang Manusia
Bernama
A. Samad Ismail
Muhammad Ilyia
Bin Kamsani



29

Suara Masyarakat:
Hidup Kayu Berbuah,
Hidup Manusia Berjasa



40

Intelektual Berkembang:
Singapura dalam
Cakrawala Pemikiran
Usman Awang
W.N. Khuzairey



50

Melestarikan
Sastera Melalui
Program Mentor
Nur-El-Hudaa Jaffar



56

Konsep Kepimpinan
Ideal dalam Cerpen-
cerpen Pilihan Teks
Sastera Antologi Karya
Pahlawan Panggung
Farizan bin Md Amin



65

Ilmu Peperangan
Masyarakat Melayu
Tradisional dalam
Syair-syair
Perang Melayu
Wan Roshazli Binti Wan Razali

Tumadi Patri

Seniman Batik Singapura yang Unggul

Inak kelahiran Singapura, Tumadi sudah berkecimpung dalam seni lukisan sekitar 40 tahun. Dilahirkan pada tahun 1959, bagaimanakah perjalanan hidup yang telah ditempuhi oleh Tumadi untuk mengecap dan mencapai kejayaan yang sudah digenggaminya kini? Tumadi berkongsi garis masa hidupnya dari mula beliau menanam minatnya dalam seni lukisan, sehingga dia menjadi seorang seniman yang dikenali ramai dan disanjung keahliannya.

Menyingkap pengalaman awalnya, Tumadi berkongsi tentang kehidupannya yang penuh ranjau dan duri. Jelas sekali perjuangan yang dilaluinya dalam tahun 1986 sehingga 1990 amat mencabar. Beliau hidup menumpang bilik di rumah adik perempuan, kemudian di rumah kakaknya, menyewa bilik kawan sekerja, hanya kerana beliau perlu bertukar tempat untuk mendapatkan ilham melukis. Pernah juga beliau tidur di tepi jalan, dan dekat Central Market, Kuala Lumpur, kerana inginkan pengalaman meluas dalam bidang yang dipilihnya.

Tumadi masuk ke gelanggang peraduan lukisan dalam tahun 1990-an. Inilah titik permulaan pengiktirafan yang diterimanya. Beliau menerima sijil penghargaan dan Anugerah Kepujian (High Commendation) dalam peraduan-peraduan yang berikut:

- 1990 – IBM Arts Awards, Singapore
- 1996 – Art on Card Competition, Singapore
- 1997 – Singapore Telecom Expression Art Competition
- 1995 – Phillippe Chariol Art Foundation (Certificate of Distinction)

Tempoh 1994 hingga 2022 pula menyaksikan keterlibatan Tumadi dalam pameran – pameran lukisan solo di Singapura dalam tahun 2014-2017 dan 2019, dan secara berkumpulan di dalam dan di luar negara seperti Malaysia, Indonesia, Dubai, Australia dan Amsterdam, serta merupakan satu-satunya wakil Singapura di London, Itali dan Hungary. Pada 2018, karya batiknya yang berjudul “Nanah Wayang Kulit” terjual dalam lelongan lukisan yang dikendalikan oleh Anggota Seni 33 Auction di Indonesia.

Mulai tahun 2010, Tumadi mula menyebarkan ilmu dan pengalaman dengan mengajar lukisan batik di



Tumadi: Lukisan batik ialah seni halus dua dimensi yang mempunyai kelembutan, keindahan dan keunikan.

sekolah-sekolah rendah dan menengah serta maktab rendah. Beliau menjadi pelukis batik sepenuh masa dan penggiat seni dan budaya yang aktif dengan mempamerkan lukisan-lukisan batik dan membuat demonstrasi batik, serta memperkenalkan seni batik kepada masyarakat Singapura seperti di The Arts House, Muzium Peranakan, Muzium Tamadun Asia, Balai Rakyat dan Taman Warisan Melayu.

Mengapakah seni lukisan batik menjadi pilihan? “Sebab saya “Uwong Jowo” jiwa dan darah Jowo. Batik mempunyai sakti, dia tidak mati selagi manusia mencintainya.” Menurutny, lukisan batik ialah seni halus dua dimensi yang mempunyai kelembutan, keindahan dan keunikan. Ia memerlukan kesabaran, keyakinan,

keikhlasan dan kejujuran yang mempamerkan tanda cinta Sang Pelukis. Batik Tulis dan Batik Cap ialah warisan budaya nenek moyangnya dan mempunyai sejarah yang sudah berakar dua ribu tahun dahulu. Beliau menganggap batik sebagai lambang orang Jawa; satu khazanah, pusaka seni Jawa Kuno yang bernilai dan berharga. Ini terbukti apabila pada 2009, Batik Indonesia diiktiraf sebagai Warisan Budaya Tidak Ternilai oleh UNESCO (UNESCO Intangible Culture Heritage) sebagai pengakuan bahawa batik memiliki warisan kemanusiaan, budaya dan sejarah tersendiri.

Dari segi konsep lukisan, Tumadi menerapkan kepelbagaian dalam lukisannya, seperti melukis wayang kulit pada piring seramik, menghasilkan motif potongan wayang kulit dan kain batik menggunakan kertas tebal (paperboard) serta menghasilkan seni tampalan atau *collage art*. Karya-karya beliau berjaya menjadi koleksi Muzium Seni Singapura (Singapore Art Museum): Karya 1988 - *Memburu Gajah di Hutan Batik* dan karya Batik 2002 - *Grieve at Kasepuhan*.

Lagu dan puisi juga menjadi ilham untuk lukisannya. Antaranya lagu-lagu M. Nasir (*Kupukupu, Kiambang, Duit, Dedaun Masa, Tari Cinta Rimba, Mustika*) dan puisi penyair dari Malaysia (Latiff Mohidin, *Wayang Pak Dalang*, Abdul Ghafar Ibrahim) dan dari Singapura, antaranya Allahyarham Mohamed Latiff Mohamed - *Melayuku Melayumu*, Allahyarham Haji Abdul Ghani Hamid - *Sungai ini Tenggelam*, Allahyarham Haji Ariff Ahmad - *Benarkah*, dan Rasiah Halil - *Harapan II*.

Satu lagi keunikan lukisan batik Tumadi ialah lukisan gambar wayang kulit yang mula dihasilkan pada tahun 1989. Lukisan ini bermula dengan elemen kejawaan yang unik seperti wayang kulit, kemudian wayang Candi Borobudur dan Pantai Parangtritis. Tumadi memilih wayang kulit sebagai simbol pelbagai watak manusia pada waktu dahulu dan sekarang, dan ilmu kesaktian yang sesuai diceritakan melalui lukisan. Melalui konsep ini, Tumadi sekaligus menjadi seorang pelukis dan juga Pak Dalang, yang mengarahkan segala cerita dengan diiringi muzik gamelan sewaktu melukis.

Satu kenangan manis buat Tumadi adalah apabila beliau menganjurkan pameran solonya. Mengapa mengambil masa 30 tahun untuk mengadakan pameran solo? Beliau mempunyai syarat-syarat tersendiri yang wajib untuk dipenuhi, seperti mempunyai keyakinan serta pengalaman keilmuan seni lukis. Lukisan yang dihasilkan juga haruslah yang terbaik, bermutu tinggi, unik dan asli. Sehubungan dengan itu, beliau juga perlu membuat segala



Memburu Gajah di Hutan Batik, Kolaj, Media Campuran di atas papan. Koleksi Galeri Seni Singapura.



Kulit depan brosur pameran lukisan solo Tumadi yang pertama, 2014.



Potret Pak Dalang 2017 dipamerkan di XIII Florence Biennale 2021 di Itali.

persiapan secara profesional seperti memastikan bahan yang hendak dipamerkan, menyiapkan brosur atau katalog berwarna, dan memasarkan pamerannya. Tidak lupa juga keperluan publisiti meluas melalui media seperti surat khabar Melayu dan Inggeris, radio dan TV.

Beliau berpuas hati dengan pencapaiannya yang amat membanggakan. 90% lukisannya terjual. Pasti ini merupakan satu sejarah manis dan gembira buatnya. Namun, beliau juga

bersedih kerana pada waktu itu ibu dan ayahnya sudah tiada bersamanya. Beberapa lukisannya dimiliki oleh Galeri Nasional Singapura (National Gallery Singapore), Lembaga Warisan Negara (National Heritage Board), Kementerian Pendidikan (Ministry of Education), galeri persendirian, koleksi peribadi dan teman-temannya.

Satu pengiktirafan yang patut kita banggakan ialah lukisan yang dihasilkan Tumadi, seorang anak Melayu Singapura, telah menghiasi dinding pameran di Itali (XIII Florence Biennale 2021). Walaupun Tumadi tidak dapat menghadiri pameran tersebut kerana pameran ini diadakan semasa pandemik Covid-19, ini tetap merupakan kenangan manis dan pencapaian tinggi bukan sahaja secara peribadi buat Tumadi tetapi juga kepada Singapura.

Harapan Tumadi agar penggemar seni lukisan membeli dan menghargai karya seni tempatan dan dari Timur. Amalan sedemikian menandakan sokongan dan bantuan buat pelukis yang sudah melalui segunung kegagalan, bergelumang dengan kegelisahan, kebuntuan dan ketidakpastian bertahun-tahun melukis. Yang penting lagi, menghargai seni lukisan tempatan mampu memartabatkan seni budaya kita supaya tidak hilang dalam dunia teknologi moden. 📖

Seni Bercerita *Bersama Duta Bahasa Puan Fumaini Ariff*

Dr Noridah Kamari



? Bagaimanakah Puan boleh terlibat dalam dunia bercerita untuk kanak-kanak ini? Apakah pengalaman awal dan perjalanannya?

Kerjaya pertama saya sebagai seorang guru prasekolah banyak membuka peluang untuk saya bercerita. Masa bercerita di kelas selalunya akan menjadi seperti sebuah produksi kecil dan saya paling gemar sekiranya para murid dapat terlibat sama dalam sesi itu dengan menyumbang efek suara ataupun aksi.

Pada tahun 2013, enam buku cerita kanak-kanak bersiri saya yang pertama, Siri Ariff Ingin Tahu, telah berjaya diterbitkan oleh Pustaka Nasional. Sebagai satu strategi untuk mempromosikan buku, saya gabungkan pengalaman mengajar dan minat dalam penceritaan dan melakarkan bengkel-bengkel penceritaan berdasarkan buku-buku tersebut. Saya reka persona pencerita yang bernama 'Aunty Ju' dan kemunculannya mendapat sambutan yang memberangsangkan dari pihak sekolah.

Untuk memperbaiki kebolehan bercerita, saya menganggotai Persatuan Penceritaan Singapura (SAS) dan telah menerima banyak bimbingan mengenai cara untuk menghidupkan watak, pergerakan efektif, kontak mata dan penguasaan suara. Keyakinan saya bertambah dan saya mula berani diri untuk menyalut cabaran seterusnya.

Memandangkan sokongan kuat yang diterima, saya tubuhkan 'Storyscribblers', sebuah perusahaan 'edutainment' berdaftar yang menyediakan program-program seperti bengkel penulisan dan penceritaan yang diiktiraf Majlis Seni Kebangsaan. Sehingga hari ini, meskipun saya sudah merehatkan watak Nek Selampit dek penyakit yang melanda, pasukan saya masih giat menjalankan program-program berdasarkan penceritaan, sementara saya berikan tumpuan lebih untuk melatih para guru mengenai teknik penceritaan sebagai pensyarah adjung dan menjadi mentor kepada para pencerita muda di Persatuan Penceritaan Singapura (SAS).

? Dari manakah munculnya watak Nek Selampit dan apakah ciri-ciri atau perwatakan Nek Selampit ini?

Pada awal tahun 2015, Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) meminta Majlis Buku Singapura untuk tampilkan seorang pencerita yang boleh menyampaikan penceritaan dalam bahasa Melayu dan membawa persona yang melambangkan budaya Melayu. Pada masa tu, saya masih menjayakan watak 'Aunty Ju' namun watak itu tidak sesuai untuk diketengahkan. Saya berbincang dengan ibu. Kami terkenang watak pencerita 'Tok Selampit' yang suatu ketika dahulu pernah saya tonton di kaca televisyen. Rancangan ini dijayakan oleh Almarhum Pak Zulkassim Daud, seorang aktivis teater yang banyak menerajui program-program untuk kanak-kanak di radio dan televisyen. Saya membuat kajian di Perpustakaan Rujukan Lee Kong Chian dan terjumpa satu-satunya rakaman video episod 'Tok Selampit' yang masih ada. Saya perhatikan caranya bercerita. Allahyarham menyampaikan dengan nada yang lembut meskipun mempunyai suara jantan. Beliau berhemah ketika bercerita sambil menggunakan peluang untuk menyulam nasihat buat 'cucu-cucunya' yang tekun mendengar.

Saya menjadi yakin bahawa inilah watak yang perlu dihidupkan semula tetapi dengan nafas baharu. Saya ingin kanak-kanak pada zaman ini mengenali keindahan bahasa Melayu melalui penceritaan yang dinamik dengan adanya nyanyian lagu-lagu lama dan juga seloka dan pantun.

Pengalaman Nek Selampit, atau nama sebenarnya Jumaini Ariff, dalam mengajar kanak-kanak prasekolah membantu gaya penceritaan yang lebih berkesan dan bersifat interaktif.



Foto: Berita Harian

Saya dan ibu mula mereka pakaian yang sesuai untuk watak Nek Selampit yang akhirnya dijahit oleh ibu sendiri. Untuk melengkapkan kostum, ibu saya menyerahkan kain songket pernikahannya untuk saya gunakan sebagai penambah semangat ketika bercerita.

Pada sesi pertama kemunculan Nek Selampit, dia bertongkat akar cerita dari Melaka. Perwatakannya lembut dan saya membataskan

Perwatakan Nek Selampit juga saya ubah kepada seseorang yang banyak melakukan aksi, mudah berseloroh dan kerap memainkan watak-watak utama dengan suara-suara dan pergerakan yang sesuai. Saya dapati perwatakan Nek Selampit yang baharu lebih sesuai dengan *citarasa kanak-kanak zaman sekarang yang memerlukan ekspresi yang besar dari segi mimik muka mahupun aksi untuk memahami jalan cerita.*

pergerakannya kerana inginkan wataknya sebagai seorang nenek menyerlah.

Namun setelah menjayakan perwatakan seperti itu untuk beberapa sesi, saya diberi maklum balas yang bernas oleh mentor saya. Dia telah perhatikan rakaman sesi dan dapat rasakan bahawa saya kelihatan tidak selesa kerana perwatakan sebegitu membataskan saya dari memainkan watak-watak haiwan dalam kisah dengan lebih efektif. Tambahan lagi, perwatakan seorang nenek kelihatan tidak serasi dengan peribadi saya yang memang aktif dan suka berseloroh.

Semenjak itu, saya tidak lagi menggunakan tongkat ataupun membawa watak Nek Selampit sebagai seorang nenek. Saya ubah pendekatan dan mengenalkan diri saya sebagai seorang pencerita yang bernama 'Nek Selampit'.

Perwatakan Nek Selampit juga saya ubah kepada seseorang yang banyak melakukan aksi, mudah berseloroh dan kerap memainkan watak-watak utama dengan suara-suara dan pergerakan yang sesuai. Saya dapati perwatakan Nek Selampit yang baharu lebih sesuai dengan citarasa kanak-kanak zaman sekarang yang memerlukan ekspresi yang besar dari segi mimik muka mahupun aksi untuk memahami jalan cerita.

? Bagaimanakah Puan berusaha untuk menarik minat audiens, terutama sekali kanak-kanak, apabila sedang bercerita?

Memandangkan kanak-kanak suka pada nyanyian dan aksi, saya mulakan setiap sesi bercerita dengan lagu pembukaan Nek Selampit yang di penghujungnya mempunyai dialog di mana saya akan meminta audiens untuk menjawab sahutan saya. "Nek Selampit datang Oiiii..." dan saya akan minta mereka untuk menyahut kembali.

Mengendalikan bengkel penceritaan di sekolah St Hilda dan acara yang dianjurkan oleh Mendaki.





Sebagai orang Melayu Singapura, Nek Selampit (bertudung) sangat berbesar hati dapat menyertai festival yang dianjurkan sebuah syarikat yang berpangkalan di India iaitu Kathai Kalatta bersama pencerita dari negara lain seperti Itali, Afrika Selatan, Kenya dan United Kingdom.

Foto: Berita Harian

Pendekatan 'call and response' ini digunakan untuk mendapatkan perhatian dan menaikkan semangat audiens. Sekiranya saya merancang untuk adakan elemen penyertaan penonton dari segi efek suara atau aksi, saya akan beritahu apa dan bila hal ini perlu dilakukan oleh audiens. Sekiranya saya memerlukan bantuan audiens untuk turut serta memainkan watak bersama-sama, saya akan pastikan prop sudah tersedia untuk mereka gunakan seperti tombak kadbod dan tanjak untuk watak pengawal dalam cerita Sang Nila Utama. Saya sering kali mengambil peluang untuk melibatkan penonton dewasa dalam penceritaan kerana hal ini amat menghiburkan bagi kanak-kanak untuk melihat orang dewasa bercerita bersama Nek Selampit.

Selain itu, Nek Selampit seringkali menggunakan nyanyian serta aksi untuk merumuskan cerita di penghujung penceritaan. Saya akan meminjam irama lagu kanak-kanak lama dan masukkan lirik baharu seperti contoh ini:

Lagu:

Terjunlah Luncai

Irama lagu:

Lompat Si Katak Lompat

Lirik:

*Terjunlah Luncai, terjun,
Biarkan!
Terjun dengan labu mu,
Biarkan!
Cepat renang ke Pantai
Lari dari pengawal Raja!*



Jumaini wakili Singapura di Festival Penceritaan Internasional di Chennai pada 2019.

Akhir sekali, menyanyikan lagu penutup. Hal ini membenarkan saya untuk mengakhiri sesi dengan harapan untuk bertemu lagi dan untuk bahagian ini, saya gunakan irama lagu Suriram dan akan mengajak audiens untuk turut berleggang dengan saya.



Mungkin ada kisah-kisah lucu atau indah ketika bercerita yang ingin dikongsinya?

Kisah lucu yang tidak akan saya lupakan berlaku ketika saya diundang ke Festival Penceritaan Internasional di Chennai pada tahun 2019. Saya mewakili Singapura, dan telah bercerita di pentas yang besar di sebuah kawasan pusat beli-belah. Saya sedang menyampaikan cerita Sang Nila Utama dan apabila saya mencampakkan prop mahkota Sang Nila Utama ke kawasan lapang di



Mewakili Singapura di Festival Penceritaan Internasional di Pune pada 2018, yang mendapat liputan di akhbar tempatan.

hadapan pentas, datang seorang budak lelaki lari ke hadapan dari sisi pentas dan bawa lari prop itu. Saya teruskan penceritaan kerana mahu kelihatan profesional.

Seusai sesi, saya pergi mencari budak lelaki itu dan apabila berjumpa, dia berkeras untuk menyimpan prop mahkota dan ibu ayahnya juga tidak ambil endah. Akhirnya saya pulang ke hotel dengan tangan kosong. Keesokan harinya saya perlu menceritakan kisah Si Luncai dan membawa prop labu untuk sesi kedua di tempat yang sama. Teman pencerita dari Korea bersungguh-sungguh ingin bantu pastikan prop saya tidak diambil lagi sementara saya ke belakang pentas untuk memakai mikrofon. Setelah saya kembali, saya menjadi risau kerana tidak melihat prop labu di pangkuannya. Bila ditanya, teman saya tersengih lalu mengangkat bahagian kain baju tradisional Korea yang dia gunakan. Rupa-rupanya, dia sembunyikan labu saya di antara kakinya di bawah kain. Kami semua tertawa dengan lantang kerana geli hati melihat gelagatnya.

? Apakah unsur-unsur kreativiti yang boleh diterapkan apabila bercerita kepada kanak-kanak?

Apabila bercerita kepada kanak-kanak, seseorang pencerita itu akan dapat merangsang daya imaginasi mereka melalui kata-kata yang digunakan ketika memberi deskripsi suasana dalam cerita. Ketiadaan visual seperti ilustrasi akan menggalakkan kanak-kanak untuk memikirkan pelbagai kemungkinan kerana imaginasi mereka tidak terbandung oleh apa-apa.



Bercerita dengan iringan muzik gamelan.

Cerita-cerita bagaimana yang selalu menarik perhatian kanak-kanak?

BERGANTUNG pada peringkat umur, kanak-kanak yang lebih kecil usianya, 3-4 tahun, akan berminat dengan cerita-cerita yang mempunyai watak-watak fiksi seperti pari-pari atau haiwan-haiwan yang boleh berkata-kata. Oleh sebab itu, cerita haiwan seperti Hikayat Sang Kancil menjadi kegemaran mereka.

Bagi kanak-kanak yang berumur 5-6 tahun, mereka akan lebih berminat dengan penceritaan yang lebih kepada watak-watak adiwira atau watak kanak-kanak yang melalui pengembaraan seperti Si Luncai, Badang atau menghadapi permasalahan seperti mereka.

Selain itu, mereka akan didedahkan kepada ekspresi wajah, kontak mata dan pergerakan yang menggambarkan pelbagai emosi. Pendedahan pada penceritaan yang dijayakan dengan elemen ini akan dapat membantu kanak-kanak mengekspresi diri dengan lebih baik.

? Apakah kepentingan cerita kepada kanak-kanak?

Terdapat manfaat daripada pelbagai aspek seperti intelek, bahasa, literasi dan sosioemosi. Kanak-kanak akan terdedah kepada kepelbagaian perspektif watak-watak dalam cerita, terangsang citraan mentalnya (*mental imagery*), dipertingkatkan kefahaman tentang kosa kata dan juga terdorong untuk cuba berkongsi pendapat ketika membantu pencerita.

Tambahan lagi, melalui penceritaan, kanak-kanak akan dapat memupuk keyakinan diri, membina rasa kekitaan dan perasaan ihsan terhadap semua kehidupan. Bercerita juga merupakan ruang selamat untuk menyampaikan nilai-nilai tanpa tekanan kerana nasihat sering disulam rapi dengan jalan cerita.

Seni bercerita membuka ruang kepada kanak-kanak untuk mendengar bahasa Melayu digunakan dengan secara aktif. Penyampaian cerita melalui lisan boleh menjadi jambatan yang menghubungkan mereka dengan teks dan permulaan yang baik untuk menggalakkan mereka untuk membaca.





Buku-buku terkini Jumaini bertemakan kesejahteraan sosioemosi seperti nilai percaya diri, nilai penerimaan diri dan nilai belas kasihan.

Keistimewaan penerbitan kali ini adalah kerana adanya *panduan perbincangan pascasesi bercerita yang boleh digunakan oleh ibu ayah dan para guru untuk mengajak kanak-kanak berbincang mengenai pendapat mereka* sekiranya mereka menghadapi cabaran seperti watak-watak dalam buku cerita.

? Mungkin boleh ceritakan tentang buku-buku yang baru diterbitkan?

Buku-buku terkini yang saya tulis bertemakan kesejahteraan sosioemosi seperti nilai percaya diri, nilai penerimaan diri dan nilai belas kasihan.

Buku 'Saya mahu jadi seperti kamul' mengisahkan Zafir Si Tapir yang berasa dirinya tidak istimewa berbanding rakan-rakannya.

Buku 'Saya Oni, saya berani!' mengisahkan Oni Si Orang utan yang berbakat namun kurang rasa percaya diri untuk berkongsi kebolehannya.

Buku 'Hmm...di mana Kiki?' mengisahkan Kiki Si Kancil yang membantu kawan-kawannya secara senyap bagi menjaga hati rakan-rakannya.

Keistimewaan penerbitan kali ini adalah kerana adanya panduan perbincangan pascasesi bercerita yang boleh digunakan oleh ibu ayah dan para guru untuk mengajak kanak-kanak berbincang mengenai pendapat mereka sekiranya mereka menghadapi cabaran seperti watak-watak dalam buku cerita.

Selain buku, saya juga telah menyiapkan kad-kad cerita berdasarkan buku cerita yang sama untuk kegunaan sesiapa yang ingin bercerita. Kad cerita bergambar ini menggunakan teknik penceritaan Kamishibai (Teater Kertas) dari Jepun, di mana ia memaparkan ilustrasi di bahagian hadapan dan di bahagian belakang kad yang terdapat naratifnya.

Buku serta kad cerita dapat ditempah melalui

<https://tinyurl.com/orderzafirtapir>

atau melalui alamat IG: **the_nekselampits**

? Bagaimanakah seni bercerita ini dapat meningkatkan kemampuan dan kelancaran berbahasa kanak-kanak?

Seni bercerita membuka ruang kepada kanak-kanak untuk mendengar bahasa Melayu digunakan dengan secara aktif. Penyampaian cerita melalui lisan boleh menjadi jambatan yang menghubungkan mereka dengan teks dan permulaan yang baik untuk menggalakkan mereka untuk membaca.

Penceritaan yang menggabungkan pergerakan, ekspresi muka dan intonasi yang sesuai juga dapat menambah pemahaman kanak-kanak dan dedahkan mereka kepada kosa kata baharu dan struktur cerita yang mempunyai permulaan, isi dan penutup.

Sekiranya kanak-kanak didedahkan kepada aktiviti bercerita pula, mereka akan dapat meningkatkan keyakinan diri dan pelajari cara untuk mengekspresi buah fikiran dan kemahuan dengan lebih baik. Pencerita yang mahir akan dapat mempamerkan dan menjadi peran contoh kesantunan bahasa Melayu kepada kanak-kanak melalui pemilihan bahasa yang baik semasa penyampaian. ⁸

BIODATA



Puan Jumaini Ariff mula bercerita ketika bertugas sebagai seorang pendidik prasekolah lebih 20 tahun yang lalu. Pada tahun 2015, Puan Jumaini mula menjayakan watak pencerita 'Nek Selampit' dan sering muncul dalam

pesta warisan, kegiatan Bulan Bahasa di Singapura dan mewakili Singapura di festival bercerita antarabangsa. Melalui sumbangan penulisan dan penceritaan, beliau dilantik sebagai Duta Bahasa 2017. Kini Puan Jumaini menggalas tugas sebagai seorang pensyarah adjung di Institut Nasional bagi Pendidikan dan Perkembangan Awal Kanak-Kanak (NIEC) dan giat melatih para guru mengenai teknik penceritaan.

Cerita Rakyat: *Dikekalkan, atau Disongsangkan?*

Muhammed Shahril Bin Shaik Abdullah


Masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan cerita-cerita rakyat. Ini termasuklah cerita-cerita binatang seperti *Hikayat Sang Kancil*, cerita-cerita jenaka seperti *Pak Kadok* dan *Lebai Malang*, dan cerita-cerita epik seperti *Hikayat Hang Tuah* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Melalui cerita-cerita rakyat, kita boleh mendapat gambaran tentang masyarakat pada zaman lampau dari segi pemikiran, budaya, adat istiadat, serta susunan nilai sosial masyarakat tersebut.



Hak Cipta Terpelihara. Kuala Lumpur: Oyez Books, 2020.



Hak Cipta Terpelihara. Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn. Bhd., 2024.



Hak Cipta Terpelihara. Kuala Lumpur: Oyez Books, 2020.

Kebanyakan cerita-cerita rakyat telah diceritakan semula dan disampaikan secara turun-temurun dalam pelbagai wadah dan bentuk, termasuk filem, teater dan juga buku bergambar untuk pembaca kanak-kanak. Malah sebahagian besar sastera kanak-kanak berasal daripada cerita-cerita rakyat yang diwarisi dan dipetik daripada tradisi sastera lisan. Namun, sejauh manakah penceritaan semula cerita-cerita rakyat perlu kekal benar menurut versi asal? Haruskah cerita rakyat ini diubah suai mengikut perubahan zaman supaya kekal relevan? Atau haruskah cerita rakyat ini benar-benar diubah – ataupun, seperti mana yang disebut oleh A.A. Navis dalam salah satu cerpennya, disongsangkan – dengan tujuan mempermasalahkan versi yang asal atau untuk mengedepankan nilai-nilai baharu yang mungkin bertentangan dengan nilai-nilai yang terkandung dalam versi asal?

Sebagai contoh, salah satu cerita rakyat yang sangat popular dan berulang kali diceritakan semula ialah kisah Si Tanggung. Sebuah kisah yang

memberikan peringatan (*cautionary tale*), cerita ini mengisahkan seorang pemuda bernama Tanggang yang telah meninggalkan kedua-dua ibu bapanya untuk mengembara demi mengubah nasib keluarganya. Selang beberapa tahun kemudian, beliau akhirnya menjadi saudagar yang berjaya dan memperisterikan anak gadis saudagar kaya. Sewaktu kapal dagangnya berlabuh di kampung asalnya, Tanggang enggan turun untuk berjumpa dengan ibu bapanya sebab malu akan keadaan mereka yang miskin. Perbuatannya itu telah melukai perasaan ibunya yang lantas berdoa kepada Tuhan untuk menghukum anaknya yang derhaka.

Legenda anak derhaka ini biasa kita dengar melalui kisah-kisah seperti *Si Tanggang* di Malaysia, *Malin Kundang* di Indonesia dan *Nakhoda Manis* di Brunei Darussalam. Pada bahagian akhir kesemua cerita tersebut, anak yang derhaka telah disumpah oleh ibunya menjadi batu. Selain dijadikan alat hiburan untuk rakyat jelata baik yang muda mahupun yang tua dalam kalangan penduduk desa, cerita-cerita tersebut juga bertujuan mendidik dan menyemai norma-norma sosial dan nilai-nilai moral yang telah lama diamalkan sejak turun-temurun, seperti bekerja keras dan menghormati orang tua.

Cerita-cerita teladan ini juga sarat dengan pengajaran moral yang memberikan penekanan kepada balasan serta hukuman bagi orang-orang yang melakukan kejahatan dan keingkaran, seperti Si Tanggang yang telah disumpah menjadi batu oleh sebab keingkarannya terhadap kedua-dua orang tuanya.

Di sinilah letaknya peranan cerita rakyat sebagai alat pendidikan bagi masyarakat Melayu tradisional, terutamanya kanak-kanak, oleh kerana tiadanya sistem pendidikan formal. Seperti yang dinyatakan oleh Ismail Hamid (1986), kisah-kisah teladan seperti Si Tanggang perlu bersifat didaktik supaya dapat memberikan pengajaran kepada kanak-kanak agar tidak menderhaka kepada ibu bapa mereka, dan juga agar ibu bapa tidak menunjukkan kasih sayang yang berlebihan kepada anak-anak mereka, terutama sekali mereka yang mempunyai anak tunggal, oleh sebab perbuatan ini akan memberikan kesan negatif kepada jiwa kanak-kanak tersebut, lantas membawa kepada akibat yang tidak diingini (Hamid, 1986:30).

Selain dijadikan alat hiburan untuk rakyat jelata baik yang muda mahupun yang tua dalam kalangan penduduk desa, ***cerita-cerita tersebut juga bertujuan mendidik dan menyemai norma-norma sosial serta nilai-nilai moral yang telah lama diamalkan*** sejak turun-temurun, seperti bekerja keras dan menghormati orang tua.



Namun, dalam cerpennya yang bertajuk *Malin Kundang, Ibunya Durhaka*, A.A. Navis, seorang sasterawan dan budayawan terkemuka Indonesia, telah menterbalikkan konsep derhaka yang lazimnya ditujukan kepada seorang anak yang tidak taat atau telah mengkhianati orang tuanya. Melalui cerpen beliau yang ditulis pada tahun 1963 itu, A.A. Navis mengetengahkan suatu gagasan alternatif yang menimbulkan idea bahawa

Hak Cipta Terpelihara. Selangor: Kids Prima, 2023.



Si Tanggang yang ditulis oleh Shazlina Md Isa merupakan versi yang telah diubah suai, di mana bahagian akhir cerita telah diubah untuk menggambarkan watak seorang ibu yang jauh lebih penyayang.

penderhakaan tidak semestinya sehalu, malah boleh juga dilakukan oleh orang tua terhadap seorang anak. Berbeza dengan cerita rakyat *Malin Kundang*, si ibu dalam cerpen Navis telah mengkhianati anaknya Malin, bukan hanya dengan menggadai tanah mereka malah menjual harga dirinya sendiri kepada pengunjung dari seberang sewaktu Malin pergi merantau.

Penyongsangan yang dilakukan A.A. Navis terhadap cerita rakyat *Malin Kundang* ini sememangnya konsisten dengan pendirian beliau yang kritis terhadap autoriti yang tidak rasional. Ini dapat dilihat dalam beberapa penulisan beliau yang merupakan kritikan terhadap hubungan kuasa yang

tidak seimbang antara rakyat dengan pemerintah, majikan dengan pekerja, suami dengan isteri, juga kelompok kelas atasan dengan golongan kelas bawahan.

Dalam hubungan kuasa antara anak dengan orang tua misalnya, *Malin Kundang*, *Ibunya Durhaka* menawarkan suatu naratif balas (*counter narrative*) di mana ibu bapa, seperti manusia lain juga, mempunyai kecenderungan membuat kesilapan, manakala seorang anak pula mempunyai hak serta tanggungjawab untuk memberikan teguran malah membantah jika kelakuan orang tuanya membawa kerosakan di muka bumi. Naratif balas sebegini sangat diperlukan bagi menghuraikan masalah ketidakseimbangan kuasa, terutamanya pada zaman sekarang ini di mana masih ramai kanak-kanak yang didera dan dianiaya oleh ibu bapa mereka sendiri.

Naratif balas yang agak berbeza, walaupun kurang dramatik, juga dapat kita lihat dalam sebuah buku bergambar kanak-kanak. Diberikan tajuk yang sama dengan cerita rakyat asal, *Si Tanggang* yang ditulis oleh Shazlina Md Isa dan diterbitkan pada tahun 2023 oleh Kids Prima, cerita ini merupakan versi yang telah diubah suai, di mana bahagian akhir cerita telah diubah untuk menggambarkan watak seorang

ibu yang jauh lebih penyayang. Sewaktu anaknya tidak turun dari kapal, ibu Tanggang tidak berkecil hati malah berdoa kepada Tuhan supaya dipermudah segala urusan anaknya. Ini merupakan suatu pendekatan yang sangat berbeza, yang mencerminkan rasa kasih sayang suci seorang ibu terhadap anaknya, berbanding dengan




Hak Cipta Terpelihara. Kuala Lumpur: Oyez! Books, 2017.

Batu Belah, Batu Bertangkup memaparkan anak-anak sebagai mementingkan diri sendiri dan tidak mengenang jasa orang tua. Ini menyebabkan ibu mereka melarikan diri ke bukit berhampiran di mana beliau mencampakkan dirinya untuk ditelan batu bertangkup, lantas meninggalkan kedua-dua anaknya menjadi yatim piatu.

cerita asal yang menggunakan pendekatan didaktik berdasarkan balasan, hukuman dan sumpahan sebagai alat pendidikan untuk menanam rasa takut dalam diri kanak-kanak.

Satu lagi cerita rakyat yang menggunakan pendekatan didaktik sedemikian ialah *Batu Belah, Batu Bertangkup*, sebuah kisah peringatan yang juga sangat popular dan sering diceritakan semula. Seperti cerita *Si Tanggah*, cerita ini juga memaparkan anak-anak sebagai mementingkan diri sendiri dan tidak mengenang jasa orang tua. Ini menyebabkan ibu mereka melarikan diri ke bukit berhampiran di mana beliau mencampakkan dirinya untuk ditelan batu bertangkup, lantas meninggalkan kedua-dua anaknya menjadi yatim piatu. Kisah ini memberi amaran kepada anak-anak agar tidak menyakiti hati dan perasaan orang tua, serta sentiasa peka terhadap kesusahan ibu bapa mereka.

Masalahnya dengan cerita-cerita yang bersifat didaktik ini ialah bagaimana cerita ini menghalang kecenderungan kanak-kanak untuk membangunkan pendirian dan pemikiran mereka sendiri, bagi membangkitkan rasa ingin tahu serta keberanian untuk mencuba dan menjelajah, walaupun hal ini mungkin menyimpang daripada norma-norma tingkah laku yang telah ditetapkan masyarakat. Cerita-cerita tersebut berfungsi sebagai alat pujukan yang kuat untuk



Hak Cipta Terpelihara. Selangor: Kids Prima, 2023.


membuat kanak-kanak mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh golongan dewasa, dengan

menggunakan rasa takut dan ugutan untuk menanamkan sifat ketaatan dan kepatuhan serta mengawal tingkah laku mereka.

Namun pendekatan yang didaktik, yang bersifat authoritarian, sangat bertentangan dengan jiwa manusia yang mendambakan kebebasan. Oleh itu, perlu wujud cerita-cerita yang membebaskan. Salah satu caranya adalah dengan mengubah suai cerita-cerita rakyat yang sedia ada. Mengubah atau mengulang tulis cerita rakyat di sini bukan bermaksud sekadar mengubah alur, watak, mahupun format dengan tujuan untuk membuatnya lebih relevan kepada pembaca moden. Namun, apa yang dimaksudkan adalah mengubah cara pandang yang terkandung dalam cerita asal dengan menterbalikkan atau menyongsangkannya.

Penyongsangan cerita rakyat merupakan sebahagian daripada gerakan pemberontakan budaya (*countercultural movement*) demi menghasilkan naratif balas untuk melawan arus budaya yang menyekat, menindas, dan membelenggu.

Ini termasuklah arus pemikiran yang dipengaruhi kelas pemerintah Melayu zaman feudal, seperti idea taat setia tanpa batasan dan juga motif laknat Tuhan



yang pernah dibahasakan Shahrudin Maaruf (2022). Hal ini mencerminkan cara pandang yang bersandar kepada "perasaan takut kepada hukuman dari autoriti luaran" lantas membawa kesan ketiadaan pertanggungjawaban moral sesama manusia untuk menentang kejahatan dan ketidakadilan, selain berserah kepada Tuhan yang akan membuat pengadilan serta pembalasan (Shahrudin, 2022:58).

Sebagai contoh, kisah *Bawang Putih Bawang Merah*, sebuah cerita rakyat yang popular di mana seorang gadis bernama Bawang Putih hidup merana kerana diseksa dan sentiasa ditindas oleh kedua-dua ibu dan kakak tirinya. Walaupun diseksa dan dilayan secara tidak adil, beliau tidak pernah sekali membela dirinya sendiri tetapi sebaliknya bertahan malah berterusan memenuhi segala keperluan dan kemahuan penekannya, sebelum akhirnya diselamatkan oleh seorang putera yang memperisterikannya.

Di sinilah letaknya masalah dengan cerita rakyat sedemikian – apa jua bentuk ketidakadilan dan penindasan yang dialami oleh watak protagonis sangat mudah dilenyapkan dan dilupakan hanya dengan pengakhiran cerita yang melambangkan kebahagiaan sebagai ganjaran atas kesabaran serta ketabahan dalam melalui ujian dan seksaan. Seharusnya, cerita-cerita sebegini disongsangkan demi mewujudkan naratif balas yang memberdayakan dan membebaskan, berbeza daripada naratif dominan yang memperdayakan dengan janji balasan yang lumayan jika kita terus bersifat pasrah terhadap penindasan dan ketidakadilan.

Satu lagi naratif dominan yang memperdayakan ialah sifat taat setia tanpa batasan. Ini dapat dilihat

dalam beberapa cerita rakyat yang melibatkan wira-wira agung lagi disanjung dalam sejarah Melayu. Dalam buku beliau yang bertajuk *Peranan dan Perkembangan Sastera Kanak-Kanak*, Hadijah Rahmat mengajukan kritikan terhadap konsep wira dalam fiksi Melayu kanak-kanak dengan menunjukkan betapa gambaran tokoh-tokoh sejarah Melayu yang terkenal bersifat berat sebelah. Wira-wira feodal dari zaman Kesultanan Melaka seperti Hang Tuah dan Hang Jebat dipaparkan dalam cerita-cerita ini sebagai kayu ukur kecemerlangan serta keperwiraan yang unggul untuk dicontohi oleh kanak-kanak.

Hadijah bagaimanapun menyatakan bahawa dokumen-dokumen sejarah telah pun mendedahkan bagaimana keperwiraan mereka sebenarnya didorong oleh kepentingan peribadi dan juga bagaimana mereka menjalani kehidupan yang penuh dengan kerosakan akhlak tanpa sebarang prinsip dan pendirian. Ini dapat dilihat daripada ketaatan buta mereka kepada raja yang zalim dan juga apabila Hang Tuah merelakan dirinya dihukum bunuh menurut perintah raja, walaupun hakikatnya beliau difitnah, serta usaha beliau untuk mengambil semula hati raja dengan menculik Tun Teja. Hadijah menegaskan bahawa menyembunyikan fakta-fakta sejarah tersebut dalam kesusasteraan kanak-kanak akan membentuk kesedaran yang palsu dalam diri pembaca muda (Hadijah, 2006:138).

Sungguh pelik sekali jika kita inginkan anak-anak kita menganggap seorang yang bukan hanya tidak berpendirian malah juga seorang penculik sebagai wira yang harus disanjung dan dijadikan model kehebatan manusia.

Mengubah atau mengulang tulis cerita rakyat di sini bukan bermaksud sekadar mengubah alur, watak, mahupun format dengan tujuan untuk membuatnya lebih relevan kepada pembaca moden. Namun apa yang dimaksudkan adalah *mengubah cara pandang yang terkandung dalam cerita asal dengan menterbalikkan atau menyongsangkannya.*

Maka di sinilah terletaknya peranan penulis dalam menyongsangkan cerita-cerita rakyat sedemikian dengan mempersoalkan dan mempermasalahkan segala tindak-tanduk wira-wira dalam cerita, bukan sekadar menyanjung watak-watak tersebut secara membuta tuli.

Jika kita inginkan sebuah cerita rakyat yang membawa pengajaran moral, filem *Pendekar Bujang Lapok* arahan P. Ramlee jauh lebih baik dan berkesan untuk dijadikan bahan pengajaran buat anak-anak kita. Bukan sifat kepahlawanan Pendekar Mustar yang dijadikan teladan, tetapi sikap orang-orang biasa seperti tiga sekawan bujang lapok yang dari mula hingga akhir cerita, enggan tunduk kekuasaan golongan kapitalis samseng yang sentiasa membuli dan menindas golongan yang lemah. Sikap demikianlah yang seharusnya dijadikan model kehebatan manusia untuk anak-anak, iaitu keberanian melawan kelompok



Hak Cipta Terpelihara. Kuala Lumpur: Oyezi Books, 2020.



yang berkuasa demi mempertahankan hak serta maruah golongan yang lemah.

Contoh ini dapat kita lihat dalam buku bergambar *Shakeel dengan Sita* (2015) di mana penulis Shukri Edrus telah memilih pendekatan yang agak berbeza dengan melibatkan watak kanak-kanak dalam cerita rakyat berdasarkan Hikayat Seri Rama yang merupakan adaptasi epik Hindu Ramayana dalam kesusasteraan Melayu. Dalam cerita yang diubah suai ini, apabila protagonis kanak-kanak menyaksikan penculikan Ratu Sita Dewi oleh watak jahat Maharaja Wana, beliau dengan beraninya menyertai sama dalam perjuangan untuk menyelamatkan Sita Dewi. Maka seharusnya dihasilkan juga buku bergambar berdasarkan *Hikayat Hang Tuah* yang disongsangkan dengan melibatkan




Tidak semua cerita rakyat itu bermasalah atau perlu disongsangkan. Ada yang sepatutnya dikekalkan, seperti kisah-kisah *Hikayat Sang Kancil* yang memaparkan kekuatan seekor haiwan kecil mengatasi segala cabaran dengan menggunakan akal pintarnya.

seorang watak kanak-kanak yang berani berjuang untuk menyelamatkan Tun Teja daripada diculik.

Sememangnya tidak boleh dinafikan bahawa cerita-cerita rakyat seharusnya dihargai sebagai warisan kolektif, namun perlu untuk kita membaca cerita-cerita tersebut dari lensa yang kritis. Perlu dijelaskan di sini bahawa tidak semua cerita rakyat itu bermasalah atau perlu disongsangkan. Ada yang sepatutnya dikekalkan, seperti kisah-kisah *Hikayat Sang Kancil* yang memaparkan kekuatan seekor haiwan kecil mengatasi segala cabaran

dan halangan dengan menggunakan akal pintarnya sewaktu menghadapi haiwan lain yang lebih besar. Kisah ini berasaskan visi kemanusiaan yang memberikan semangat dan harapan kepada golongan yang merasakan diri mereka kerdil tanpa kuasa supaya berani menghadapi cabaran daripada kuasa yang lebih besar, serta menyelesaikan masalah dengan menggunakan akal, bukan melalui perasaan takut terhadap hukuman, balasan ataupun segala bentuk paksaan yang lain.

Cerita-cerita rakyat yang memberdayakan dan membebaskan dapat menawarkan imaginasi kepada para pendengar dan pembaca bahawa mereka mempunyai kuasa untuk memperbaiki keadaan sedia ada dan melawan ketidakadilan serta segala kelakuan yang membawa kepada kerosakan. Paling utama, hal ini



Apa yang kita perlukan bukanlah lebih banyak cerita rakyat yang diceritakan semula sekadar untuk mengagungkan masa silam, tetapi **penyongsangan cerita-cerita rakyat yang mempermasalahkan masa silam demi mewujudkan masa depan yang lebih baik untuk semua.**

memberikan harapan bahawa sistem yang sedia ada tidak semestinya sempurna lantas harus sentiasa diubah dan diperbaiki. Tugas ini memerlukan usaha bersama antara pustakawan, penerbit, penjual buku, penulis dan ilustrator, di samping dasar negara dan hala tuju yang ditetapkan oleh golongan elit yang akan memberikan kesan kepada cara pandang masyarakat, dunia sastra serta falsafah pendidikan kita.

Salah satu rukun utama yang perlu ada dalam proses penyongsangan cerita rakyat ialah tugas mendidik itu bukanlah bermaksud memindahkan ilmu tetapi mewujudkan kemungkinan bagi penghasilan atau pembinaan ilmu (Freire, 1998: 30). Rukun ini merupakan suatu ciri yang penting dalam proses pembelajaran bersifat kritis tentang nilai-nilai kemanusiaan yang mementingkan keadilan, kesetaraan, sentiasa berpihak kepada golongan yang lemah dan yang tertindas serta keberanian bercakap benar kepada golongan yang berkuasa diterapkan dalam diri kanak-kanak sejak kecil lagi. Pendekatan

ini akan dapat membantu kanak-kanak membesar dengan corak pemikiran yang membolehkan mereka membentuk semangat kemasyarakatan, perpaduan dan pertanggungjawaban sesama manusia.

Kesimpulannya, apa yang kita perlukan bukanlah lebih banyak cerita-cerita rakyat yang diceritakan semula sekadar untuk mengagungkan masa silam, tetapi penyongsangan cerita-cerita rakyat yang mempermasalahkan masa silam demi mewujudkan masa depan yang lebih baik untuk semua. **S**

Hak Cipta Terpelihara: Semua imej kulit dan kandungan buku yang dipaparkan adalah hak cipta penerbit dan tidak boleh digunakan semula tanpa kebenaran.

RUJUKAN

Murti Bunanta (1998). *Problematika penulisan cerita rakyat untuk anak di Indonesia*. Jakarta, Balai Pustaka.

Ismail Hamid (1986). *Sastra Rakyat: Suatu Warisan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.

A.A. Navis (1986). *Malin Kundang, Ibunya Durhaka*. Jakarta: Kompas.

Shazlina Md Isa (2023). *Si Tanggung*. Selangor: Kids Prima.

Shukri Edrus (2015). *Shakeel dengan Sita*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Freire, P. (1998). *Pedagogy of freedom: Ethics, democracy, and civic courage*. Maryland: Rowman & Littlefield.

Hadijah Rahmat (2006) *Peranan dan Perkembangan Sastra Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Shaharuddin Maaruf (2022). *Elit tradisi dan reformasi di Asia Tenggara*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre.

BIODATA

Muhammed Shahril Shaik Abdullah



Bertugas sebagai pustakawan kanan di Lembaga Perpustakaan Negara Singapura, Shahril mengendalikan beberapa program bacaan untuk kanak-kanak dari umur 1 hingga 9 tahun. Beliau memegang Sarjana

Pendidikan dari Universiti Monash (Australia) dalam bidang kepimpinan, dasar dan perubahan, dan Sarjana Sains dalam Pengajian Maklumat dari Universiti Teknologi Nanyang. Minat penyelidikan beliau termasuk sastra kanak-kanak dan pendidikan kritis. Beberapa tulisan beliau telah diterbitkan dalam buku *KOMENTAR: Renungan Isu-Isu Semasa* terbitan Mediagroup.



Seorang Manusia Bernama A. Samad Ismail

Muhammad Ilyia Bin Kamsani

Gambar: **Nur Azrina Abdul Samad**

*Ketika jurnalisme dibungkam, sastra harus bicara.
Karena bila jurnalisme bicara dengan fakta,
sastra bicara dengan kebenaran.*

~~~~~  
Seno Gumira Ajidarma

**K**ewartawanan Melayu memainkan peranan *sine qua non* dalam membentuk landskap sosiopolitik dan intelektual Tanah Melayu abad ke-20. Sebagai saluran komunikasi massa yang pertama kali diakses rakyat marhaen, akhbar-akhbar seperti *Utusan Melayu*, *Lembaga Malayu*, dan *Warta Malaya* bukan sekadar penyampai berita, tetapi menjadi “ruang kelas” tempat ideologi nasionalisme, sastera, dan kesedaran politik bertaut. Kewartawanan Melayu awal, yang lahir dalam tekanan kolonial, berfungsi sebagai senjata melawan hegemoni British—baik melalui kritik ekonomi mahupun penerbitan sajak-sajak kebangsaan oleh penulis seperti Keris Mas dan Usman Awang. Media cetak menjadi medium penyatuan identiti Melayu yang terpisah oleh sempadan negeri, sekaligus platform untuk melahirkan sastera yang mencerminkan realiti sosial. Perkembangan ini tidak dapat dipisahkan daripada peranan wartawan yang juga berfungsi sebagai sasterawan, aktivis, dan pemikir. Di sinilah figura A. Samad Ismail (Pak Samad) menonjol sebagai pemangkin kesedaran yang menjambatani ketiga-tiga domain tersebut.

Dari redaksi *Utusan Melayu* hingga sel penjara di bawah ISA, A. Samad Ismail bukan sahaja mentransformasi kewartawanan menjadi alat pendidikan politik, tetapi juga mengangkat isu masyarakat biasa ke pentas kebangsaan. Keunikannya terletak pada kemampuan menggabungkan ketajaman analisis politik dengan kepekaan sastera, suatu pendekatan yang menjadikan karyanya relevan baik dalam wacana kemerdekaan mahupun debat kontemporari tentang pluralisme. Sumbangan A. Samad Ismail dalam bidang kewartawanan, sastera, dan politik saling bersangkut-paut dalam perjuangan nasionalisme Melayu.



## Peranan dalam Membentuk Kewartawanan Melayu Moden

Kerjaya A. Samad Ismail sebagai wartawan dan editor meletakkan asas bagi pemodenan media berbahasa Melayu pada pertengahan abad ke-20. Karya awalnya di *Utusan Melayu* menandakan peralihan drastik daripada kewartawanan era kolonial yang sekian lama menjadi corong kepentingan British. Sebagai pemangku editor pada 1940-an, A. Samad Ismail mengubah akhbar tersebut menjadi platform wacana antipenjajahan, mengutamakan naratif berpusatkan rakyat dan memupuk identiti kolektif dalam kalangan pembaca. Beliau memperkenalkan rencana yang mengkritik dasar British seperti Malayan Union (1946) sambil memperjuangkan Merdeka melalui bahasa yang menggabungkan desakan kebangsaan dengan diplomasi.<sup>1</sup>

Di bawah kepimpinannya, *Utusan Melayu* menjadi ruang perdebatan intelektual dalam menerbitkan tulisan pemikir nasionalis seperti Abdul Rahim Kajai, Ishak Haji Muhammad (Pak Sako), Burhanuddin al-Helmy dan Ahmad Boestamam, serta meniti kewartawanan dengan aktivisme politik.

Inovasi editorial A. Samad Ismail diteruskan di *Berita Harian* di mana beliau menekankan penggunaan bahasa Melayu yang ringkas untuk menjangkau akses yang lebih luas bagi khalayak. Demokratisasi bahasa ini bukan sahaja meluaskan pembaca malah mentakrifkan semula kewartawanan sebagai alat pendidikan awam, bukan sekadar komunikasi elit.<sup>2</sup> Harapan beliau ketika itu sangat jelas:

“... kita menginginkan masyarakat yang kaya dengan maklumat atau informasi, berketerampilan dan mampu menapis, menyaring dan menimbang serta menilai maklumat yang diterimanya - dengan akal fikirannya sendiri dan budi bicaranya sendiri, terbuka fikiran dan mindanya kepada unsur-unsur positif dan membina daripada pengaruh sekitarnya serta sedia memberikan pendapat, fikiran dan tanggapannya terhadap isu-isu yang berkenaan dengan kepentingan dirinya, masyarakatnya dan bangsanya. Sebagai pembaca dia tidak pasif, tidak menerima mentah-mentah apa yang disodorkan kepadanya. Dia berperanan sebagai peserta yang aktif dan positif dalam keseluruhan proses komunikasi...”<sup>3</sup>

Di sebalik reformasi institusi, sumbangan terbesar A. Samad Ismail terletak pada bimbingannya terhadap generasi wartawan yang membentuk media Melayu selama berpuluh tahun. Beliau melembagakan piawaian dalam pelaporan—ketepatan fakta, kejutuan bahasa, dan akauntabiliti etika—prinsip yang jarang dipraktikkan dalam bidang yang ketika itu dikuasai sensasi.<sup>4</sup>

Misalnya, beliau menekankan bahawa kewartawanan ialah kontrak sosial antara akhbar

## A. Samad Ismail

mengubah akhbar *Utusan*

*Melayu* menjadi platform

wacana antipenjajahan,

mengutamakan *naratif*

*berpusatkan rakyat dan*

*memupuk identiti kolektif*

dalam kalangan pembaca.

Beliau memperkenalkan

rencana yang mengkritik

dasar British seperti

Malayan Union (1946)

sambil memperjuangkan

Merdeka melalui *bahasa*

*yang menggabungkan*

*desakan kebangsaan*

*dengan diplomasi.*

dan rakyat.<sup>5</sup> Maksimnya yang masyhur, “wartawan bukan tukang sebar berita, tapi penggalak pemikiran”, mencerminkan kepercayaannya bahawa media berperanan membangkitkan kesedaran kritis.<sup>6</sup>

Falsafah ini terpancar dalam laporan penyiasatan *Utusan Zaman* tentang kemiskinan luar bandar dan ketidaksamaan pendidikan, yang menggabungkan data dengan naratif empati. Dengan menyemai tanggungjawab sosial dalam amalan kewartawanan, A. Samad Ismail meningkatkan kredibiliti media Melayu, mengubahnya daripada pencatat peristiwa pasif kepada pelaku aktif dalam pembinaan negara. Tambah beliau, “Masyarakat moden dan maju yang begitu kompleks ialah cabaran paling berat untuk wartawan sekarang, yang menuntut kemampuan intelek dan disiplin pemikiran yang tinggi daripada wartawan, dan lebih penting ialah neraca pertimbangan yang saksama dan sama berat terhadap kepentingan tiap golongan daripada pembaca.”<sup>7</sup>

## Persimpangan Kewartawanan, Politik, dan Nasionalisme

A. Samad Ismail bukan sekadar wartawan, tetapi pemikir politik yang karyanya mencerminkan pergolakan ideologi zaman pascakolonial. Sebagai penyokong tegas kemerdekaan, beliau menggunakan platform *Utusan Melayu* dan *Berita Harian* untuk menyemai kesedaran nasionalisme Melayu yang progresif. Rencana-rencananya pada 1950-an, mengecam dasar ekonomi British yang meminggirkan orang Melayu, sambil menyeru perpaduan kaum sebagai asas kemerdekaan.<sup>8</sup> A. Samad Ismail percaya bahawa kewartawanan wajib menjadi “suara rakyat yang tertindas”, suatu prinsip yang mendorongnya menyokong parti seperti UMNO dan PKMM, walaupun beliau sering mengkritik kecenderungan elit dalam gerakan nasionalis.<sup>9</sup>

Dalam satu editorial 1955, beliau menulis: “Kemerdekaan bukan sekadar pengibaran bendera, tetapi pembebasan minda dari belenggu penjajahan fizikal dan mental.”<sup>10</sup> Pendekatan ini menjadikan akhbar-akhbar pimpinannya bukan sahaja sumber berita, tetapi juga manifesto perjuangan yang mempengaruhi dasar-dasar awal kerajaan pasca-Merdeka.

Tidak dapat tidak, antara ideanya yang paling ketara ialah semangat kemajmukan sebagai inti pati nasionalisme. Ini menjadi salah satu dasar komunikasi negara waktu itu. Beliau menulis:

*“Dasar komunikasi negara mengajukan dan menyarankan agar media cetak kita daripada pelbagai bahasa mempunyai agenda nasional dalam erti kata bahawa sementara setiap akhbar etnik berhak memperjuangkan kepentingan kelompok masing-masing, ia harus memberikan keutamaan kepada persoalan-persoalan nasional.”<sup>11</sup>*

Namun, hubungan A. Samad Ismail dengan kuasa politik tidak selalu harmonis. Penahanannya di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) pada 1976 mendedahkan ketegangan antara idealisme kewartawanan dengan kawalan negara. Kerajaan ketika itu menuduhnya “mengancam keselamatan negara” melalui tulisan yang menyoroti rasuah dan ketidakseimbangan sosioekonomi—isu yang dianggap sensitif.<sup>12</sup>

Meskipun dikritik sebagai “provokator” oleh sesetengah pihak, beliau tetap berpegang pada prinsipnya: “Kebenaran tidak memihak kepada parti atau pangkat.”<sup>13</sup> Kontroversi ini menggambarkan dilema abadi dalam sejarah media Malaysia: peranan akhbar sebagai pengimbang kuasa dengan tekanan untuk tunduk kepada agenda negara.

Di samping itu, A. Samad Ismail turut dikecam oleh nasionalis Melayu ekstrem kerana menolak naratif perkauman. Dalam memoirnya, beliau menegaskan bahawa nasionalisme yang sihat harus berpijak pada keadilan untuk semua, bukanlah dominasi satu kaum.<sup>14</sup> Sikap inklusif ini, yang mendahului zamannya, menunjukkan visinya untuk Malaysia sebagai negara majmuk yang bersatu di sebalik kepelbagaian. Ini jelas disampaikan dalam Seminar Kewartawanan Melayu pada tahun 1993:

*“Bidang komunikasi dalam masyarakat majmuk memerlukan keprihatinan luar biasa daripada pengamal komunikasi. Pengamal media Melayu harus memahami sensitiviti kaum lain demikian juga pengamal media Cina harus memahami sensitiviti keturunan dan agama lain... Pengamal media di negara kita wajar akrab dengan adat istiadat, tradisi, kepercayaan dan budaya kaum-kaum di negara ini.”<sup>15</sup>*

**Gambar kiri: A. Samad Ismail menerima pingat Panglima Setia Mahkota (PSM) daripada Duli Yang Maha Mulia Yang DiPertuan Agong, Almarhum Sultan Azlan Shah pada 1992. Pingat ini sekaligus memberinya gelaran Tan Sri.**





## Kewartawanan dan Sastera Mesti Terus Bicara Bebas

A. Samad Ismail dikenali sebagai perintis yang mengaburkan sempadan antara sastera dengan media massa. Melalui ruangan *Berita Harian* dan *Utusan Zaman*, beliau menerbitkan novel seperti *Kail Panjang Sejengkal* (1967), menulis teks ceramah kritikal seperti “Masalah Penulis-Penulis Baru” (1966) dan buku panduan seperti *Mengasah Bakat* (1966) terutamanya untuk penulis-penulis baru.

Tidak syak lagi, A. Samad Ismail banyak menggabungkan ketajaman jurnalistik dengan kehalusan sastera dalam karya-karya kreatifnya. Karyanya sering menyelitkan tema realisme sosial—seperti kemiskinan dan penindasan—dalam naratif yang mudah diakses, menjadikan sastera cerminan masyarakat.

Misalnya, *Tembok Tidak Tinggi*, yang mengisahkan konflik generasi dalam masyarakat Melayu urban, menggunakan dialog spontan dan latar kontemporari yang mencerminkan teknik reportase iaitu pemberitaan atau pelaporan. Pendekatan ini tidak hanya mempopularkan genre cerpen bersiri tetapi juga mengangkat isu-isu kompleks seperti modenisasi dan identiti Melayu ke khalayak umum.

Beliau sendiri pernah menyatakan: “Sastera dan kewartawanan adalah dua sungai yang bermuara di laut yang sama: kesedaran rakyat.”<sup>16</sup> Perjuangan inilah yang telah melahirkan ramai wartawan-sasterawan mapan seperti Keris Mas, Usman Awang dan Adibah Amin. Ketika beliau bertugas di *Utusan Melayu*, majikannya sendiri, Yusof Ishak, tidak melihat ruangan sastera dalam akhbar sebagai sesuatu yang menguntungkan. Maka terjadilah banyak percanggahan antara Yusof Ishak dengan A. Samad Ismail sendiri. Namun, kerana keyakinannya terhadap sastera, lebih-lebih lagi dengan pergaulannya dengan wartawan-sasterawan mapan

dari Indonesia seperti Rosihan Anwar dan Mochtar Lubis, A. Samad Ismail memartabatkan sastera terus-menerus. Nasihatnya buat para penulis dalam esei berjudul “Sasterawan dan Daya Menciptanya”, masih relevan hingga ke hari ini malah harus ditekankan semula lebih-lebih lagi dalam keadaan politik dunia yang semakin ke kanan:

*“... apa yang harus saudara titikberatkan ialah menanam pada diri saudara rasa cinta dan rasa perasaan dengan cita-cita rakyat umumnya untuk hidup bahagia pada masa depan. Dengan jalan demikian, dapatlah bahan-bahan yang telah saudara usahakan itu untuk tulisan saudara, hidup sehidup-hidupnya dengan rasa perikemanusiaan”<sup>17</sup>*

Legasi A. Samad Ismail kekal relevan dalam wacana media dan sastera Melayu kontemporari. Prinsipnya tentang penguasaan bahasa yang hidup mempengaruhi generasi penulis seperti Rustam Sani, Shahnnon Ahmad dan A. Samad Said yang menggabungkan kesederhanaan bahasa akhbar dalam karya kreatif mereka.

Di sebalik itu, idealisme beliau tentang kebebasan akhbar terus menjadi rujukan dalam debat semasa, seperti bias penapisan dan penguasaan politik ke atas media. Menurut beliau:

*“Kita mempunyai tradisi media yang dalam zaman perjuangan kemerdekaan memberikan seluas mungkin kebebasan kepada rakyat untuk bersuara dan berdebat. Halaman media merupakan parlimen rakyat, suatu wadah untuk rakyat menyalurkan pendapat dan fikiran mereka tentang setiap persoalan hidup dan negara. Tradisi ini wajar dikekalkan untuk menyuburkan sistem demokrasi negara.”<sup>18</sup>*



## Bidang komunikasi dalam masyarakat majmuk memerlukan keprihatinan luar

biasa daripada pengamal komunikasi. *Pengamal media Melayu harus memahami sensitiviti kaum lain demikian juga pengamal media Cina harus memahami sensitiviti keturunan dan agama lain...*”

### A. Samad Ismail

Seminar Kewartawanan Melayu (1993)



## Sastera dan kewartawanan adalah dua sungai yang bermuara di laut yang sama: *kesedaran rakyat.*

**A. Samad Ismail**



Namun, pendiriannya terhadap sastera sebagai penggerak nurani sosial masyarakat dan bangsa tidak terlepas daripada kritikan. Sarjana seperti Ismail Hussein berpendapat bahawa karya A. Samad Ismail terlalu "didaktik", mengorbankan nilai estetik demi mesej sosial.<sup>19</sup> Pendapat sebegini sering berlaku apabila seorang pengamat/pengkritik sastera itu mengambil pendekatan formalistik mahupun linguistik tanpa mencerahkan apa sebenarnya persoalan tunjang tentang manusia dan masyarakat yang hendak diangkat sang pujangga.

Meskipun begitu, pengaruh A. Samad Ismail sebagai "jurnalis-sasterawan" yang berani tetap diakui, terutamanya dalam konteks yang terus bergelut dengan warisan kolonial dan polarisasi kaum. Ramai sasterawan mapan, sejumlah besarnya sudah diiktiraf sebagai Sasterawan Negara, tidak pernah lepas melahirkan penghormatan kepada beliau. Sebilangan besar juga menganggapnya sebagai seorang guru dan mentor sastera. Mereka sedar inti pati perjuangannya. A. Samad Ismail dalam apa jua bidang yang dijejakinya, tidak dapat tidak, ialah untuk saling berbagi rasa sesama manusia. Menerusi kewartawanan dan sasteralah ia harus berbicara.

Sebagai tokoh multidimensi dalam sejarah intelektual pascamerdeka, A. Samad Ismail meninggalkan legasi yang tidak ternilai melalui integrasi kewartawanan, sastera, dan nasionalisme. Analisis tiga dimensi kerjayanya mendedahkan bagaimana beliau bukan sahaja memodenkan media Melayu tetapi juga menanamkan nilai-nilai progresif yang membentuk identiti negara pascakolonial.

Pertama, kepimpinannya di *Utusan Melayu* dan *Berita Harian* mengangkat kewartawanan Melayu daripada alat propaganda kolonial kepada platform kritikal untuk pendidikan awam. Dengan mentransformasi bahasa akhbar menjadi lebih mudah dan relevan, beliau membuka ruang dialog inklusif yang menyatukan masyarakat pelbagai kaum di bawah wawasan kemerdekaan.

Kedua, keterlibatannya dalam gelanggang politik—melalui rencana yang membakar semangat antipenjajahan mahupun teguran terhadap ekstremisme perkauman—membuktikan bahawa media berfungsi sebagai cerminan nasib bangsa. Walaupun dihambat oleh penahanan ISA, prinsipnya tentang kebenaran dan keadilan tetap teguh, menjadi inspirasi kepada generasi wartawan yang menolak kompromi dengan kuasa korup.



Lukisan potret A. Samad Ismail dan isterinya, Hamidah Hassan, juga seorang wartawan. Dilukis berasaskan foto tahun 1950, daripada koleksi keluarga.



Ketiga, sumbangan sasteranya, seperti novel *Tembok Tidak Tinggi*, mengukuhkan hubungan simbiotik antara jurnalisme dengan kreativiti sastera, sekaligus mendemokrasikan akses kepada wacana sosiobudaya. Bakti A. Samad Ismail terus bersinar dalam era digital ini, di mana prinsipnya tentang integriti media dan pluralisme relevan dalam menangani cabaran seperti maklumat palsu dan polarisasi kaum. Seperti katanya, “Kewartawanan yang bebas ialah nafas demokrasi”—suatu falsafah yang mengingatkan kita bahawa perjuangan untuk masyarakat yang adil tidak akan selesai. Esei ini bukan sekadar penghargaan terhadap jasanya, tetapi juga seruan untuk meneladani visinya: sebuah masyarakat di mana media berani, sastera menyedarkan, dan nasionalisme dibina atas asas kemanusiaan sejagat. 

*Hak Cipta Terpelihara: Semua gambar-gambar milik Puan Nur Azrina Abdul Samad. Tidak boleh digunakan semula tanpa kebenaran.*

## RUJUKAN

### Abdul Aziz Bari.

*Politik dan Akhbar di Malaysia: Peranan Utusan Melayu.* Kuala Lumpur: IKMAS, 2009.

### Ahmat Adam.

*The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness.* Ithaca: Cornell University Press, 1995.

### A. Karim Haji Abdullah.

*Antara Pemikiran A. Samad Ismail.* Shah Alam: Fajar Bakti, 1997.

*A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991.

### A. Samad Ismail.

“Merdeka dan Minda Merdeka.” *Berita Harian*, 31 Ogos 1955, 4.

“Peranan Wartawan dalam Masyarakat.” *Dewan Masyarakat*, Mei 1965, 12.

*Memoir A. Samad Ismail di Singapura.* Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1993.

Interview. *Majalah Watan*, April 1980, 22.

### Cheah Boon Kheng.

*Malaysia: The Making of a Nation.* Singapura: ISEAS Publishing, 2002.

*Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941–1946.* Singapura: NUS Press, 2003.

### Ismail Hussein.

*Kritikan Sastera Melayu: Tradisi dan Moden.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

### Kua Kia Soong.

*445 Days Under the ISA.* Petaling Jaya: SUARAM, 1989.

### William R. Roff.

*The Origins of Malay Nationalism.* New Haven: Yale University Press, 1967.

# Bakti A. Samad Ismail terus bersinar dalam era digital ini, di mana prinsipnya tentang *integriti media* dan *pluralisme* relevan dalam menangani cabaran seperti *maklumat palsu* dan *polarisasi kaum*.

- 1 Cheah Boon Kheng, *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941–1946* (Singapura: NUS Press, 2003), 45.
- 2 William R. Roff, *The Origins of Malay Nationalism* (New Haven: Yale University Press, 1967), 178.
- 3 A. Karim Haji Abdullah, *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (Shah Alam: Fajar Bakti, 1997), 50–51.
- 4 Ahmat Adam, *The Vernacular Press and the Emergence of Modern Indonesian Consciousness* (Cornell University Press, 1995), 204.
- 5 A. Karim Haji Abdullah, *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 143.
- 6 A. Samad Ismail, “Peranan Wartawan dalam Masyarakat,” *Dewan Masyarakat*, Mei 1965, 12.
- 7 A. Karim Haji Abdullah, *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 148.
- 8 Cheah Boon Kheng, *Malaysia: The Making of a Nation* (Singapura: ISEAS Publishing, 2002), 67.
- 9 Abdul Aziz Bari, *Politik dan Akhbar di Malaysia: Peranan Utusan Melayu* (Kuala Lumpur: IKMAS, 2009), 102.
- 10 A. Samad Ismail, “Merdeka dan Minda Merdeka,” *Berita Harian*, 31 Ogos 1955, 4.
- 11 A. Karim Haji Abdullah, *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (Shah Alam: Fajar Bakti, 1997), 52.
- 12 Kua Kia Soong, *445 Days Under the ISA* (Petaling Jaya: SUARAM, 1989), 55.
- 13 Wawancara dengan A. Samad Ismail, *Majalah Watan*, April 1980, 22.
- 14 A. Samad Ismail, *Memoir A. Samad Ismail di Singapura*.
- 15 A. Karim Haji Abdullah, *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (Shah Alam: Fajar Bakti, 1997), 51.
- 16 Wawancara dengan A. Samad Ismail, *Dewan Sastera*, Februari 1978, 7.
- 17 A. Karim Haji Abdullah, *A. Samad Ismail: Ketokohan dan Kewartawanan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1991), 234.
- 18 A. Karim Haji Abdullah, *Antara Pemikiran A. Samad Ismail* (Shah Alam: Fajar Bakti, 1997), 51.
- 19 Ismail Hussein, *Kritikan Sastera Melayu: Tradisi dan Moden* (Kuala Lumpur: DBP, 1988), 77.

## BIODATA



### Muhammad Ilyia Bin Kamsani

memperoleh Sarjana dalam bidang Pengajian Melayu dari Jabatan Pengajian Melayu, NUS. Sebagai seorang aktivis budaya, beliau berminat untuk mengkaji dunia intelektual, termasuklah persoalan mengenai warisan, bahasa, sastera, dan falsafah sosial. Ilyia dilantik sebagai Sahabat Sastera oleh Majlis Bahasa Melayu Singapura pada 2021.

# Hidup Kayu Berbuah, *Hidup Manusia Berjasa*



*Amanah  
Mustafi*



*Mas'amah  
Ruah*



*Nadiputra*



*Pairah  
Satariman*



*Suhaimi  
Mohsen*

## MUKADIMAH

Begitulah peribahasa Melayu yang membawa maksud yang mendalam tentang peranan manusia dalam kehidupan.

Seperti pokok kayu yang hidup akan menghasilkan buah-buahan yang bermanfaat untuk makhluk lain, begitu juga manusia yang hidup seharusnya memberi manfaat dan berbuat kebajikan kepada orang lain dan masyarakat.

Sempena sambutan SG60, kami paparkan lima individu yang telah banyak memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara dalam bidang kepakaran masing-masing. Ayuh, kita selongkar suara emas lima individu tersebut!



# Amanah Binti Mustafi

Penulis



**MENERIMA** anugerah bagi Skrip Drama, Cerpen dan Buku Bergambar Kanak-kanak anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura. Dianugerahi Skrip Drama Terbaik bagi dua buah dramanya di Pesta Perdana. Lirik lagu, "Titik Merah" menjadi Johan dalam pertandingan Lirik Terbaik kelolaan Berita Harian/Berita Minggu (2015). Dua buah skrip drama yang dihasilkan dipilih untuk antologi sastera bagi peperiksaan GCE peringkat 'O' (2012) dan GCE peringkat 'A' (2021). Menerbitkan 5 buah buku. Pernah menjadi mentor di Program Penulisan Mastera (2010) dan mewakili Singapura di Program Penulisan Antarabangsa di Iowa, Amerika Syarikat (2016).

**Melihat kembali kepada pengkaryaan yang pernah dihasilkan, apakah pengkaryaan yang dianggap terbaik secara peribadi? Apakah inspirasi yang menyumbang kepada pengkaryaan tersebut?**

"Bubur Masjid Air Katira" dinobatkan sebagai Drama Terbaik di Pesta Perdana 2003. Menulis untuk membuat penonton ketawa jauh lebih mencabar daripada menulis untuk membuat orang menangis. Penonton masih ingat drama itu biarpun sudah bertahun-tahun berlalu. Pelakon utama drama juga meluahkan keseronokan berlakon kerana senang dengan jalan cerita tersebut.

Sebenarnya, drama komedi itu tercipta hasil daripada perasaan marah yang ada dalam diri. Ada dalam kalangan umat Islam tidak berpuasa tanpa sedikit pun rasa bersalah. Ada pula yang berpuasa tetapi melihat puasa pada kulitnya sahaja. Saya melampiaskannya dalam bentuk drama. Namun saya bukan sahaja mengolah tetapi menggodam isu itu agar menyelami hati penonton ke dasar yang paling dalam.

Untuk itu, saya beratkan pada pendekatan cerita dengan mengadunkan 3 unsur dengan sehati: faktor ugama, sikap/pemikiran terhadap puasa dan kebiasaan sewaktu Ramadan. Ketiga-tiga unsur ini digobek lumat agar penonton melihat cerita itu seolah-olah cerita yang datang daripada mereka bukan penulis.

**Bagaimanakah anda menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa?**

Sebagai penulis, kita perlu ambil tahu tentang perkembangan semasa. Bukan sahaja hal yang besar tetapi juga perkara yang dipandang remeh oleh masyarakat. Ini boleh dilakukan melalui pembacaan, percampuran serta perhubungan dengan media sosial, media cetak dan media elektronik.

Sewaktu hendak melahirkan konsep "Anak Metropolitan", kami menemu ramah pemuda yang sudah lama terlibat dalam dunia samseng dan juga mengunjungi tempat mereka. Sewaktu hendak melakar "Jeritan Sepi" pula, kami melakukan 'night club hopping' untuk menyerap dunia malam yang juga berubah dengan peredaran masa.

Penulis perlu memiliki sifat ingin tahu dan keterbukaan untuk melihat isu semasa dari sisi lain, berbeza dari sudut pandangan umum. Keupayaan untuk melihat sesuatu permasalahan daripada kaca mata yang luas dan persepsi yang pelbagai, penting. Aspek ini penting kerana penulis akan menjadi watak yang berbeza dan berada dalam situasi yang berlainan apabila dia menghasilkan karya fiksi. Penulis bukan sekadar hendak tahu tentang perkembangan semasa tetapi menilainya dengan cara yang tersendiri.


 Saya berani mengatakan bahawa kematangan, pengalaman dan kecekalan sangat penting. Hal ini membuat saya melihat tuntutan itu bukan sebagai hambatan tetapi peluang untuk menjadikan saya lebih kreatif... *Kreativiti yang hebat bukan muncul dari suasana yang tenang tetapi daripada kecelaruan.*



Melawat Turki bersama penerbit eksekutif, penerbit Radio Televisyen Brunei (RTB) dan penyelia lokasi sebagai persediaan untuk penggambaran MOU.

#### Bagaimanakah anda mengimbangi antara tuntutan profesional dengan aspek kreativiti dalam penulisan?

Bagi media televisyen nasional, ada perkara-perkara yang diberikan sebagai garis panduan. Ada kalanya, tuntutan itu bergeser dengan kehendak penulis. Sewaktu saya baru menulis drama, saya anggap hal ini mematikan kreativiti saya.

Saya berani mengatakan bahawa kematangan, pengalaman dan kecekalan sangat penting. Hal ini membuat saya melihat tuntutan itu bukan sebagai hambatan tetapi peluang untuk menjadikan saya lebih kreatif – bagaimana saya harus menghormati batas-batas itu dan pada masa yang sama menyampaikan cerita dengan sebaik mungkin mengikut kehendak penulis. Pasti hal ini memerah otak saya dan memakan masa. Tanpa disedari, proses itu membuat saya memikirkan kemungkinan-kemungkinan jalan lain untuk menyampaikan cerita yang sama. Ada kalanya, hal ini memberi saya idea baharu yang meningkatkan mutu karya.

Kreativiti yang hebat bukan muncul dari suasana yang tenang tetapi daripada kecelaruan.

#### Apakah pandangan anda tentang impak media sosial terhadap penulisan dan penerbitan?

Media sosial memudahkan kita menerima laporan balik atau komen mengenai karya yang kita hasilkan. Hal ini harus dipandang positif kerana sebarang komen akan membuat kita menilai semula karya yang kita hasilkan. Ringkasnya, media sosial menyuntik pandangan tetapi penulisan dan penerbitan memiliki dunia dan kepentingannya sendiri yang harus ditangani dengan bijak.

Biar apa pun laporan balik yang kita terima dari media sosial, kita perlu tahu tentang citarasa dan aspirasi masyarakat. Kita boleh menghasilkan pelbagai cerita seperti yang dilahirkan oleh filem dan televisyen luar negara. Namun, satu perkara yang perlu kita sedar ialah roh dan jiwa karya kita itu mestilah mencerminkan masyarakat kita.

#### Melihat kembali perjalanan anda sebagai penulis, apakah yang boleh anda ungkapkan dalam sebaris ayat?

Menulis telah mendewasakan saya dalam banyak sisi, yang tidak mungkin saya harungi jika saya tidak menceburi bidang ini.



Bersama pelakon Junaidi Sali (kanan) dan pengacara-pelakon Suzairhe Sumari (kiri) sewaktu Pesta Perdana ke 17 pada 2023.



# Mas'amah Binte Ruah

*Kaunselor Sekolah Adjung*



**BERTUKAR** kerjaya daripada bidang pentadbiran kepada bidang perguruan pada 1976. Memulakan kerjaya sebagai seorang guru di CHIJ St Theresa's Convent pada tahun 1979 sehingga persaraan pada Julai 2012. Dilantik sebagai Ketua Jabatan Kemaslahatan Pelajar dan kemudian bagi Jabatan Estetika di sekolah yang sama. Dengan ijazah yang diperoleh dari SUSS dalam bidang kaunseling, khidmat kaunseling diperluas ke beberapa buah sekolah selepas persaraan termasuklah maktab rendah, sekolah menengah dan sekolah rendah. Kini, masih berkhidmat sebagai kaunselor adjung di sebuah sekolah rendah dan masih lagi aktif selaku anggota sukarelawan Pandu Puteri.

## Apakah yang mendorong anda untuk berkhidmat kepada orang lain?

Satu perkara penting yang saya pelajari tentang khidmat kepada orang lain adalah melalui pelibatan saya sebagai anggota Pandu Puteri, baik di bangku sekolah mahupun sebagai guru CCA. Puan Anna Tham, Kapten Ibu Pejabat Pandu Puteri Singapura mendedahkan kami kepada kerja kemasyarakatan seperti membersihkan rumah-rumah kampung, mengumpul dana dan mendampingi warga emas. Pendedahan sedemikian meninggalkan kesan yang mendalam kerana sehingga kini, saya masih berkhidmat kepada komuniti warga emas. Sebagai sukarelawan Trefoil Guild, saya menyediakan makanan untuk 50 orang penduduk tua di kawasan Bishan, sebulan sekali. Saya juga masih melawat Rumah Sree Narayana Mission Home (SNMH) di Yishun secara peribadi sehingga hari ini.

Selain Puan Anna Tham, bapa saya juga merupakan suri teladan dalam hidup saya. Saya membesar dengan menyaksikan beliau berkhidmat di masjid. Setiap hari sebelum menunaikan solat Subuh dan solat Asar, beliau akan membersihkan perkarangan masjid dan membentangi tikar untuk jemaah yang lain sehinggalah beliau berpulang pada usia 83 tahun. Beliau sentiasa mengingatkan saya agar bersikap rendah diri. "Tugas yang dilakukan ialah jihad dalam kehidupan," pesan beliau.

## Apakah kemahiran atau sumber yang anda ada yang boleh memberi manfaat paling besar kepada orang lain? Bagaimanakah anda mengukur sama ada bantuan anda benar-benar membantu?

Program Pandu Puteri dan didikan ayah saya merupakan kemahiran hayat yang penting. Kemahiran seperti menetapkan matlamat peribadi, membuat keputusan dan membina pasukan dalam persekitaran yang selamat dan menyokong telah membentuk keperibadian saya.

Saya merupakan jurulatih World Association of Girl Guides and Girl Scouts (WAGGGS) yang berkelayakan dan bertauliah serta Pembimbing yang berlesen untuk membawa pelajar perempuan berkhemah di dalam atau di luar negara. Sebagai ahli Pasukan Latihan Pandu Puteri dari 1983 hingga 2022, saya menyokong semua modul latihan, melatih guru-guru baharu untuk menjadi Pembimbing di sekolah mereka. Semasa pandemik Covid-19, kami menjalankan latihan melalui Zoom. Kami tidak pernah berhenti menjalankan latihan.

Sebagai Kapten Unit Pandu Puteri di sekolah, saya memastikan ada pemerikasaan kepada pelajar perempuan saya untuk menjadi pemimpin. Unit Pandu Puteri saya di sekolah adalah antara yang terbaik di Bahagian Selatan. Saya membantu sekolah-sekolah lain untuk melatih Pandu Puteri mereka untuk menjadi Penerima Anugerah Pandu Puteri Presiden dan cara merancang latihan perkhemahan yang berjaya.





Melawat St John's Home for Elderly Persons di Willow Avenue untuk mendampingi warga senja.

Kanan: Menyemai rasa empati dan belas dalam diri cucu semasa melakukan kerja kemasyarakatan di Trefoil Guild.



mengenal kekuatan sendiri, minat dan kecenderungan mereka yang boleh membantu dalam merancang kerjaya masa hadapan. Saya juga menunjukkan pilihan yang ada di peringkat pascamenengah sehinggalah ke peringkat

universiti. Melalui aktiviti ini, kanak-kanak juga diajar tentang kemahiran belajar dan pengurusan masa agar mereka lebih bersedia untuk menghadapi tuntutan pelajaran. Sesi perbincangan yang berterusan dengan guru dan ibu bapa penting untuk membina jaringan yang menyokong pembangunan kanak-kanak tersebut.

Perjalanan anda bukan untuk menjadi yang lebih baik tetapi untuk menemukan kekuatan, kebijaksanaan dan ihsan yang sememangnya sudah wujud dalam diri anda. *Jadilah penyuluh kepada orang lain.*

Satu perkara yang sangat saya banggakan ialah Latihan Empati yang saya reka untuk Pandu Puteri apabila kami mula melawat SNMH. Latihan ini juga diguna pakai oleh Pekerja Sosial SNMH untuk melatih sukarelawan mereka. Saya sangat bangga apabila melihat Pandu Puteri dan Brownies hari ini tidak lagi takut terhadap warga emas di SNMH. Mereka tahu matlamat mereka ke sana adalah untuk membawa keceriaan dan kegembiraan kepada warga emas yang telah banyak menyumbang kepada Singapura. Bagi warga emas di SNMH, senyuman mereka apabila melihat pelajar-pelajar berpakaian biru atau coklat melawat mereka, ialah anugerah untuk saya.

Satu perkara yang menggembirakan saya juga adalah ramai dalam kalangan Pandu Puteri saya menceburkan diri dalam bidang perkhidmatan – menjadi guru, pekerja sosial atau ahli terapi.

#### **Bagaimanakah anda mewujudkan pemerkasaan dan bukan kebergantungan kepada orang yang dibantu?**

Sebagai kaunselor sekolah, saya tidak menggalakkan kebergantungan kepada orang lain. Saya menyediakan sokongan dan bimbingan untuk membantu kanak-kanak mengemudi tuntutan akademik, sosial dan emosi agar mereka dapat membuat pilihan atau keputusan dalam kehidupan mereka.

Satu cara saya memperkasakan murid-murid sekolah rendah adalah melalui VARK Learning Styles Questionnaire. Melalui soalan-soalan ini, kanak-kanak

#### **Bagaimanakah anda mengimbangi antara penjagaan orang lain dengan penjagaan diri sendiri? Apakah batasan yang perlu anda kekalkan untuk berkhidmat secara berkekalan?**

Penjagaan diri sendiri penting untuk menghindari daripada *burnout*. Mengamalkan penjagaan diri juga mampu menjadikan kita teladan yang lebih baik dengan mempamerkan kepentingan menetapkan batasan dan menjaga kesejahteraan dalam kehidupan.

Saya menghargai masa bersama keluarga – dua orang anak lelaki saya dan cucu saya. Melakukan aktiviti seperti makan bersama, bermain permainan seperti scrabble atau UNO, menonton wayang atau bersenam di gimnasium sebenarnya mencipta pengalaman dan memori bersama. Aktiviti sebegini merapatkan lagi hubungan kekeluargaan dan mampu merendahkan tekanan serta meningkatkan kesejahteraan mental.

Menjaga kesihatan fizikal sama penting. Walaupun saya kini sudah mencecah usia 71 tahun, saya masih meluangkan masa di gimnasium di Hospital Besar Singapura sekurang-kurangnya seminggu sekali. Saya dipantau oleh ahli terapi yang terlatih yang akan memberikan nasihat mengenai cara saya melakukan senaman. Saya juga bersiar-siar di Taman Botanik atau kawasan berdekatan Sungai Kranji untuk mendekatkan diri dengan alam semulajadi.

#### **Apakah nasihat yang boleh anda berikan kepada diri anda sebagai seorang remaja dahulu?**

Nama anda Mas'amah yang bermaksud "maruah". Ini mencerminkan warisan dan kekuatan. Berbanggalah dengan asal usul anda. Anda yang membentuk identiti anda yang sebenar. Nilai, minat dan batasan penting. Berikan tumpuan terhadap penerokaan untuk memahami diri sendiri, bina daya tahan untuk mengharungi perjalanan dan tentukan matlamat dalam kehidupan.

Anda sudah cukup sempurna. Perjalanan anda bukan untuk menjadi yang lebih baik tetapi untuk menemukan kekuatan, kebijaksanaan dan ihsan yang sememangnya sudah wujud dalam diri anda. Jadilah penyuluh kepada orang lain.

# Almahdi Al-Haj Bin Ibrahim @ Nadiputra

Penggiat Seni



**PENULIS** skrip, pelakon, pengarah dan penerbit drama (televisyen radio teater dan bangsawan). Penasihat Opera Academy Singapura, Pengendali Theatre 2000 dan Koir Harmoni Orkid. Penerima Anugerah Pingat Budaya 1986 (Drama), Anugerah Persuratan Berprestij, Anugerah Tun Seri Lanang pada tahun 2013, Penerima Anugerah S.E.A. Write Award dan Anugerah Warisan Budaya Tidak Ternilai 2021.

## Bagaimanakah anda mengimbangi antara aspek artistik dengan isu-isu berkaitan moral, sosial dan agama melalui persembahan teater?

Meminjam kekata penulis, pengarah tersohor dunia, Alfred Hitchcock: TUNJANG sebuah pementasan ialah Naskhah, Naskhah, Naskhah.

Oleh itu, tunjang persembahan teater ialah naskhahnya. Isu-isu berkaitan moral, sosial dan agama ialah aspek-aspek penting yang perlu dipaut dalam perlakuan watak-watak secara lahiriah dan batiniah. Sikap dan sifat melalui aksi watak merupakan pencerminan moral, sosial dan agama yang diamalkannya. Hal ini boleh dijadikan teladan atau sempadan.

Bicara kata, penuturan dalam kata bual (dialog) ialah kesan kehidupan yang diragami nilai artistik pengucapan. Begitu juga dengan pencahayaan dan penataan set. Semua ini, lebih-lebih lagi dialog yang dihalusi setiap kata yang terbit daripada pencernaan teliti, sama ada secara kiasan, falsafah juga keindahan bahasa yang disesuaikan dengan watak akan diberi kesan artistiknya agar elok dan enak dipaparkan, seronok diterima sekalipun pedas sisipan yang tersirat.

## Secara peribadi, apakah persembahan teater yang dianggap paling berkesan yang pernah dihasilkan? Mengapa?

Teater MASJID BERSALIB. Pementasan teater ini berlaku di dalam sebuah gereja. Melalui gereja yang ingin diserahkan seorang paderi kepada seorang penghulu kampung agar dijadikan masjid menjadi tengkarah antara seorang paderi dengan seorang imam kampung. Sang Penghulu tersepit antara tengkarah 'niat murni' paderi ini dengan penerimaan imam yang mencurigakan. Hal ini disulitkan lagi bila anak lelaki penghulu dan anak perempuan imam terlibat dalam keterlanjuran. Mereka diselamatkan paderi dengan memberi perlindungan terhadap kedua remaja tersebut.

Penanganan agama oleh paderi dan imam mencetuskan "musibah" dan akidah pasangan remaja yang memeluk agama Kristian dek kesediaan paderi menyelesaikan keterlanjuran mereka dengan baik.

Tengkarah 'murtad' wujud – yang akhirnya remaja lelaki yang teguh pendirian memeluk agama Kristian, sementara anak perempuan imam dapat diselamatkan dan akhirnya bertaubat ke jalan yang benar.

Tengkarah teater Masjid Bersalib terbit bukan sahaja daripada tajuknya, malah kandungan naskhah yang mencetuskan cabaran yang amat merumitkan. Hal ini kerana persembahan ini dipentaskan selama dua malam berturut-turut ala bangsawan, yang mana para penonton harus datang pada malam kedua persembahan tersebut untuk mengetahui kesudahan cerita.



### Apakah yang mendorong anda untuk terus menyumbang dalam bidang pementasan teater?

Nikmat dan hikmah menulis, mengarah, dan berlakon teater jadi pembakar semangat saya berkarya dalam seni pementasan, khususnya seni teater. Selain memanfaatkan naskhah sebagai wadah untuk berjihad, seni pementasan (teater) memberi santapan jasmani dan rohani saya. Santapan ini juga ialah roh-roh kehidupan ciptaan makhluk Illahi Rabbi, yang menjadi ilham sekaligus ilmu dalam mendidik jati diri saya terhadap Bahasa, Nusa dan Bangsa.

Walaupun berhadapan dengan penuh cabaran, teater menduga kemampuan minda saya untuk meneroka dan mencipta kebenaran serta membawa kenyataan pergolakan dunia ke persada pentas yang dapat saya kongsi bersama dengan masyarakat. Melalui wadah ini, masyarakat berpeluang untuk mengalami wajah dan laluan hidup yang mungkin tidak pernah terlintas dalam minda mereka sendiri dan menghayati suka dukanya serta keluarbiasaannya.

Teater menghibur dalam paparan ciptaan pergolakan duniawi dan ukhrawi.

### Bagaimanakah persembahan teater boleh disesuaikan untuk memenuhi cita rasa penonton yang pelbagai?

Pergolakan hidup manusia sentiasa mengalami perubahan. Tidak mahu tidak, masyarakat harus menerima hakikat penanganan mereka sendiri terhadap kebangkitan zaman dan kemajuan yang mempengaruhi kehidupan. Apa yang disemai, itulah yang akan dituainya.

Penonton kini terdedah kepada pelbagai kecanggihan baik dalam kalangan kanak-kanak, pelajar atau yang dewasa, mahupun pendidik. Kepelbagaian ini istimewa dan



**Nadiputra (paling kanan) sebagai pendita istana dalam pementasan bangsawan Raden Mas di panggung Esplanade (2016).**

## **Pementasan teater Melayu mesti**

**memacakkan panji-panji jati diri bangsa, agama dan nusanya, lebih-lebih lagi bahasa Melayu. Teater Melayu mesti diperkasakan. Hasilkan teater Melayu tempatan Singapura yang tulen bukan ciplakan, saduran ataupun terjemahan.**

indah. Rata-rata manusia ingin lari daripada tekanan hidup, tidak kira latar belakang dan usia. Sogokan ilmu dalam teater penting. Penonton sudah bijak mentafsir teater. Namun pengisian ilmu dalam teater belum cukup mantap jika satu kaedah persembahan teater tidak dilengkapi penataan dan penanganan persembahan yang canggih dengan kesan-kesan pandang dan bunyian yang memukau untuk menambat jiwa penonton.

Bekalan saya daripada mentor teater saya, Kalam Hamidy ialah, "Perbanyakkan kejadian demi kejadian dalam sebuah persembahan teater, agar penonton sentiasa terpaku dengan pergolakan yang tidak putus-putus berlaku. Dialog semata-mata, menghamburkan persembahan teater." Tentu sekali, naskhah yang menarik tunjang segala-galanya – penerobosan setiap seni pementasan berkaitan dengannya.

### Apakah legasi yang ingin ditinggalkan dalam pementasan teater di Singapura?

Pementasan teater Melayu mesti memacakkan panji-panji jati diri bangsa, agama dan nusanya, lebih-lebih lagi bahasa Melayu. Teater Melayu mesti diperkasakan. Hasilkan teater Melayu tempatan Singapura yang tulen bukan ciplakan, saduran atau pun terjemahan.

Kita mempunyai ramai cendekiawan teater, bertauliah, lulusan menara gading. Jati diri bangsa Melayu melalui kerja seni teater Melayu Singapura menguasai dan menerjah ke persada teater dunia. Hal ini bukan sesuatu yang mustahil. Pahatkan pegangan ini – Bahasa Jiwa Bangsa – dan TUNJANG segala anyaman susur galur, adab, kesantunan, budi bicara, budaya murni serta pusaka warisan mulia bangsa Melayu harus "diduniakan", bukan disorok dek teater barat yang mengkarat.

**Persembahan drama: Mukadimah Nasib di Black Box Tampines Primary School, oleh Theatre 2000 Kelab Masyarakat Tampines West. Foto: Asif Saifudin**





# Pairah Bte Satariman (Dr)

*Pegawai Projek*



**DILAHIRKAN** di Singapura dan mendapat pendidikan awal di madrasah bagi peringkat rendah dan menengah. Melanjutkan pelajaran di Sang Nila Utama (1976-1977) dan kemudian mengambil Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Kemasyarakatan (1981) dan Sarjana Sastera (2007) di Universiti Nasional Singapura. Meraih Ijazah Doktor Falsafah dari Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2025. Menjadi guru selama 12 tahun dan kemudian dijemput ke ibu pejabat MOE pada tahun 1995 untuk menjadi penulis khas buku teks, kemudian sebagai pegawai kurikulum dan pakar peneraju dalam kurikulum Bahasa Melayu. Kini bertugas sebagai pegawai projek di Unit Bahasa Melayu MOE, menjadi konsultan bahasa dan editor bagi penerbitan buku teks yang diterbitkan oleh pihak swasta.

## Apakah bidang tugas utama anda sebagai pakar kurikulum Bahasa Melayu?

Antara tugas yang saya lakukan adalah menyemak semula, menyusun dan membangunkan kurikulum sekolah rendah, menengah dan maktab rendah. Selain itu saya membina bahan-bahan pengajaran Bahasa Melayu, khususnya buku teks bagi peringkat sekolah menengah yang merangkumi buku teks, buku aktiviti, buku panduan guru dan bahan bantu mengajar yang bercetak dan berbentuk digital. Saya juga ditugaskan untuk menyemak semula teks kesusasteraan yang digunakan di peringkat sekolah menengah dan maktab rendah serta melakukan cadangan pembaharuan. Saya bertanggungjawab untuk memastikan arah tuju kurikulum masa hadapan dalam perancangan kurikulum dengan mengambil kira perubahan, keperluan individu, masyarakat dan negara. Selain itu, latihan seperti taklimat, bengkel dan sesi perkongsian profesional dijalankan untuk meningkatkan keupayaan para guru dalam menggunakan kurikulum yang dibangunkan.

## Bagaimanakah anda mengukur impak sumbangan anda terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di Singapura?

Kesemua langkah dan perubahan yang dilakukan melalui semakan dan pembangunan kurikulum memberikan impak yang besar terhadap pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di peringkat sekolah. Kurikulum yang dibangunkan akan membentuk generasi akan datang. Oleh itu sebarang perubahan yang dilakukan terhadap kurikulum haruslah dilakukan dengan berhati-hati dan mengambil kira banyak perkara yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajarannya. Penglibatan beberapa kumpulan masyarakat dalam semakan kurikulum seperti ibu bapa, guru, wakil-wakil pertubuhan dan ahli akademik amat penting untuk melahirkan kurikulum yang baik dan memenuhi aspirasi masyarakat dan negara.

## Apakah yang mendorong anda untuk terus menyumbang dalam bidang pendidikan?

Saya amat mencintai bahasa Melayu. Atas dasar cinta itu, saya mahu meneruskan sumbangan saya walaupun kecil untuk memastikan agar bahasa Melayu tetap hidup segar, mekar dan terus relevan. Pengalaman dan ilmu yang diraih sepanjang penglibatan saya dalam bidang pendidikan selama 42 tahun sedikit sebanyak dapat saya kongsi dengan generasi muda khususnya para guru Bahasa Melayu.

## Bagaimanakah anda menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa?

Saya sering mengikuti perkembangan isu semasa melalui berita di televisyen, di radio dan juga di media sosial. Saya



Membentangkan kertas kerja di Persidangan Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu (2024) di Tokyo, Jepun.

juga menghadiri dan membentangkan kertas kerja dalam persidangan bahasa dan sastera.

**Bilakah kali terakhir anda belajar sesuatu yang bermakna daripada orang lain? Apakah pengajaran tersebut kepada anda?**

Beberapa tahun lalu, Prof. Emeritus Datuk Dr. Nik Safiah Karim seorang ahli linguistik pernah memberitahu saya bahawa ada kalanya kita perlu mendahulukan diri kita untuk mencapai cita-cita kita. Kalau kita sentiasa mendahulukan orang lain dan meletakkan cita-cita di belakang, kita tidak akan mencapai hajat dan cita-cita kita buat selama-lamanya.

Kata-kata Prof Nik membuat saya terfikir tentang diri dan cita-cita saya. Saya mula berfikir bahawa dalam mendahulukan harapan dan permintaan orang lain, kita tidak harus melupakan keperluan diri kita sendiri. Keseimbangan ini harus kita lakukan agar kemaslahatan diri kita dan orang-orang di sekeliling kita terjaga.

**Apakah legasi yang ingin ditinggalkan dalam bidang pendidikan Bahasa Melayu?**

Seseorang itu khususnya seorang pendidik mestilah mencintai bahasa Melayu terlebih dahulu. Cinta ini akan mendorongnya untuk berusaha dan melakukan apa sahaja serta berkorban untuk menjaga, memupuk, memelihara, membangunkan dan memartabatkan bahasa Melayu yang dicintainya. 'Bahasa Melayu, Bahasaku'.

👤 Penglibatan beberapa kumpulan masyarakat dalam semakan kurikulum seperti ibu bapa, guru, wakil-wakil pertubuhan dan ahli akademik amat penting untuk melahirkan kurikulum yang baik dan memenuhi aspirasi masyarakat dan negara. *Saya amat mencintai bahasa Melayu... saya mahu meneruskan sumbangan saya walaupun kecil untuk memastikan agar bahasa Melayu tetap hidup segar, mekar dan terus relevan."*



Sesi bersenam bersama keluarga.

# Mohamad Suhaimi Mohsen

Mantan Wartawan



**SEORANG** wartawan dan editor naskah Berita Harian Singapura sejak 1984. Lulusan pengajian di Universiti Singapura dan sepanjang kerjayanya, menulis laporan merangkumi pelbagai bidang termasuk politik, ekonomi, sosial, agama, perihal masyarakat Melayu dan bahasa/budaya Melayu.

**Apakah yang mendorong anda untuk melibatkan diri dalam bidang kewartawanan? Bagaimanakah motivasi ini berkembang sepanjang kerjaya anda?**

Bidang kewartawanan ialah 'jodoh' kerjaya semula jadi dan sangat relevan dengan mata pelajaran utama (major) yang saya tekuni semasa pengajian di universiti, iaitu Pengajian Melayu dan Sains Politik, di samping dua mata pelajaran kecil (minor) iaitu ekonomi dan sejarah.

Kerjaya sebagai wartawan, khususnya dengan akhbar *Berita Harian*, memberi ruang kepada saya melihat dari dekat serta praktikal apa yang dipelajari semasa pengajian di kampus. Secara umum, saya berpeluang melihat dari dekat landskap perkembangan politik, ekonomi dan sosial Singapura dan juga perkembangan masyarakat Melayu.

Selain lebih dahulu mendapat berita tentang pelbagai perkembangan, wartawan menjadi jambatan yang menyambungkan pemerintah dengan rakyat; pemimpin dengan masyarakat; dan penyalur pelbagai perkembangan dan berita kepada pembaca – berteraskan misi untuk memberitahu/menyampaikan (inform); mendidik (educate) dan menghiburkan (entertain).

Wartawan menyalurkan maklumat daripada 'news makers' kepada pembaca dan juga menjadi suara masyarakat – mengetengahkan reaksi dan respons, menyalurkan maklum balas, mengemukakan pandangan, membuat teguran dan mengutarakan saranan. Malah, dalam keadaan tertentu, menerusi penulisannya, wartawan boleh menjadi agen perubahan.

Tidak ada hari yang membosankan. Selagi dunia berputar, pasti ada perkara, perkembangan, kejadian yang berlaku dalam masyarakat, negara, serantau dan antarabangsa yang boleh menjadi bahan berita yang boleh dihidangkan kepada pembaca.

**Pernahkah anda membuat laporan berita yang memberikan impak yang besar terhadap seseorang atau masyarakat sekeliling?**

Terdapat beberapa laporan yang agak mencabar dan memerlukan penyelidikan. Satu daripadanya ialah tugas membuat penyelidikan berhubung satu laporan yang terbit di sebuah akhbar Malaysia kononnya terdapat semakin ramai Melayu Singapura yang memeluk agama Kristian. Laporan itu mengejutkan ramai pembaca, menimbulkan banyak tanda tanya dengan implikasi yang boleh memecah-belahkan masyarakat.

Tugas menyelidik itu melibatkan kunjungan ke Malaysia untuk mencari penulis berkenaan mengenai sumber atau asas berita; mengunjungi beberapa gereja, menemui beberapa penganut Kristian Melayu, mencari dan menyemak bahan-bahan penerbitan Kristian dalam bahasa Melayu. Keperluan ini satu tugas peka dan mengambil masa. Ternyata laporan itu ialah dakwaan yang tidak berasas. Laporan hasil penyelidikan itu memberi kelegaan kepada pembaca.

Satu lagi ialah liputan mengenai seorang pendakwah Indonesia bergelar habib, yang cepat popular dan menambat hati masyarakat sehinggakan ramai ibu bapa yang terdorong menghantar anak mereka ke pesantren beliau di Bandung.

Namun terdapat berita yang kurang menyenangkan berhubung perlakuan beliau dengan pelajar wanitanya. Hal ini ialah tuduhan berat melibatkan personaliti agama yang terkenal dan beroperasi di luar negara. Namun, dengan memperolehi maklumat yang boleh menjadi sandaran, saya ke pesantren berkenaan di Bandung, bersua dengan pendakwah berkenaan dan pelajar yang terlibat. Akhirnya, dengan bantuan seorang pegawai Kementerian EHWL Luar, hampir semua pelajar Singapura di pesantren itu dibawa pulang. Liputan itu mendapat perhatian ramai pembaca.





**Interviu bersama mantan Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Encik Masagos, di akhir lawatan ke Jordan dan Mesir.**

Terdapat beberapa lagi laporan berita yang mendapat perhatian dan meninggalkan impak kepada pembaca seperti isu penyertaan Melayu dalam Perkhidmatan Negara; laporan berhubung Hotel New World di Serangoon yang runtuh; isu Pendidikan Wajib; dan liputan kejadian 'stampede' terbesar di Mina dalam sejarah musim haji.

Dua ruangan yang saya kendalikan - 'Refleksi' dan 'Bahasa dan Budaya' sangat bererti dan memberi impak tersendiri. Ruangan 'Refleksi' menjadi jendela bagi pelbagai isu yang mengajak pembaca berfikir tentang sesuatu isu dan menjadi bahan renungan. Ruangan 'Bahasa dan Budaya' pula menjadi wadah bagi mengetengahkan betapa indah dan kayanya bahasa Melayu, bahasa sebagai jiwa bangsa, yang wajar dihargai dan dicintai.

**Apakah pandangan anda tentang masa hadapan bidang kewartawanan? Apakah nasihat yang boleh diberikan kepada seseorang yang mahu berjinak-jinak dalam bidang kewartawanan?**

Seperti banyak kerjaya lain, wartawan dalam media cetak menghadapi cabaran besar ekoran perkembangan teknologi dan pengaruh media sosial. Minat membaca akhbar media cetak kian berkurang. Syarikat media menghadapi kemerosotan ketara dalam edaran. Hal ini ada kaitan dengan minat membaca yang dirasakan semakin berkurang, di samping mudahnya mendapat berita daripada

perkongsian di media sosial. Lantaran itu, syarikat media kini mempelbagaikan pendekatan untuk menarik pembaca -- dengan tidak membataskan pada akhbar cetak, sebaliknya menyertai arus teknologi dengan menerbitkan berita secara digital di samping pendekatan lain seperti penerbitan video dan podcast.

Selagi dunia berputar dengan pelbagai bentuk perkembangan dalam pelbagai jurusan politik, ekonomi, sosial, selagi terdapat pembaca yang dahagakan maklumat sahih, selagi itu tugas sebagai wartawan relevan terus diperlukan.

Namun, untuk menjadi wartawan yang berkesan dan berjaya, antara unsur penting yang harus ada ialah minat membaca, penguasaan bahasa, kemahiran menyampaikan, minda yang tajam, sikap ingin tahu dan ambil tahu, serta cerdas.

**Melihat kembali perjalanan anda sebagai wartawan, apakah yang boleh anda ungkapkan dalam sebaris ayat?**

Kewartawanan ialah satu bidang kerjaya yang amat memuaskan, tidak pernah membosankan, menjadi jendela dan suara masyarakat, nadi penggerak dan membawa perubahan kepada masyarakat.



**Suhaimi Mohsen di hari terakhir selepas berkhidmat selama empat dekad di Berita Harian.**

**Selagi dunia berputar dengan pelbagai bentuk perkembangan dalam pelbagai jurusan politik, ekonomi, sosial, selagi terdapat pembaca yang dahagakan maklumat sahih, selagi itu tugas sebagai wartawan relevan terus diperlukan... Namun, untuk menjadi wartawan yang berkesan dan berjaya, antara unsur penting yang harus ada ialah *minat membaca, penguasaan bahasa, kemahiran menyampaikan, minda yang tajam, sikap ingin tahu dan ambil tahu, serta cerdas.***

# Intelektual Berkembang

*Singapura dalam  
Cakrawala Pemikiran  
Usman Awang*

**W.N. Khuzairey**

*Mau menangis tapi air mata untuk apa,  
Sekian lama jiwa hidup meratap derita,  
Dan dengan keinsafan langit tinggi dunia lebar,  
Banyak lapangkan perjuangan untuk hidup merdeka*

Langit Tinggi

**USMAN AWANG**







Edward Said, seorang penulis prolifik pernah memberikan teori mengenai gagasan atau idea yang mengembara dari satu tubuh ke tubuh yang lain, dari satu tempat ke satu tempat yang lain. Kata beliau *“ideas and theories travel – from person to person, from situation to situation, from one period to another”* though the ‘circulation of ideas’ takes different forms, including ‘acknowledged or unconscious influence, creative borrowing, or wholesale appropriation’<sup>1</sup>. Tulisan ini penting untuk memberikan gambaran gagasan atau idea itu akan sentiasa mengembara, malah mungkin berubah bentuk menjadi suatu yang lebih baik sekiranya gagasan atau idea itu memberikan manfaat kepada masyarakat terbanyak. Jadi, intelektual berkembang itu akan berlaku sepanjang sejarah kerana pemindahan-pemindahan gagasan atau idea akan sering berlaku. Sejarah ketamadunan telah membuktikan hal itu di mana tamadun terbangun kerana perkongsian dan pengembaraan idea dan gagasan yang saling melengkapi dan menguntungkan.

Bukti lain dapat dilihat menerusi seorang sasterawan yang begitu banyak tulisannya dan penyumbang besar kepada dunia kesusasteraan Malaysia dan Singapura iaitu Usman Awang. Usman Awang bukanlah seorang pengkarya yang kekal diam di zon selesanya, sebaliknya Usman lebih gemar mengembara untuk mendapatkan pandangan-pandangan baru dan sanggup belajar serta berkongsi dengan yang lain. Tempat yang dituju Usman banyak memberikan beliau semangat dan kekuatan-kekuatan luar biasa di dalam dunia penulisan. Mentelah lagi, tempat yang dituju itu kaya dengan intelektual organik yang mahu menuliskan dan menyumbang sesuatu kepada masyarakat. Tempat yang dimaksudkan itu tidak lain tidak bukan ialah Singapura.

Singapura tidak asing dengan Usman, malah tidak berlebihan sekiranya dikatakan bahawa Kota

Singa dalam cakerawala pemikiran beliau. Banyak karya beliau yang sarat dengan gagasan ideologi ditulis sewaktu dirinya berkelana ke Singapura. Tulisan-tulisan tersebut akan dibentangkan dalam makalah ini.

### Latar Belakang Usman Awang

Pada 12 Julai 1929, Usman Awang lahir dalam sebuah keluarga miskin di Kampung Tanjung Lembu, Kuala Sedili, Kota Tinggi, Johor. Pendidikan formalnya terhenti setakat darjah 6 kerana meletusnya perang dunia kedua yang mengakibatkan pendudukan Jepun. Semenjak itu beliau banyak belajar secara mandiri melalui pengalaman, pemerhatian, pergaulan dan pembacaan.<sup>2</sup> Beliau bekerja sebagai petani selama dua tahun sebelum dikerah oleh tentera Jepun untuk berkerja sebagai buruh paksa selama 6 bulan

di Singapura.<sup>3</sup> Tabiat membaca sudah sebatik dalam dirinya sejak kecil, walaupun hidup dan bersekolah di daerah daif tetapi tidak sesekali beliau melepaskan peluang untuk mendapatkan buku lalu membacanya.

Usman juga pernah menjadi sebahagian daripada anggota polis apabila Inggeris kembali memerintah semula pada tahun 1946 sebelum beliau menukar pekerjaan menjadi penulis dan editor. Sepanjang hidup beliau, telah banyak anugerah yang diterima dan yang paling manis beliau terpilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Sastera Negara bagi tahun 1983<sup>4</sup>.

Setelah lama menghidap penyakit jantung, beliau meninggal dunia ketika berusia 72 tahun.

### Hubungan Usman Awang dengan Singapura


Ada dua peristiwa besar buat Usman ketika di Singapura. Yang pertama, sewaktu beliau dipaksa menjadi buruh. Yang kedua, sebagai seorang penulis yang dihormati dan disegani. Walau bagaimanapun, peristiwa besar buat Usman ialah peristiwa yang kedua di mana beliau menjadi seorang penulis berpihak dan yang paling penting sebagai seorang pemuda yang bebas.<sup>5</sup> Nama Usman memang sudah mekar waktu itu maka tidak hairan sewaktu di Singapura beberapa nama besar telah memberikan perhatian kepada beliau. Antara yang beliau temui awal di sana termasuklah Harun Aminurrashid, Abu Yazid Abidin (Wijaya Mala) dan Jymy Asmara.

Pada awalnya, Usman ke Singapura bukanlah untuk mencari makan kerana kata beliau: "Saya datang ke Singapura bukan kerana nak cari makan, sebab di Singapura tidak ada sawah padi, tidak ada kebun dan ladang pertanian. Seorang anak tani ke Singapura mencari makan memang anehlah".<sup>6</sup>

Sudah tentu Usman menyedari, ada sesuatu yang beliau boleh pelajari di Singapura selain mencari hasil yang tidak terhabiskan. Tidak lama selepas itu, Usman mengambil keputusan untuk hadir ke *Melayu Raya*, surat khabar Melayu yang ternama selain *Utusan Melayu*. Waktu itu, Harun Aminurasshid menjadi penemuduganya. Dari situlah Usman pertama sekali menjadi seorang pembaca pruf di Singapura.<sup>7</sup>

Oleh kerana kesungguhan dan komitednya beliau dalam penulisan, akhirnya Usman dinaikkan pangkat daripada pemberita ke jawatan penolong pengarang sehinggalah editor sastera *Mingguan Melayu Raya*.<sup>8</sup> Namun, pekerjaan ini tidak bertahan lama kerana Usman ditawarkan bekerja di *Utusan Melayu* oleh Asraf. Beliau menerimanya pada Januari 1952. Ketua pengarang waktu itu pula ialah Yusof Ishak dibantu oleh Salim Kajai, Othman Wok, Hashim Hasan, Keris Mas, Dahari Ali, Asraf dan Samani Mohd Amin. Di sini, Usman dibimbing khas oleh Keris Mas dan pengarang lainnya untuk mempertajam lagi tulisannya.

*Utusan* dilihat sebagai lebih progresif. Lee Kuan Yew (mendiang Perdana Menteri Singapura yang pertama), James dan Dominic Puthuchearry serta Devan Nair



Usman dinaikkan pangkat daripada pemberita ke jawatan penolong pengarang sehinggalah editor sastera *Mingguan Melayu Raya*.

Ada dua peristiwa besar buat Usman ketika di Singapura. Yang pertama, sewaktu beliau dipaksa menjadi buruh. Yang kedua, sebagai seorang penulis yang dihormati dan disegani. Walau bagaimanapun, peristiwa besar buat Usman ialah peristiwa yang kedua di mana beliau menjadi *seorang penulis berpihak dan yang paling penting sebagai seorang pemuda yang bebas*.<sup>5</sup>



(mendiang Presiden Singapura yang ke tiga), juga pernah melawat *Utusan*. Pertemuan begini menghasilkan sebuah kumpulan yang ditubuhkan untuk menentang budaya kuning. Beberapa cerdik pandai Melayu, Cina dan India merangka sebuah memorandum dan menandatangani.

Usman menggunakan pelbagai nama samaran ketika di Singapura termasuk Adi Jaya, Amir, Atma Jiwa, Manis, Pengarang Muda, Rose Murni, Setiabudi, Tongkat Warrant, U.A dan Zaini.<sup>9</sup> Malah, ketika di Singapura berlaku banyak pertemuan yang penting seterusnya menghasilkan karya-karya Usman yang sarat dengan keberpihakan kepada rakyat kecil serta kemanusiaan. Antara individu yang beliau temui termasuklah Said Zahari dalam tahun 1952 dan A. Samad Ismail ketika dibebaskan dari penjara.<sup>10</sup>

Selain Keris Mas yang banyak membimbing Usman di Singapura, A. Samad Ismail juga tidak terkecuali melakukan hal yang sama. A. Samad Ismail memperkenalkan gagasan-gagasan jiwa merdeka yang menolak kepada kolonialisme dan penjajahan dan menyeru kepada perjuangan kebangsaan dan membela mereka yang terpinggir hidup dalam kemiskinan. Hal ini telah membentuk pemikiran Usman Awang, kemudian dapat dilihat dari hasil-hasil karya beliau ketika di Singapura. Dalam salah sebuah buku biografi beliau ada menyatakan:

*"Samad memperkenalkan ideologi kepada Usman-beberapa konsep asas kolonialisme, perjuangan kebangsaan, penjajahan dan kemiskinan serta makna kemerdekaan negara yang berdaulat. Ilmu dari teman yang tua itu diserap dan akhirnya menjadi sebahagian dari pandangan hidupnya. Melalui Samad, Usman mengenali kumpulan sosialis Singapura pada waktu itu. Di antaranya Lim Chin Seong, Devan Nair, James Puthuchear. Usman melihat kumpulan kiri bukan sahaja berfikir nasionalis, termasuk mencadangkan bahasa Melayu bahasa negara yang merdeka nanti, tapi mereka juga terlibat secara jujur dengan isu kemiskinan dan penindasan ekonomik"*<sup>11</sup>

### Gagasan Usman Awang di Singapura

Singapura dalam tahun 50-an mengalami tradisi perkembangan intelektual dalam bidang kewartawanan dan kesusasteraan yang luar biasa sekaligus memberikan peluang kepada Usman untuk memupuk bakat beliau dalam kewartawanan dan kesusasteraan.<sup>12</sup> Semua ini didorong oleh perpindahan penulis-penulis dari semenanjung ke Singapura juga ditopang oleh suasana kreatif dan mendukung kegiatan penulisan dan penerbitan di sana.<sup>13</sup> (Lihat kotak untuk fahami tumpuan penulisan beliau.)

# Tumpuan penulisan

## USMAN AWANG

**SEWAKTU** di Singapura, Usman banyak menuliskan puisi yang akhirnya diterbitkan di dalam sebuah naskah yang berjudul "Gelombang" (1988) yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu "Bintang Mengerdip" (1949) dan Debu berterbangan (1958-1960)" di bawah pelbagai nama termasuk Atma Jiwa, Manis, Pengarang Muda, Rose Murni, Setiabudi, Tongkat Warrant, U.A dan Zaini.

Antara yang menjadi tumpuan penulisan beliau termasuklah:

1

**Menggagaskan seni untuk masyarakat**

2

**Mengangkat status sosial bahasa Melayu**

3

**Merakamkan peristiwa kesengsaraan rakyat kecil**

4

**Mengangkat martabat buruh dan pekerja**

1

### Menggagaskan seni untuk masyarakat

Dalam biografi Usman yang dicatatkan oleh Profesor Muhammad Haji Salleh, beliau menjelaskan bahawa pada tahun 1952-1954 persatuan Angkatan Sasterawan '50 tidak banyak melaksanakan aktiviti sehinggalah ke pemilihan jawatankuasa baharu untuk

tahun 1955. Ketika Keris Mas dipilih sebagai Yang Dipertua dan Usman Awang sebagai setiausaha, tugas mereka yang pertama adalah mengisi slogan "Seni untuk Masyarakat dalam tulisan mereka sendiri".<sup>14</sup> Dari sini Usman mengembangkan matlamatnya dengan menyampaikan kepentingan sastera yang berfungsi untuk masyarakat. Kata beliau: "Sastera Melayu mempunyai tugas sebagai alat perjuangan kebangsaan, alat memperkembang fikiran, alat memperjuang kemakmuran serta kebahagiaan rakyat, juga alat untuk keamanan serta kedamaian hidup".<sup>15</sup> Secara ringkasnya, ketika di Singapura Usman berpendirian bahawa slogan sastera untuk rakyat harus menggambarkan penderitaan rakyat. Beliau telah meniupkan seruan ini di dalam puisinya berjudul "Angkatan 50"

*Siapa rakyat, siapa penyair, tiada beda pada kita  
Hidup tidak hanya teriakan tangisan semata  
Bila bicara nama rakyat bukan sekadar menjerat-jerat,  
Bumi dan udara kuatnya mengguruh memberi kudrat*

*Sepuluh tahun berdetik Angkatan lima-puluh,  
Hidup baru secoret sudah kita tempuh  
Sedetik suara bisu bererti sudah lumpuh*<sup>16</sup>

2

### Mengangkat status sosial bahasa Melayu

Usman terkenal dengan bahasa yang mudah dan merdu kerana beliau banyak terpengaruh dengan bahasa Indonesia. Sewaktu beliau menjadi editor di *Utusan Zaman*, beliau amat menekankan penggunaan bahasa yang tepat dan menghalang bahasa-bahasa

kesat digunakan dalam sajak. Usman berpendapat bahawa terdapat pelbagai lagi lenggok bahasa yang boleh digunakan untuk menggambarkan kemarahan. Selain memperketat penggunaan bahasa dalam penulisan sajak, sewaktu di Singapura juga Usman terlibat dengan kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Ketiga bersama Angkatan Sasterawan '50 (ASAS '50) di sisi beliau ialah Keris Mas, Asraf, Masuri S.N dan Muhammad Ariff Ahmad (MAS).<sup>17</sup>

Malah, Usman Awang dan Keris Mas berperanan cukup besar dengan Jabatan Pengajian Melayu Universiti Malaya kerana karya-karya mereka sering dikaji di dalam kelas selain karya Masuri S.N. Pada tahun 1955 Persatuan Bahasa Melayu Universiti Malaya di Singapura ditubuhkan. Beberapa orang daripada pelajarannya telah menemui Usman Awang. Mereka diketuai oleh Lokman Musa, Noh

**"Sastera Melayu mempunyai tugas sebagai alat perjuangan kebangsaan, alat memperkembang fikiran, alat memperjuang kemakmuran serta kebahagiaan rakyat, juga alat untuk keamanan serta kedamaian hidup".<sup>15</sup>**

Abdullah dan Sallehuddin Mohamad. Kassim Ahmad, Adibah Amin, Anis Sabirin, dan Ali Hj Ahmad juga datang berjumpa Usman, Keris dan Muhammad Arif Ahmad untuk menyampaikan jemputan pensyarah mereka, Josselin de Jong, untuk berceramah.<sup>18</sup> De Jong dan Skinner<sup>19</sup> sering berbicara soal bahasa dan sastera bersama Usman.

Usman amat terkesan dengan dampak kolonialisme. Sejak beliau datang ke Singapura suasana politiknya semakin rancak. Persoalan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah semakin didebat, dibincang dan diceramahkan. Bagi beliau, kolonialisme itu banyak menghakis kebudayaan bangsa Melayu. Penjajahan telah memperkenalkan nilai-nilai hidup mereka kepada bangsa Melayu, maka segala nilai-nilai kebudayaan yang selama ini dipegang perlahan-lahan mengendur.

Oleh itu, beliau banyak menulis mengenai kepentingan bahasa Melayu, sastera dan seni yang dianggap sebagai identiti bangsa Melayu itu sendiri. Seperti yang telah dicoretkan dalam sajaknya berjudul "Air Mata Mengalir":

*Dari Keluhan jiwa menderita  
Dalam tiupan angin mengejar barat,  
Kering,  
Layulah segala daun-daun  
Gugur putik-putik kesayangan<sup>20</sup>*

Namun Usman Awang tidak pesimis dengan hanya berkeluh dan menyatakan kegagalan yang sedang berlaku akibat kolonialisme tanpa menawarkan alternatif kepada pembacanya. Sebagai seorang penulis yang dididik oleh barisan penulis yang penuh rasa kebertanggungjawaban, maka Usman tampil dengan memimpin masyarakat untuk terus berani menggunakan bahasa ibundanya sendiri. Usman dengan penuh semangat meyakinkan masyarakat untuk terus mengekalkan kekuatan bahasa Melayu kerana itu juga merupakan sebuah resistensi dan perjuangan kemerdekaan. Seruan ini berbaringan dengan yang diucapkan oleh Frantz Fanon kata beliau *“to speak is to exist absolutely with the others”*.<sup>21</sup> Lantaran itu, Usman menuliskan sebuah sajak

*Tersusun indah menjadi madah  
jauh mengimbau menjangkau pulau  
ayun beralun lembut membuai  
jauh meresap mendakap damai.*

*Ada ketika marak menyala  
memercik api semangat bangsa  
meletus gemuruh menyadap segala  
menjadi alat perjuangan merdeka.*

*Seribu tingkah membawa lagu  
mainan gadis diusik rindu  
senjata teruna menawan cinta  
pusaka rakyat pendukung budaya.  
Seribu bahasa kita bicara,  
manakan sama bahasa bonda?<sup>22</sup>*

3

### Merakamkan peristiwa kesengsaraan rakyat kecil

Di Singapura, Usman banyak melihat kenyataan-kenyataan pahit manusia yang disebabkan oleh kemiskinan, malah sebelum itu, ketika beliau berada di daerah kelahirannya sendiri, beliau merasa kegelapan yang sama. Di sana, beliau menemui penduduk Melayu yang miskin

di Geylang, buruh berbagai-bagai bangsa yang sering tidak diperhatikan hak dan keperluan mereka, nelayan yang robek rumah dan hidupnya, buruh yang diperas tenaganya.<sup>23</sup>

Semua ini telah mendorong Usman menajamkan lagi penanya untuk menyedarkan pembaca tentang masalah yang berlaku di sekeliling. Seruan seni untuk masyarakat telah berdentung kuat dalam tulisan beliau. Usman mengakui bahawa melalui tulisan-tulisannya, beliau

## Usman amat terkesan dengan dampak kolonialisme, sejak beliau datang ke Singapura suasana politiknya semakin rancak. Persoalan kemerdekaan Tanah Melayu daripada penjajah semakin didebat, dibincang dan diceramahkan.

mengungkapkan “cita-cita kerakyatan dan kemanusiaan”.<sup>24</sup>

Buktinya, beliau pernah menulis tentang Wak Darmi, yang buta matanya, dan tinggal bersama seorang anak gadisnya di sebuah pondok buruk. Usman mencipta pengalaman itu dalam bahasanya yang lunak, syahdu dan menghibakan. Selepas itu, beratus ringgit sumbangan dikirimkan langsung kepada Wak Darmi dan anaknya.<sup>25</sup>

Usman amat percaya bahawa kemiskinan tidak memilih bangsa. Bukan sahaja orang Melayu yang miskin, malah pada waktu itu ramai orang Cina dan India bernasib sama. Mereka tergolong dalam suatu kumpulan yang berkongsi sifat dan masalah yang sama. Inilah persamaan nasib yang jarang dibicarakan kini. Bagi Usman, semua orang miskin harus diperjuangkan dalam mengejar pembangunan, tidak sahaja orang Melayu.

Dalam ucapan Usman “Musuh orang Cina bukan orang Melayu, dan musuh orang Melayu juga bukan orang Cina. Musuh bersama kita ialah kemiskinan, ketidaksetaraan dan penindasan.”<sup>26</sup> Bagi Usman masalah kemiskinan bukanlah disebabkan oleh kelompok kaum sebaliknya kelompok-kelompok pemodal dan elit yang berpangkat lalu menindas rakyat kecil sehingga menyebabkan kemiskinan melarat. Dalam sajak beliau “Megah dengan Pangkat” beliau menuliskan:

*Pangkatmu akan musnah hancur,  
Dirimu akan ke liang Kubur!  
Tindaslah kami yang sekarang lemah ini,  
Dunia menyaksikan sejauh mana kekuasaanmu,  
Kelak sampai waktunya nanti  
Bersedialah menerima pembalasan yang tiba*

Usman tidak berhenti setakat di situ. Beliau menyedari bahawa kemiskinan juga disebabkan oleh sifat salah pimpin dari elit-elit pemerintah. Hal ini seterusnya diperpanjangkan oleh Azizi Hj Abdullah dengan mengatakan bahawa “betapa kuasa yang sepatutnya menjadi pelindung rakyat rupanya menghiris kehidupan rakyat miskin dan daif.”<sup>27</sup> Usman menuliskan sebuah sajak yang berjudul “Pak Utih”. Sajak Pak Utih yang ditulis sekitar tahun 1954 merupakan antara



Foto: Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, Ihsan Arkib Negara Singapura.



Di Singapura, Usman banyak melihat kenyataan-kenyataan pahit manusia yang disebabkan oleh kemiskinan.

sajak terbaik Usman Awang sepanjang beliau menulis sajak. Sajak ini merupakan salah sebuah penulisannya yang terkuat dan menjadi cukup popular kerana tema dan persoalannya, kritikan sosiopolitiknya terutama sekali yang melibatkan elit politik rakus. Singgungan beliau seperti berikut:

*Punya satu isteri mau dakap sampai mati,  
Lima anak mau makan setiap hari,  
Teratak tua digayuti cerita pusaka,  
Sebidang tanah tandus untuk huma.  
Kulit tangan tegang berbelulang,  
Biasa keluaran peluh berapa saja,  
O Pak Utih, petani yang berjasa.*

*Tapi malaria senang menjenguk mereka,  
Meski dalam sembahyang doa berjuta,  
Dan Mak Utih bisa panggil dukun kampung,  
Lalu jampi mantera serapah berulang-ulang.*

*Betapa Pak Dukun dan bekalan pulang,  
Wang dan ayam dara diikat bersilang.*

*Di kota pemimpin berteriak-teriak,  
Pilihanraya dan kemerdekaan rakyat,  
Seribu kemakmuran dalam negara berdaulat,  
Jambatan mas kemakmuran sampai ke akhirat.  
Ketika kemenangan bersinar gemilang,  
Pemimpin atas mobil maju ke depan, dadanya terbuka,  
Ah, rakyat tercinta melambaikan tangan mereka.*

*Di mana-mana jamuan dan pesta makan,  
Ayam panggang yang enak di depan,  
Datang dari desa yang dijanjikan kemakmuran.*

*Pak Utih masih menanti dengan doa,  
Bapak-bapak pergi ke mana di mobil besar?<sup>28</sup>*

Bagi Usman masalah kemiskinan bukanlah disebabkan oleh kelompok kaum sebaliknya kelompok-kelompok *pemodal dan elit yang berpangkat lalu menindas rakyat kecil* sehingga menyebabkan kemiskinan melarat.



4

## Mengangkat martabat buruh dan pekerja

Abdul Rahman Embong menggariskan bahawa “pembangunan tidak seharusnya menitikberatkan pertumbuhan semata-mata tetapi harus menyeluruh dan seimbang dengan kesejahteraan umat manusia dan peningkatan martabat

mereka sebagai matlamatnya.”<sup>29</sup> Begitu juga dengan aspirasi yang digendong oleh Usman.

Sepanjang di Singapura, Usman banyak mencurahkan perhatiannya mengenai nasib dan martabat kaum buruh. Perkembangan pemikiran Usman yang memberat kepada rakyat seterusnya berjalur nasionalis dan kiri digalurkan melalui pengaruh Alimin, Othman Syawal, guru-guru yang progresif di Melaka, Samad Ismail, Keris Mas dan Asraf. Sementara di Singapura pula beliau dipengaruhi oleh semangat kaum buruh yang cukup tinggi dan utuh terutama di dalam organisasi Labour Front.

Dalam sebuah sajaknya berjudul “Kaum Buruh: Usman mempersoalkan nasib buruh pada era pasca-penajajaan yang tidak menjaminkan. Malah di bawah sistem demokrasi yang menjanjikan kemakmuran juga tidak dapat menampung nasib-nasib buruh yang terabaikan. Beliau menulis:

*Sudahkah tercurah keadilan sejati  
Saat-saat perkisaran tulang mereka,  
satu-satu rebah menepati janji  
satu-satu datang membunuh diri*

*Sudahkah terlimpah kurniaan murni,  
Pada keringat yang tercurah ke bumi  
Mengisi usus anak isteri,  
Sedang dunia megah dengan cerita demokrasi<sup>30</sup>*

Usman percaya bahawa untuk mengangkat martabat serta maruah buruh dan pekerja, pertama sekali haruslah melalui solidariti kolektif kerana “dengan solidariti keadilan sosial akan terjelma”.<sup>31</sup> Dalam tatanan ekonomi neoliberalisme kini, solidariti tidak lagi menjadi tunjang, malah solidariti menemui titik buntu kerana fahaman individualistik telah menebal.

Oleh itu, penting sekali untuk membaca ulang penulisan Usman Awang, kerana bagi beliau untuk menuntut hak keadilan masyarakat perlu bersatu bukan sahaja buruh dan pekerja malah, seluruh isinya. Solidariti inilah yang akan menuntut penindasan dari pemodal dan elit dihentikan. Buruh dan pekerja bukanlah alat, tetapi tenaga yang disumbangkan untuk kemakmuran dunia. Tanpa buruh dan pekerja, tiadalah kenyamanan dunia. Dalam sajak “Buruh” beliau menyeru:



Foto: Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, Ihsan Arkib Negara Singapura.

Di Jabatan Buruh, 1955. Usman percaya akan kepentingan mengangkat martabat serta maruah buruh dan pekerja melalui solidariti kolektif.

Barisan yang sudah kebal dengan dugaan,  
Dengan kekuatan waja tidak terlumpuhkan  
Berpada dalam satu barisan gagah  
Kaum buruh yang insaf sederhana mara ke depan

Sekali bergerak berontak melepas cekik  
Untuk keadilan dari tulang dan peluh bertitik;  
Demikian mereka penuh semangat sedang berjuang,  
Dan kita penuh hormat memberikan tunjangan<sup>32</sup>

## Kesimpulan

Seperti yang ditukilkan pada awal makalah ini, Edward Said telah mengingatkan bahawa gagasan-gagasan yang baik akan mengembara dan berkembang walau apa pun yang menghalang. Usman Awang telah membuktikan hal ini. Keputusan beliau untuk berkelana ke Singapura telah menghasilkan Usman yang luar biasa.

Kini, gagasan-gagasan Usman telah pun mengembara merata dan menyusup dalam pemikiran generasi baharu. Maka, tugas kita hari ini adalah untuk memastikan gagasan-gagasan kemanusiaan yang Usman bangunkan terus mengembara sejauh dan selama yang boleh, lalu dimanfaatkan untuk tujuan keadilan dan kemanusiaan. ■

*Hak Cipta Terpelihara: Semua gambar Allahyarham Usman Awang adalah milik Puan Haslina Usman. Tidak boleh digunakan semula tanpa kebenaran.*

- 1 Edward Said, 'Traveling Theory' dlm *The World, the Text, and the Critic*, (Harvard University Press, 1983, h. 226)
- 2 Muhammad Haji Salleh, *Seorang Penyair Sebuah Benua Rusuh*. Petaling Jaya, SIRD, 2017, h. 39
- 3 Dinsman (ed), *Koleksi Terpilih Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995, h. xiv
- 4 Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara (ed), *Sastera dan Kemanusiaan Pidato Umum dan Pidato Penerimaan Sasterawan Negara 1981-1996*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997, h. 38.
- 5 Muhammad Haji Salleh, "Ke Singapura Dunia Baru" dlm *Seorang Penyair, Sebuah Benua Rusuh Biografi Usman Awang*, h. 96.
- 6 Ibid, h. 100
- 7 Ibid, h. 97
- 8 Ibid, h. 100
- 9 Ibid, h. 105
- 10 Ibid, h. 106
- 11 Ibid,
- 12 Zurinah Hassan, *Sasterawan Negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, h. 15
- 13 Ibid, h. 16
- 14 Muhammad Haji Salleh, "Ke Singapura Dunia Baru" dlm *Seorang Penyair, Sebuah Benua Rusuh Biografi Usman Awang*, h. 110
- 15 Op. cit, h. 16
- 16 Usman Awang, "Angkatan 50" dlm *Sasterawan Negara Usman Awang Gelombang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988, h. 82
- 17 Muhammad Haji Salleh, "Ke Singapura Dunia Baru" dlm *Seorang Penyair, Sebuah Benua Rusuh Biografi Usman Awang*, h. 109
- 18 Ibid, 129.
- 19 Ibid, h. 110
- 20 Usman Awang, "Angkatan 50" dlm *Sasterawan Negara Usman Awang Gelombang*, h. 11
- 21 Frantz Fanon, *Wretched of The Earth*. New York: NY Grove Press, 1963, h. 17
- 22 Op.cit, h. 50
- 23 Muhammad Haji Salleh, "Ke Singapura Dunia Baru" dlm *Seorang Penyair, Sebuah Benua Rusuh Biografi Usman Awang*, h. 111
- 24 Disnman, "Konsep dan Sikap Sastera Usman Awang" dlm *Usman Awang, Sikap dan Pemikiran*, h. x.
- 25 Op.cit, h. 117
- 26 Ibid, h. 118
27. Azizi Hj Abdullah, "Salah guna kuasa" dlm *Luka Rakyat*. Pulau Pinang: Teras, 2008, h. 88.
28. Usman Awang, "Pak Utih" dlm *Sasterawan Negara Usman Awang Gelombang*, h. 31
29. Abdul Rahman Embong, *Pembangunan dan Kesejahteraan Agenda Kemanusiaan Abad ke 21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003, h. 5-6.
30. Usman Awang, "Kaum Buruh" dlm *Sasterawan Negara Usman Awang Gelombang*, h. 18
31. Paulo Freire, *Pedagogy of Solidarity*. London dan New York: 2014, h. 72
32. Usman Awang, "Buruh" dlm *Sasterawan Negara Usman Awang Gelombang*, h. 38

## RUJUKAN

Abdul Rahman Embong, *Pembangunan dan Kesejahteraan Agenda Kemanusiaan Abad ke 21*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

Azizi Hj Abdullah, "Salah guna kuasa" dlm *Luka Rakyat*. Pulau Pinang: Teras, 2008, h. 88.

Dinsman (ed), *Koleksi Terpilih Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Disnman dan Sutung Umar (ed), *Usman Awang, Sikap dan Pemikiran*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti, 1990. h. x.

Edward Said, *The World, the Text, and the Critic*, Harvard University Press, 1983.

Frantz Fanon, *Wretched of The Earth*. New York: NY Grove Press, 1963.

Muhammad Haji Salleh, *Seorang Penyair Sebuah Benua Rusuh*. Petaling Jaya, SIRD, 2017.

Paulo Freire, *Pedagogy of Solidarity*. London dan New York: 2014.

Urus Setia Panel Anugerah Sastera Negara (ed), *Sastera dan Kemanusiaan Pidato Umum dan Pidato Penerimaan Sasterawan Negara 1981-1996*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.

Usman Awang, *Sasterawan Negara Usman Awang Gelombang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.

Zurinah Hassan, *Sasterawan Negara Usman Awang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

## BIODATA



### Wan Noor Khuzairey bin Wan Mohtar

merupakan seorang pendidik dan penulis yang memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Sejarah) dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan sedang menyambung pengajian dalam

Ijazah Sarjana Sejarah dari Universitas Indonesia. Beliau aktif dalam bidang penulisan dan pemikiran Sejarah dan sastera serta telah menulis tiga buah buku berjudul *Kitab Perdana Menteri, Merdeka Belum Berjiwa* dan *Memalangi Penindasan*. Di samping itu, beliau juga pernah menjadi editor bagi karya *Ombak Selatan* tulisan Jamal Ismail. Tulisan-tulisan beliau telah diterbitkan di pelbagai platform ilmiah dan budaya, termasuklah terbitan Malay Heritage Foundation melalui buku *Nila Warisan: Budaya, Bahasa, Sastera dan Seni Berlanggam*, serta dalam *Heritage, Culture, Society: Critical Voice of Young Malays*, *Dewan Sastera*, dan *Tunas Cipta*. Beliau berkemahiran dalam penulisan akademik dan sastera, penyuntingan manuskrip, serta penyelidikan sejarah dan budaya. Kini Khuzairey giat membuat kajian mengenai sastera Sejarah Indonesia terutama yang terkait dengan Mochtar Lubis.



# Melestarikan Sastera Melalui Program Mentor

**Nur-El-Hudaa Jaffar**

Dalam dunia perniagaan, program mentor adalah sebahagian daripada strategi perancangan pewarisan (*succession planning strategy*) yang mana penjawat yang lebih muda dilatih untuk mengambil alih tugas penjawat senior yang akan bersara atau berpindah ke jabatan lain. Dalam dunia sastera, program mentor memainkan peranan dalam kelestarian kesusasteraan sesuatu kelompok. Secara asas, mentor (mereka yang lebih berpengalaman, mahir dan berpengetahuan) akan membimbing mentee — penulis yang ingin mendalami bidang yang dipilih — dengan tujuan mentee dapat menghasilkan karya-karya yang baik.

Biasanya program mentor berlangsung selama beberapa bulan dan pada penghujung program tersebut, mentee akan menghasilkan karya yang harus diserahkan kepada mentor dan pihak penganjur. Program itu mungkin melibatkan acara lain seperti sesi pertemuan dengan penulis mapan lain dan sesi perkongsian awam.

Lazim juga, sesiapa yang ingin menyertai program mentor sebagai mentee harus menetapkan suatu saranan karya atau matlamat yang dijangka akan siap atau dicapai pada penghujung tempoh program.

Inilah yang dilakukan oleh Amanah Mustafi dan Hassan Hasaa'ree Ali untuk menyertai program mentor **Beyond Words** anjuran Singapore Book Council (SBC) pada tahun 2022. Tujuan utama program Beyond Words yang dikelolakan oleh SBC semenjak 2014 adalah untuk memupuk minat mendalam terhadap bahasa ibunda dalam kalangan kanak-kanak dan remaja. Antara langkah yang diambil termasuklah mengadakan program pembangunan keupayaan penulis sekali gus menerbitkan buku-buku cerita yang sesuai bagi golongan sasaran.

Lelaran program Beyond Words bagi tahun 2022 berlangsung bertahap-tahap sehingga 2023, bermula dengan siri bengkel penulisan novel kanak-kanak. Untuk bahasa Melayu, penyampainya ialah Nur Khairiah Mohd Amin, seorang pengkarya pelbagai genre dari Singapura. Sesi ini dibuka kepada khalayak umum.

Selanjutnya ialah program mentor yang dibuka kepada para peserta bengkel. Mereka yang berminat perlu



Biasanya program mentor berlangsung selama beberapa bulan dan pada penghujung program tersebut, mentee akan menghasilkan karya yang harus diserahkan kepada mentor dan pihak penganjur.

mencadangkan kerangka karya yang sesuai dibaca oleh pelajar berumur lapan hingga dua belas tahun. Selepas pusingan saringan, dua kumpulan untuk karya bahasa Melayu telah dibentuk. Setiap kumpulan disertai oleh tiga menti. Amanah Mustafi, Hassan Hasaa'ree Ali dan Maria Mahat telah dibimbing oleh Nazry Salam, penulis dan penulis komik prolifik dari Malaysia yang terkenal dengan karya untuk pembaca sekolah rendah ke atas. Nur Khairiah menjadi mentor kepada kumpulan kedua.

Tempoh program mentor Beyond Words berlangsung selama tiga bulan dari September sehingga November 2022 dan para menti harus menyelesaikan sekurang-kurangnya 70 peratus manuskrip yang dirancang di bawah bimbingan mentor.

Sepanjang program ini Amanah dan Hassan bertemu secara berkumpulan dan bersendirian dengan mentor mereka secara maya. Sungguhpun Hassan dan Amanah sudah lama berkecimpung dalam dunia penulisan — Hassan lebih cenderung kepada penulisan cerpen sementara Amanah lebih tertumpu pada skrip drama televisyen — genre novel *middle grade* merupakan sesuatu yang belum mereka dalam.

Menurut Hassan, melalui sesi-sesi tersebut mereka mengulas karya mereka dan membincangkan hala tuju penulisan mereka. Bagi Amanah, sesi bersama mentor telah memberikan perspektif baharu dalam penulisan yang belum diterokai beliau. Beliau menambah bahawa sesi bimbingan secara peribadi (*one-to-one*) memberi manfaat yang besar kerana perbincangan dilakukan dengan mendalam.

Setelah program mentor Beyond Words tamat, pihak Singapore Book Council membuat panggilan terbuka pada Januari 2022 kepada khalayak umum untuk manuskrip novel *middle grade* dalam bahasa Melayu, Tamil dan Cina. Undangan ini dibuka kepada sesiapa yang berminat, tidak mengira pengalaman mereka atau penglibatan dalam program mentor. Akhirnya, empat manuskrip Melayu telah dipilih oleh panel penilai untuk diterbitkan. Keempat-empat manuskrip tersebut telah dikarang oleh peserta program mentor Beyond Words: Amanah Mustafi, Hassan Hasaa'ree Ali dan Maria Mahat yang dibimbing oleh Nazry Salam, dan Nur-El-Hudaa Jaffar yang dibimbing oleh Nur Khairiah Mohd Amin. Novel-novel tersebut telah dilancarkan pada November 2023 di Perpustakaan Negara.

Jika program bertahap-tahap Beyond Words anjuran SBC menyasarkan pembangunan seni menulis tanpa mengira umur peserta dengan tujuan akhir untuk menerbitkan buku dalam bahasa ibunda untuk bacaan pelajar sekolah rendah, program **Kemilau** pula memberi tumpuan kepada penghasilan sajak dan cerpen oleh kalangan pengkarya daripada lingkungan umur yang ditetapkan.



Program mentor yang baik harus mengambil kira pengalaman dan pengetahuan yang ada pada para peserta. Untuk sesi bimbingan secara berkumpulan, peserta perlu mempunyai latar belakang pengalaman dan pengetahuan yang sejajar.”



**Amanah Mustafi**

Peserta program mentor Beyond Words, 2022

Kemilau telah dianjurkan oleh Unggun Creative, sebuah syarikat penerbitan, dengan sokongan Majlis Seni Kebangsaan (NAC) dan berlangsung dari 14 September 2021 sehingga 24 Januari 2022. Peserta boleh memilih untuk menyertai jalur puisi, jalur cerpen atau kedua-duanya sekali. Pada asalnya, had umur yang ditetapkan adalah antara 20 hingga 35 tahun. Namun atas sebab ingin mencukupkan 10 peserta untuk jalur cerpen, had umur dinaikkan kepada 42 tahun.

Salah satu tujuan mengadakan program Kemilau adalah untuk memupuk bakat-bakat baharu dalam bidang penulisan. Kedua-dua pengasas Unggun Creative, iaitu Farihan Bahron dan Dr Noridah Kamari, pernah menyertai program serupa contohnya Program Penulisan Mastera dan bengkel Mencari Kristal.





**Pembimbing mengemudi sesi perbincangan terbuka dan para peserta boleh menyumbang pendapat.**

"Kami percaya bengkel-bengkel sedemikian menyediakan ruang yang kondusif untuk para peserta menerima bimbingan dalam suasana yang membina," kata Farihan. Selain itu, Unggun Creative juga ingin berperanan sebagai pemangkin ekosistem kesusasteraan tempatan. Beliau menambah, "Program seperti Kemilau membolehkan kami mendekati penulis muda, mengenal suara-suara baharu dan membina komuniti yang saling mendukung dalam usaha memperkaya khazanah sastra Melayu Singapura."

Para peserta Kemilau menerima bimbingan daripada penulis-penulis mapan dari Singapura dan Malaysia iaitu Hamed Ismail, Jamal Ismail, Peter Augustine Goh, Suratman Markasan, S M Zakir dan Dr Zurinah Hassan. Pada akhir program, 46 puisi baharu dan 14 cerpen baharu telah dihasilkan oleh peserta.

Fadhli Rusydi Bin Fadzil telah menyertai Kemilau dalam jalur puisi. Beliau menghargai format bimbingan yang termasuklah ceramah ringkas yang kemudian disusuli dengan perbincangan berkenaan puisi peserta. Selain memberi komentar terhadap puisi peserta, pembimbing mengemudi sesi perbincangan terbuka yang menggalakkan para peserta untuk menyumbang pandangan dan mengulas puisi rakan menti. Melalui perkongsian terbuka ini, Fadhli dapat mengamati gaya penulisan peserta lain dan menyedari setiap penulis mempunyai suara tersendiri. Ini merupakan pelajaran yang amat dihargai beliau. Keragaman perspektif menjadikan setiap pertemuan penuh manfaat, secara kreatif dan kritis.



Berkarya di bawah bimbingan seorang mentor-penulis yang arif dengan sesuatu genre telah memberi saya keyakinan untuk memahami perkara yang menjadikan karya saya unik di samping mengamalkan *teknik yang membina "suara penulis" dan gaya saya*. Menulis merupakan kegiatan sepanjang hayat. Program mentor memberi penulis baharu keyakinan dan kemahiran, sementara penulis mapan dapat mengenal perspektif yang berlainan dan mengasah kemahiran mereka."



**Hassan Hasaa'ree Ali**

Peserta program mentor Beyond Words, 2022



Harus ada kepelbagaian dalam program mentor, baik untuk penulis tunas demi menyerlahkan potensi mereka, mahupun untuk penulis yang sudah bertapak dalam dunia penulisan bagi menghalusi ketukangan mereka. Ruang-ruang ini memberi penulis tantangan di samping mengukuhkan teras mereka dan selanjutnya terus berkembang, tidak kira umur atau pengalaman.”

### Fadhli Rusydi Bin Fadzil

Peserta program mentor Kemilau

Fadhli juga berpeluang menyertai program mentor anjuran Singapore Book Council (SBC) untuk penulisan cerpen. Kali ini, perbincangan berlangsung secara individu; seorang mentor dikhususkan kepada beliau. Selama enam bulan, pertemuan mentor-menti berlangsung dua kali sebulan. Ini bermakna beliau harus menyiapkan sebuah cerpen setiap dua minggu sekali gus menekan beliau untuk terus berdisiplin dan proaktif. Format ini memastikan tumpuan sepenuhnya kepada karya beliau. Fadhli dapat mendalami pilihan-pilihan khusus dari sisi gaya atau tema, sesuatu yang tidak dapat dilakukan dalam situasi bimbingan secara berkumpulan. Maklum balas yang diperibadikan membantu beliau memperhalus penulisan beliau dengan lebih teliti.

Bagi Fadhli, kedua-dua program mentor yang disertai telah mendalami pemahaman beliau terhadap apa yang dianggap sebagai karya sastra yang ampuh. Kemilau telah menerapkan dalam beliau pemahaman bahawa sebuah sajak sebaiknya berkisar pada satu citra utama. Fokus yang jelas adalah penting; puisi yang mengandungi terlalu banyak imejan boleh melemahkan kesan yang diingini atau mengakibatkan pembaca keliru.

Melalui program SBC pula, beliau lebih prihatin akan struktur naratif, pergerakan cerita dan pembangunan watak. Kepesatan program itu melatih beliau untuk menghasilkan draf yang lengkap dan teliti dengan pantas, yang tetap mengekalkan mutu kesusasteraan.

Kedua-dua program mentor ini telah memberi kematangan pada penulisan beliau, di samping menajamkan naluri dan meluaskan kepekaan sastra beliau.

Perkembangan terkini dalam membina sastra Melayu Singapura ialah **Program Bimbingan Penulis Melayu SBC x MHF 2025** yang dianjurkan oleh SBC dan Yayasan Warisan Melayu (MHF), dari Julai sehingga Disember 2025. Program ini dirancang khas untuk penulis bahasa Melayu di Singapura yang ingin meneroka aspek budaya, warisan, atau identiti Melayu dalam karya fiksi atau cerpen mereka. Program ini mengandungi unsur *residency* atau penulisan dalam rahat selama empat hari. Penulis yang terpilih akan diberi bimbingan dan semakan oleh penulis berpengalaman, di



Foto: Freepik.com

Program mentor dalam bidang sastra boleh memberi menti kematangan dalam penulisan, menajamkan naluri dan meluaskan kepekaan sastra.



Para menti perlu hadir dengan *matlamat penulisan yang jelas dan sikap terbuka untuk belajar*. Mereka disarankan untuk menetapkan projek utama yang ingin dibangunkan sepanjang tempoh program agar fokus terarah. Menti juga harus *proaktif berinteraksi dengan mentor*, berkongsi cabaran dan bertanya perkara-perkara yang memperdalam pemahaman. Selain itu, dokumentasi proses penulisan secara konsisten akan membantu refleksi dan perkembangan diri.”



**Farihan Bahron**

Pengasas Unggun Creative,  
pembimbing program  
mentor Kemilau

samping peluang berinteraksi dengan komuniti sastra. Seperti program mentor yang dianjurkan oleh SBC terdahulu, penulis yang terpilih akan menjayakan satu sesi akhir untuk meraikan hasil karya. Farihan Bahron dan Dr Noridah Kamari berperanan sebagai pembimbing.

Menurut Farihan, “Program ini wajar dilihat sebagai permulaan perjalanan penulisan jangka panjang dan peluang membina jaringan sastra yang berterusan.”

Nyata sekali bahawa keberkesanan sesuatu program mentor bergantung pada faktor-faktor seperti kandungan bengkel yang jelas matlamat dan perisiannya, pengalaman mentor dan keupayaannya sebagai seorang pembimbing yang membaca dan menyemak karya menti di samping memberi panduan kritis dan dorongan kepada menti, cara bimbingan dilakukan, latihan amali dan pendedahan menti kepada pelbagai aspek kesusasteraan. Tidak kurang penting ialah keterbukaan peserta dalam menerima bimbingan serta kesungguhan mereka dalam berkarya dan mendalami perihal ketukangan penulisan.

Kelihatan SBC mendepani penganjuran program mentor demi perkembangan sastra bahasa ibunda melalui pendekatan dua serampang: penulisan dan penterjemahan. Hakikatnya, program mentor formal boleh menjangkau pelbagai bidang seni seperti pementasan dan penulisan skrip, dan julat umur yang tidak terhad. Terdapat juga pelbagai model yang boleh dijadikan rujukan seperti program yang ditawarkan oleh National Centre for Writing di Britain dan *Young Storytellers* oleh Lambrick Foundation di Amerika Syarikat.

Program mentor sastra berperanan membina golongan pelapis dan menggerakkan perkembangan komuniti pengkarya yang sedia ada. Keberhasilan program mentor dapat dilihat melalui karya-karya yang dicipta dan/atau diterbitkan pada penghujung atau selepas program tersebut. Memang wajar sekiranya pihak penganjur mengadakan acara atau wadah perkongsian (*showcase*) hasil menti. Menjayakan sesuatu program mentor memerlukan sumber — tenaga manusia, penyediaan ruang dan kewangan. Sokongan daripada pihak berwenang seperti Malay Heritage Foundation dan Majlis Seni Kebangsaan amat penting. Begitu juga sokongan daripada para aktivis sastra dan khalayak umum demi kelestarian sastra Melayu Singapura. 

#### BIODATA



**Nur-El-Hudaa Jaffar** ialah seorang perunding editorial dan penterjemah bebas. Beberapa karya beliau untuk pembaca cilik dan umum telah diterbitkan. Karya asli dan terjemahan beliau telah menerima penganugerahan

seperti Golden Point Award dan Hadiah Terjemahan Mastera. Beliau dipilih oleh Majlis Seni Kebangsaan untuk menyertai Virtual Translation Residency bersama National Centre for Writing (UK) yang mana beliau memilih untuk menterjemah puisi Melayu kepada bahasa Inggeris.





# Konsep Kepimpinan Ideal

*dalam*  
Cerpen-cerpen Pilihan  
Teks Sastera  
*Antologi Karya*  
*Pahlawan Panggung*

**Farizan bin Md Amin**

### Aspek Kepimpinan

Aspek kepimpinan dan pentadbiran merupakan dua elemen yang saling melengkapi. Dalam konteks pentadbiran masyarakat yang berkesan atau *good governance*, kepimpinan dianggap cerminan utama bagi sesebuah naungan yang dipimpin. Seperti yang dinyatakan oleh Tenas Effendy (2000) dalam *Pemimpin dalam Ungkapan Melayu*, seorang pemimpin wajib memiliki "pakaian batin", iaitu keperibadian yang terpuji dan sentiasa menjadi sebahagian daripada dirinya.

Tenas Effendy (2000) menghuraikan maksud pemimpin, kedudukan, fungsi dan tanggungjawab pemimpin serta sifat atau keperibadian pemimpin yang diperlukan oleh seorang pemimpin, termasuklah sifat-sifat yang dipantangkan, iaitu sifat bertentangan dengan nilai-nilai agama,

adat istiadat dan norma sosial masyarakat. Beliau juga menyenaraikan 194 konsep pemimpin berdasarkan koleksi ungkapan tradisional Melayu-Riau.

Gaya kepimpinan merupakan elemen yang amat signifikan dalam menentukan keberkesanan sistem pentadbiran sama ada dalam sesebuah institusi kekeluargaan, masyarakat, organisasi atau negara. Pemimpin yang dilengkapi dengan pengetahuan yang luas, kebijaksanaan yang tinggi serta akhlak yang mulia, mampu memacu golongan yang ingin dipengaruhi untuk menuju kemakmuran dan kestabilan sosial.

Sebaliknya, ketiadaan ciri-ciri kepimpinan yang positif ini akan mengakibatkan sistem pentadbiran terdedah kepada pelbagai

cabaran yang merugikan seperti ketidakadilan, amalan rasuah, kezaliman dan ketidakcekapan dalam menangani isu-isu jenayah dan keselamatan awam. Secara keseluruhan, kualiti kepimpinan yang rendah boleh menjejaskan integriti dan keberkesanan struktur pentadbiran institusi kepimpinan.

Oleh itu, kepimpinan yang bersifat negatif boleh mengakibatkan ketidakstabilan dalam struktur institusi kepimpinan, yang akhirnya akan menjejaskan kelangsungan pemerintahan dan keselamatan institusi kepimpinan.

Konsep kepimpinan menurut Tenas Effendy (2000), seorang budayawan Alam Melayu, menekankan bahawa pemimpin sejati ialah insan yang berilmu, berakhlak mulia, berjiwa rakyat dan memahami adat serta budaya. Pemimpin harus menjadi payung tempat naungannya berteduh, dan pelita dalam kegelapan, iaitu memberi perlindungan dan petunjuk kepada masyarakat.

**B**esusasteraan Melayu berfungsi sebagai wadah penting dalam menyampaikan nilai, budaya serta pemikiran masyarakat. Dalam konteks cerpen-cerpen yang dimuatkan dalam *Antologi Karya Pahlawan Panggung* (2020), aspek kepimpinan sering menjadi tema utama yang diketengahkan secara halus mahupun tersurat. Kepimpinan ideal bukan sahaja mencerminkan sifat-sifat unggul seseorang pemimpin, tetapi juga mencerminkan keupayaan mereka untuk mempengaruhi, membimbing, dan memberi inspirasi kepada masyarakat sekeliling. Makalah ini bertujuan untuk menganalisis konsep kepimpinan ideal dalam tiga cerpen terpilih, iaitu "Sambal Goreng Emak" karya Wan Jumaiah Mohd Jubri, "Pahlawan Panggung" karya Suratman Markasan, dan "Orkidnya Sudah Menjadi" karya Khadijah Hashim.

Prinsip ini seiring dengan teori kepimpinan transformasi oleh Burns dan Bass, yang menekankan pengaruh ideal, motivasi inspirasi, rangsangan intelektual dan pertimbangan individu. Seperti mana perbincangan pemimpin transformasi, pemimpin menurut Tenas Effendy (2000) bukan sekadar mengarah, tetapi membimbing dengan teladan dan berhemah sewaktu melaksanakan pengaruh kepimpinan.

Kedua-duanya menekankan peranan pemimpin dalam membentuk perubahan moral dan sosial yang berasaskan kepercayaan, empati dan kebijaksanaan. Justeru, lanjutan kedua-dua kerangka ini memperlihatkan kepimpinan ideal sebagai gabungan nilai tradisional dan pendekatan psikologi moden, yang relevan dalam memimpin masyarakat secara holistik dan beretika.

### Kerangka Teori Kepimpinan Ideal

Konsep kepimpinan ideal merujuk kepada model atau pendekatan kepimpinan yang bukan sahaja berkesan dalam mengarah dan mengurus, tetapi turut menyentuh aspek moral, etika dan kemanusiaan dalam membimbing individu atau kumpulan ke arah perubahan positif. Dalam kajian ini, penulis memberikan tumpuan kepada teori kepimpinan transformasi yang diperkenalkan oleh James MacGregor Burns (1978) dan dikembangkan oleh Bernard M. Bass (1985) sebagai asas penting dalam membentuk kerangka teori kepimpinan ideal. Teori ini menekankan bahawa pemimpin sejati bukan hanya mengurus perubahan, tetapi membangkitkan semangat dan motivasi pengikut untuk mencapai matlamat bersama yang lebih tinggi dan bermakna.

Konsep kepimpinan menurut Tenas Effendy (2000), seorang budayawan Alam Melayu, menekankan bahawa pemimpin sejati ialah *insan yang berilmu, berakhlak mulia, berjiwa rakyat dan memahami adat serta budaya*. Pemimpin harus menjadi payung tempat naungannya berteduh, dan pelita dalam kegelapan, iaitu memberi perlindungan dan petunjuk kepada masyarakat.







Menurut Burns (1978), kepimpinan transformasi berlaku apabila pemimpin dan pengikut saling meningkatkan tahap motivasi dan moral. Bass (1985) pula mengembangkan teori ini dengan menggariskan empat komponen utama dalam kepimpinan transformasi, iaitu:

| 1                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | 2                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | 3                                                                                                                                                                                                                                                                                                            | 4                                                                                                                                                                                                                                                                               |
|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>Pengaruh Ideal</b><br><i>(Idealized Influence)</i>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | <b>Inspirasi Motivasi</b><br><i>(Inspirational Motivation)</i>                                                                                                                                                                                                                                                                             | <b>Rangsangan Intelektual</b><br><i>(Intellectual Stimulation)</i>                                                                                                                                                                                                                                           | <b>Pertimbangan Individu</b><br><i>(Individualized Consideration)</i>                                                                                                                                                                                                           |
| <p>Pemimpin bertindak sebagai teladan moral yang unggul. Mereka mempamerkan nilai-nilai integriti, keadilan dan kepercayaan yang tinggi. Dalam konteks ini, pemimpin ideal memperoleh rasa hormat dan kepercayaan daripada pengikut, bukan melalui paksaan tetapi melalui contoh dan kredibiliti yang mantap. Pengaruh yang ideal ini membolehkan pemimpin menjadi sumber inspirasi yang meyakinkan.</p> | <p>Pemimpin memberi visi yang jelas dan bermakna, menyuntik semangat dalam kata-kata dan tindakan, serta mempunyai daya keyakinan dalam kalangan pengikut. Mereka berkomunikasi dengan cara yang menggalakkan aspirasi tinggi dan bersifat optimisme, yang seterusnya meningkatkan komitmen terhadap matlamat atau perjuangan bersama.</p> | <p>Pemimpin menggalakkan kreativiti dan pemikiran kritis. Mereka mendorong pengikut untuk melihat masalah dari perspektif baharu dan mencabar keadaan sedia ada (status quo). Hal tersebut memperkasa individu untuk mencipta penyelesaian inovatif dan menjadi lebih berdikari dalam membuat keputusan.</p> | <p>Pemimpin memahami dan menghormati keperluan peribadi setiap pengikut. Mereka bertindak sebagai mentor dan pembimbing, memberi sokongan emosi serta peluang pembangunan peribadi. Keprihatinan ini menjadikan hubungan pemimpin dan pengikut lebih mendalam dan bermakna.</p> |

### Kepimpinan Ideal dalam Konteks Sastera

Dalam teks sastera, khususnya cerpen atau karya naratif, konsep kepimpinan sering dizahirkan melalui perwatakan watak utama atau sokongan yang memaparkan sifat-sifat kepimpinan seperti ketegasan prinsip, keupayaan membuat keputusan sukar, serta kemampuan memberi pengaruh moral terhadap watak lain. Pemimpin dalam karya sastera bukan sahaja memimpin secara zahir, tetapi juga turut memimpin secara batiniah — iaitu melalui pemikiran, pegangan nilai dan kesediaan berkorban demi kebaikan bersama.

Watak-watak ini sering kali mewakili suara pengarang dalam menyampaikan kritikan sosial atau aspirasi kolektif masyarakat. Mereka menjadi simbol kepada perjuangan identiti, integriti dan perubahan sosial. Dalam hal ini, elemen kepimpinan transformasi seperti yang digariskan oleh Burns dan Bass dapat dilihat secara tersirat mahupun tersurat dalam tindakan dan pertimbangan mereka.

Contohnya, seorang watak yang tegas dalam mempertahankan prinsip moralnya walaupun berdepan dengan tekanan sosial mencerminkan **pengaruh ideal**. Watak yang memberi harapan dan semangat kepada keluarganya atau masyarakat pula menunjukkan **inspirasi motivasi**, manakala watak yang mengubah cara pemikiran orang lain melalui hujah bernas dan analisis mendalam mencerminkan **rangsangan intelektual**. Pada masa yang sama, perhatian dan kasih sayang yang ditunjukkan kepada insan di sekeliling menunjukkan **pertimbangan individu**.

### Kepimpinan sebagai Proses Perubahan Sosial

Selain menjadi ciri perwatakan, kepimpinan dalam karya sastera juga merupakan alat untuk menggambarkan perjuangan menentang penindasan, ketidakadilan dan menyerlahkan realiti hidup masyarakat. Dalam konteks ini, pemimpin tidak semestinya memegang jawatan rasmi tetapi memiliki keberanian moral dan kekuatan dalaman untuk mengubah struktur sosial yang bersifat menindas atau tidak adil.

Kepimpinan ideal dalam sastera juga memperlihatkan elemen empati, pengorbanan dan keupayaan memahami penderitaan kolektif masyarakat. Pemimpin sebegini menjadi suara yang memperjuangkan keadilan dengan cara yang berhemah dan beretika. Oleh itu, teori kepimpinan transformasi sesuai untuk menganalisis tindakan dan pemikiran watak yang berfungsi sebagai agen perubahan dalam teks.

Secara keseluruhannya, kerangka teori kepimpinan ideal yang berasaskan pendekatan transformasi menawarkan satu dimensi kepimpinan yang bukan sekadar bersifat fungsional, tetapi mendalam dari sudut nilai dan kemanusiaan. Teori ini membuka ruang untuk memahami peranan pemimpin sebagai inspirasi dan penggerak kepada perubahan yang sejati, yang berasaskan teladan, intelektual,

Ketiga-tiga cerpen ini memperlihatkan variasi konsep kepimpinan berdasarkan latar dan peranan sosial yang berbeza. Namun, kesemua watak utama menunjukkan persamaan dari segi nilai asas seperti *keikhlasan, ketabahan, kasih sayang, dan komitmen terhadap tanggungjawab sosial*.

dan keprihatinan terhadap individu lain.

Dalam bidang sastera, pendekatan ini membolehkan pembacaan mendalam terhadap watak dan makna kepimpinan yang lebih kompleks dan signifikan dalam menggambarkan realiti kehidupan serta nilai masyarakat.

### Sintesis Konsep Kepimpinan Ideal dalam Cerpen-Cerpen Pilihan Teks Sastera Antologi Karya Pahlawan Panggung

Ketiga-tiga cerpen menampilkan watak yang bangkit daripada keterbatasan, konflik dalaman, atau tekanan sosial untuk memimpin melalui tindakan dan nilai. Dalam *Kudrat*, watak Katak, meskipun ditertawakan kerana kekurangannya, menunjukkan kepimpinan luar biasa. Dia membuktikan bahawa keberanian dan rasa tanggungjawab ialah asas pengaruh ideal. Dalam *Pahlawan Panggung*, watak Isa yang memegang watak Hang Jebat menjadi suara keadilan dan intelektual dalam pementasan, mempersoalkan sistem dan mencabar pemikiran konvensional, selaras dengan elemen rangsangan intelektual dalam teori Bass. Sementara itu, dalam *Sambal Goreng Emak*, watak Mak mencerminkan ciri pertimbangan individu — seorang pemimpin dalam keluarga yang memperjuangkan warisan dan mementingkan pendidikan.

Kesemua cerpen ini menegaskan bahawa kepimpinan bukan semata-mata soal kuasa atau kedudukan, tetapi juga terletak pada keupayaan mempengaruhi melalui nilai, emosi, dan semangat perubahan. Setiap watak memperlihatkan unsur motivasi inspirasi, baik secara sedar mahupun tidak, dan menunjukkan bahawa kepimpinan ideal boleh lahir dalam ruang peribadi, sosial atau simbolik.

# Sambal Goreng Emak

Karya **Wan Jumaiah Mohd Jubri**

Cerpen ini mengetengahkan watak seorang ibu yang menjadi tunjang keluarga selepas kematian suami. Mak gemar memasak hidangan kegemarannya; sambal goreng untuk anak-anaknya – Along dan Busu. Walaupun hanya seorang suri rumah, kepimpinan beliau terserlah melalui kebijaksanaan dalam membuat keputusan, keprihatinan terhadap anak-anak serta semangat kental dalam meneruskan kehidupan dan pelestarian warisan. Watak emak ini mencerminkan elemen kepimpinan transformasi apabila beliau bukan sahaja memimpin melalui teladan, tetapi juga memberi motivasi kepada anak-anak untuk berjaya di samping mempertahankan warisan melalui watak-watak Along (Dang Wangi) dan Busu (Tajul Muluk).

Watak Mak dalam "Sambal Goreng Emak" secara jelas memanifestasikan kepimpinan transformasi seperti yang digariskan oleh Burns dan Bass. Beliau bukan sahaja memainkan peranan sebagai ibu, tetapi juga sebagai pemimpin moral yang:

- memimpin dengan teladan melalui nilai dan integriti (pengaruh ideal);
- menunjukkan empati dan pertimbangan terhadap keperluan individu anak-anaknya (pertimbangan individu); dan
- memberi inspirasi sama ada melalui tindakan atau kata-kata yang tersirat dan tersurat yang membawa maksud kepada perjuangan yang lebih besar (inspirasi motivasi).

Cerpen ini mengangkat sosok wanita kampung sebagai pemimpin ideal dalam konteks kekeluargaan dan budaya, sekali gus membuktikan bahawa *kepimpinan bukan semestinya dalam bentuk kuasa, tetapi juga boleh dizahirkan melalui nilai, kasih sayang dan keteguhan prinsip dalam kehidupan seharian.*

Watak Mak dalam cerpen ini merupakan seorang wanita kampung yang sangat berpegang teguh kepada nilai tradisi, agama dan budaya Melayu. Dia tidak hanya menjalankan tugas sebagai ibu dan isteri, tetapi juga menjadi teras kepada kestabilan moral dalam keluarganya.

Contohnya, Mak bertegas untuk memasak sambal goreng mengikut cara tradisional dengan kualiti yang asli, bukan kualiti baharu yang lebih moden pemberian anak perempuannya, Along (watak yang sudah berjaya di bandar, menganggap cara emak ketinggalan zaman). Mak tidak tunduk kepada tekanan Along yang cuba membawa nilai moden, sebaliknya mempertahankan keasliannya sebagai lambang identiti dan warisan. Tindakan ini bukanlah sekadar mempertahankan resepi makanan, tetapi juga memperlihatkan keazaman seorang pemimpin untuk memelihara nilai dan akar budaya, menjadi contoh kepada generasi seterusnya.

Perkara tersebut mencerminkan prinsip pengaruh ideal, yang mana, watak Mak sebagai pemimpin dalam rumah tangga ini menjadi sumber inspirasi moral dan teladan yang dihormati, walaupun tidak memegang sebarang kuasa formal. Dia menunjukkan integriti dan prinsip hidup yang kukuh.

Walaupun berpegang teguh kepada tradisi, Mak tetap menunjukkan kasih sayang dan kepedulian terhadap anak-anaknya. Dia tidak menolak terus pandangan atau perubahan yang dibawa oleh Junaidah, sebaliknya mendengar dengan tenang walaupun hatinya terluka.

Contohnya ketika Busu memperlekehkan beberapa perkara, seperti namanya, iaitu Tajul Muluk dan gelaran Busu tiada ada kelas, mementingkan status pendidikan dan memandang rendah terhadap keupayaan bahasa Melayu di persada dunia, walaupun Mak marah beliau tidak bertindak kasar. Sebaliknya, Mak terus menunjukkan tekad untuk mempamerkan nilai warisan yang harus dipertahankan. Mak terus menggunakan bahasa Melayu dengan anak-anaknya dan ada masa beliau memarahi Busu apabila Busu merendahkan keupayaan nilai bahasa Melayu di dunia.

Perbincangan berdasarkan teori mencerminkan *pertimbangan individu*, iaitu keupayaan pemimpin memahami keperluan emosi dan keperibadian pengikut. Mak tidak menggunakan kuasa atau autoriti, tetapi mendidik melalui pendekatan yang dirasakan perlu dan penuh pengertian. Mak juga sedar bahawa Along dan Busu memerlukan bimbingan secara halus, bukan kritikan.



# Pahlawan Panggung

Karya **Suratman Markasan**

Dua watak utama dalam cerpen ini ialah pelakon teater yang membawa watak-watak pahlawan dalam persembahan pentas. Namun, kepimpinan mereka bukan hanya dalam dunia lakonan, tetapi juga dalam kehidupan sebenar apabila mereka menjadi sumber inspirasi kepada anak muda dan masyarakat sekeliling.

Pemimpin dalam cerpen ini dilihat sebagai seorang yang mempunyai visi besar untuk memartabatkan seni dan budaya. Cerpen ini menjadikan pentas bangsawan sebagai latar simbolik untuk mengangkat perdebatan nilai antara Hang Jebat dengan Hang Tuah, yang dilakonan oleh Isa dan Wahid, sekali gus mencerminkan konflik dalaman tentang keadilan, kesetiaan dan idealisme kepimpinan. Berikut ialah analisis yang telah diserahkan hasil daripada Teori Kepimpinan Transformasi oleh Burns dan Bass.

Watak Isa sebagai Hang Jebat dalam pementasan bangsawan bukan sekadar melakonkan skrip, tetapi juga menjadikan watak itu sebagai wadah perjuangan sama ada melalui konflik dalaman atau luaran. Isa (melalui watak Hang Jebat) menyuarakan ketidakpuasan hatinya terhadap sistem yang zalim; mewakili suara rakyat marhaen yang tertindas. Dia percaya pemimpin yang adil perlu ditegur jika bersalah, walaupun pemimpin itu ialah raja sendiri.

Contohnya Isa mengubah skrip asal bangsawan semasa pementasan dengan melontarkan dialog baharu yang lebih lantang dan bersifat kritikal terhadap raja. Hal ini mengejutkan pelakon utama lain, termasuk Wahid, dan mengundang konflik dengan pihak atasan. Namun Isa tetap berpegang pada prinsipnya demi menyuarakan kebenaran.

Penjelasan berdasarkan teori melalui tindakan Isa mencerminkan pengaruh ideal kerana beliau menjadi tokoh berprinsip yang memperjuangkan nilai moral. Seperti pemimpin transformasi, Isa menjadi inspirasi melalui keberanian menegakkan keadilan walaupun berdepan risiko. Di atas pentas, Isa berlakon bermati-matian dan tidak memberi peluang kepada Wahid, Hang Tuah untuk menikamnya sehingga mati seperti plot yang terdapat di dalam teks *Sejarah Melayu*.

Isa tidak menerima naratif tradisional Hang Tuah secara membuta tuli. Dia mencabar pandangan dominan bahawa kesetiaan membuta kepada

pemimpin adalah mulia, sebaliknya mengangkat semangat kritis melalui watak Hang Jebat. Isa mahu masyarakat berfikir semula tentang makna keadilan dan peranan rakyat terhadap kepimpinan.

Contohnya apabila Isa berbincang secara terbuka dengan Wahid tentang raja zalim yang harus disanggah tetapi Hang Tuah masih memilih raja walaupun di pihak yang salah kerana sumpah setia. Perbezaan pandangan mereka mencetuskan perdebatan sihat.

*Isa menolak kesetiaan tanpa soal, manakala Wahid mempertahankan ketaatan sebagai nilai Melayu. Kedua-dua perkara ini mewujudkan suasana intelektual yang memaksa pembaca dan penonton pementasan pada ketika itu supaya berfikir secara mendalam.*

Penjelasan berdasarkan teori pula memperlihatkan Isa mewakili *rangsangan intelektual*, iaitu mencabar *status quo* dan menggalakkan pemikiran kritis. Seorang pemimpin transformasi menggalakkan pengikut melihat sesuatu isu dari perspektif baharu, sebagaimana Isa lakukan melalui pementasan. Tindakannya membimbing pelakon muda, memperjuangkan isu sosial melalui seni, serta ketekunannya dalam menghadapi cabaran membuktikan elemen pengaruh ideal dalam teori. Watak ini menggabungkan nilai patriotisme, tanggungjawab sosial dan keberanian, menjadikannya simbol kepimpinan ideal dalam konteks budaya dan seni.

# Kudrat

Karya **Maimunah Kemat**

Perpen ini tentang seekor katak yang tidak berani melakukan perkara yang tidak pernah diterokainya sebelum ini. Katak berhasrat untuk menjadi seperti burung Helang. Namun, hasrat Katak diperlekehkan oleh temannya sendiri; watak seekor Mengkarung. Dalam perkembangan plot, Katak dibawa berjumpa Ular, menurut Mengkarung untuk berkawan. Sebaliknya berlaku adegan yang membawa kepada perjuangan Katak yang berjaya menyelamatkan diri.

Katak bercita-cita tinggi untuk menjadi lebih baik. Walaupun Katak pada awalnya takut mencuba sesuatu yang di luar kebiasaan, dia mempunyai aspirasi untuk menjadi seperti Helang, seekor burung yang boleh terbang tinggi dan menjadi lambang kebebasan serta kekuatan. Impiannya itu menunjukkan bahawa Katak mahu keluar daripada takuk lama dan menjadi sesuatu yang lebih hebat daripada dirinya sekarang.

Contohnya Katak menyatakan hasratnya untuk terbang tinggi seperti Helang. Walaupun ditertawakan oleh Mengkarung, dia tetap menyimpan cita-cita tersebut. Peristiwa ini menunjukkan ciri kepimpinan transformasi — iaitu menanam harapan dan visi perubahan dalam diri sendiri walaupun belum berkuasa atau berjaya, iaitu motivasi inspirasi (*Inspirational Motivation*).

Penjelasan berdasarkan teori dilihat dalam watak Katak yang memaparkan pemimpin transformasi dalam memberikan motivasi dan harapan, dan dalam konteks ini, Katak menunjukkan semangat itu kepada dirinya sendiri, sebagai langkah awal ke arah transformasi peribadi.

Katak akhirnya memilih untuk tidak mengikut sahaja aturan hidupnya sebagai seekor haiwan yang hanya melompat dan tinggal di kawasan berlumpur. Sebaliknya, dia meneroka sesuatu yang asing, walaupun berisiko — seperti berkawan dengan Ular atas cadangan Mengkarung.

Katak bersedia bertemu Ular meskipun tahu hal itu berbahaya. Daripada hanya mendengar kata-kata Mengkarung atau tunduk kepada rasa takut, dia mencabar ketakutan itu dan menghadapi akibatnya sendiri.

Hal tersebut mencerminkan rangsangan intelektual, iaitu keberanian mencabar norma dan meneroka sesuatu yang baharu. Walaupun niat awalnya naif, keberanian Katak untuk keluar dari

zon selesa membuka jalan kepada kematangan dan kebijaksanaan.

Selepas berjaya menyelamatkan diri daripada ancaman Ular, Katak akhirnya membuktikan bahawa dia bukan makhluk lemah yang hanya mampu bermimpi. Dia telah melalui cabaran besar dan muncul sebagai makhluk yang lebih berani, sedar dan tabah. Contoh situasi adalah apabila Katak tidak menyerah ketika ditipu dan hampir menjadi mangsa. Dia melawan dan melepaskan diri dengan kekuatannya sendiri. Tindakannya itu memberi isyarat bahawa nilai keberanian dan keazaman boleh membawa perubahan sebenar, walaupun dalam diri makhluk yang kecil dan sering diperlekehkan.

Seorang pemimpin transformasi menjadi contoh melalui tindakan — bukan kata-kata semata-mata. Katak menjadi simbol kepada pembaca bahawa *keyakinan terhadap diri dan ketabahan menghadapi cabaran menjadikan seseorang itu pemimpin terhadap dirinya sendiri.*

**Kesemua watak ini mengangkat nilai kepimpinan transformasi dan membuktikan bahawa *kepimpinan bukan sahaja eksklusif kepada jawatan atau kuasa, tetapi juga boleh terbit daripada nilai murni dan tindakan harian seseorang.***



Ketiga-tiga cerpen ini memperlihatkan variasi konsep kepimpinan berdasarkan latar dan peranan sosial yang berbeza. Namun, kesemua watak utama menunjukkan persamaan dari segi nilai asas seperti keikhlasan, ketabahan, kasih sayang, dan komitmen terhadap tanggungjawab sosial.

Watak Mak dalam *Sambal Goreng Emak* menonjolkan kepimpinan dalam ruang domestik yang penuh dedikasi dan emosi, manakala watak pelakon dalam *Pahlawan Panggung* menggambarkan kepimpinan dalam ranah seni dan masyarakat. Sementara itu, watak Katak dalam *Kudrat* mewakili kepimpinan yang membentuk masa depan generasi supaya tidak berputus asa dan tidak mudah lentur apabila perlukan perjuangan dan pengorbanan untuk keluar daripada takut yang lama.

Kesemua watak ini mengangkat nilai kepimpinan transformasi dan membuktikan bahawa kepimpinan bukan sahaja eksklusif kepada jawatan atau kuasa, tetapi juga boleh terbit daripada nilai murni dan tindakan harian seseorang.

### Kesimpulan

Cerpen-cerpen dalam *Antologi Karya Pahlawan Panggung* membuka ruang interpretasi yang luas tentang konsep kepimpinan. Melalui watak-watak yang telah dibincangkan, pembaca dapat menghayati pelbagai dimensi kepimpinan yang ideal — dari konteks keluarga, seni hingga pendidikan dan perlambangan watak haiwan yang mempamerkan emansipasi manusia. Teori kepimpinan transformasi menjadi kerangka yang sesuai untuk mentafsirkan tindakan dan nilai watak-watak ini yang berlandaskan inspirasi, kesedaran sosial, dan pembinaan insan. Kajian ini menunjukkan bahawa sastera mampu menjadi medium yang efektif dalam mengetengahkan model kepimpinan yang relevan dengan keperluan masyarakat masa kini. ■

### RUJUKAN

*Antologi Karya Pahlawan Panggung* (2<sup>nd</sup> ed.). (2020). Unggun Creative.

Bass, B. M. (1985). *Leadership and Performance Beyond Expectations*. New York: Free Press.

Bass B.M. (1981). *Bass & Stogdill's Handbook of Leadership* (3<sup>rd</sup> ed). New York: Free Press.

Bass, B and Avolio B. (1990). *Manual for the Multifactor Leadership Questionnaire*. Consulting Psychologist Press, Palo Alto, California.

Burns, J. M. (1978). *Leadership*. New York: Harper & Row.

Farizan Md Amin, Hashim Ismail & Mohd Taufiq Arridzo Mohd Balwi. (2024). Simbiosis tentang konsep kepimpinan kejantanan dalam Tuhfat Al-Nafis. *Jurnal Melayu*, Edisi Khas Disember 2024. Penerbit UKM Press.

Farizan Md Amin, Hashim Ismail & Mohd Taufiq Arridzo Mohd Balwi. (2022). Akal pemimpin dalam ungkapan Melayu oleh Tenas Effendy dilihat dalam teks Sulalat u's Salatin. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 15(2), 205-222. [http://doi.org.10.37052/jm.15\(2\)no3](http://doi.org.10.37052/jm.15(2)no3).

Fleishman, E.A. and Hunt, J.G. (1973). Twenty Years of Consideration and Structure. Current Developments in the Study of Leadership: A Centennial Event. *Simposium di Southern Illinois University di Carbondale*. Southern Illinois University Press, 1, 13-26.

Hoofstede G. (2001). *Cultures Consequences: Comparing Values, Behaviors, Institutions, and Organizations Across Nations* (2<sup>nd</sup> ed). London, United Kingdom: Sage Publications.

Lussier R.N. & Achua C.F. (2016). *Leadership: Theory, Application & Skill Development* (6<sup>th</sup> ed). USA: Cengage Learning.

Tenas Effendy. (2000). *Pemimpin dalam ungkapan Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tenas Effendy. (2004). *Tunjuk ajar Melayu*. Adicita Karya Nusa.

Tenas Effendy. (2010). *Semangat Melayu*. Universiti Malaya.

Zalzenik A. (1963). The Human Dilemmas of Leadership. *Harvard Business Review*, Jul-Aug 1963. USA: Harvard College.

Zuraidah Abdullah (2002). *Kepemimpinan Transformasi: Pembentukan Organisasi Pembelajaran di Sebuah Sekolah di Selangor*. (Disertasi Ijazah Sarjana). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

### BIODATA



**Farizan bin Md Amin** Seorang pendidik dan pengkaji. Berpengalaman sebagai Ketua Jabatan di sekolah menengah dan sekolah rendah serta mendukung kegiatan-kegiatan bahasa, sastera dan budaya Melayu di peringkat nasional.

Penerima AGAB dan selesai meraih Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Malaya, pada 2024. Bidang kajian bidang analisis kontrastif dan tumpuan kajian kesusasteraan Melayu dengan pengkhususan historiografi.



# Ilmu Peperangan Masyarakat Melayu Tradisional

*dalam Syair-syair Perang Melayu*

**Wan Roshazli Binti Wan Razali**

Syair-syair perang Melayu Nusantara bukan sekadar karya sastra yang bersifat imajinatif atau dongeng, sebaliknya merupakan dokumen bertulis yang bernilai sejarah tinggi. Karya-karya ini mencatat, merakam, dan menceritakan dengan terperinci fenomena sebenar peperangan yang berlaku dalam masyarakat silam. Peperangan bukan sekadar peristiwa biasa, tetapi merupakan titik tolak penting dalam naratif peradaban Melayu yang harus diketahui oleh generasi kini dan juga akan datang khususnya tentang perjuangan dan pengorbanan nenek moyang dalam mempertahankan tanah air, maruah, dan warisan agar tidak terlepas ke tangan penjajah asing.



Syair-syair perang Melayu Nusantara bukan sekadar karya sastra yang bersifat imaginatif atau dongeng, sebaliknya merupakan dokumen bertulis yang bernilai sejarah tinggi. Karya-karya ini mencatat, merakam, dan menceritakan dengan terperinci fenomena sebenar peperangan yang berlaku dalam masyarakat silam. Peperangan bukan sekadar peristiwa biasa, tetapi merupakan titik tolak penting dalam naratif peradaban Melayu yang harus diketahui oleh generasi kini dan juga akan datang khususnya tentang perjuangan dan pengorbanan nenek moyang dalam mempertahankan tanah air, maruah, dan warisan agar tidak terlepas ke tangan penjajah asing.

Kejatuhan empayar Melaka pada tahun 1511 ke tangan Portugis telah membuka lembaran baharu dalam sejarah Nusantara. Sejak itu, kuasa-kuasa asing seperti Portugis, Belanda, Sepanyol, Inggeris dan Jepun mula menjarah satu demi satu wilayah kepulauan Melayu untuk menguasai politik, ekonomi dan struktur sosial masyarakat tempatan. Dalam keadaan inilah, pengarang-pengarang Melayu silam tampil bukan hanya sebagai penyair, tetapi juga sebagai wartawan, pencatat sejarah dan jurutulis kepada masyarakat yang mendokumentasikan realiti sebenar situasi peperangan yang berlaku dalam bentuk syair.

Justeru itu, syair-syair peperangan Melayu bukan hanya sebagai sebuah naratif yang menjelaskan fenomena peperangan seperti penyebab teretusnya perang, tokoh-tokoh yang terlibat serta kesan peperangan.

Sebaliknya, syair perang Melayu Nusantara menonjolkan kehebatan orang-orang Melayu silam dalam dunia peperangan dengan menggunakan ilmu peperangan tersendiri yang menghasilkan strategi dan kaedah yang unik serta berbeza dengan masyarakat Barat.

### Perbincangan

Menurut Sun Tzu dalam bukunya *The Art of War* (2002:10), strategi peperangan ialah seni ketenteraan termasuklah suatu bentuk ilmu yang bukan sahaja berasaskan logik dan taktik, tetapi juga melibatkan unsur estetik dan kehalusan dalam perancangan. Kehalusan inilah yang memperkuat lagi kenyataan bahawa strategi peperangan masyarakat Melayu silam memiliki falsafahnya tersendiri.

Ilmu peperangan masyarakat Melayu bukan hanya menjurus kepada aspek serangan, tetapi juga pertahanan, pembentukan semangat, serta ketahanan moral dan spiritual. Moral ialah perkara penting dalam ilmu peperangan. Tanpa moral yang tinggi, urusan dan usaha berperang mustahil dapat dilaksanakan.

Dalam ilmu peperangan masyarakat silam juga terkandung adat atau tertib berperang kerana orang Melayu dahulu sangat menjaga adat dalam aspek kehidupan mereka. Dalam teks *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ada menyebut tentang etika, adat atau tatacara berperang. Berdasarkan teks ini, peperangan merupakan cara terakhir yang harus dilakukan sekiranya tiada jalan penyelesaian yang dapat dicapai



Syair-syair perang Melayu Nusantara mencatat, merakam, dan menceritakan dengan terperinci fenomena sebenar peperangan yang berlaku dalam masyarakat silam.

Dalam teks *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah* ada menyebut tentang etika, adat atau tatacara berperang... Sebanyak **100 syarat peperangan yang ditulis adalah memberi penjustifikasian untuk menghindari peperangan** kerana peperangan membawa kepada kesengsaraan dan kemusnahan.

untuk menyelesaikan konflik. Sebanyak 100 syarat peperangan yang ditulis menuntut penjustifikasian untuk menghindari peperangan kerana peperangan membawa kepada kesengsaraan dan kemusnahan. Sekiranya 100 syarat tersebut masih belum mampu menghindari peperangan, maka, raja haruslah berpegang kepada syarat ke-101, iaitu berperang hingga ke titisan darah terakhir (Jelani Harun, 2017:30).

Adab dan tatacara ini membuktikan kepada generasi masa kini bahawa inilah antara ilmu peperangan orang Melayu dahulu. Zubir Idris (2013: 11–12), menjelaskan karya-karya sastra sejarah yang dikarang dalam bentuk syair—terutama syair-syair yang bertemakan peperangan bukan sahaja memperlihatkan semangat perjuangan, tetapi turut merakamkan secara terperinci aspek strategi peperangan baik secara fizikal seperti penggunaan senjata dan peralatan perang, mahupun secara intelektual dan rohani, termasuklah doa, azimat, muslihat, dan kebijaksanaan berperang.

Strategi yang dilaksanakan oleh masyarakat Melayu dalam peperangan bukan bersifat sembarangan, tetapi tersusun dan berasaskan kepada ilmu serta organisasi yang rapi. Dalam naratif syair, jelas diperlihatkan bahawa sebelum melancarkan serangan, masyarakat Melayu telah terlebih dahulu merangka pelan tindakan, membentuk struktur kepemimpinan, menetapkan peranan, dan menyusun kekuatan. Hal ini menunjukkan bahawa mereka memiliki ilmu peperangan tradisional yang tersendiri, bersifat sistematik dan disesuaikan dengan keadaan geopolitik serta nilai budaya setempat.

Ilmu peperangan tersendiri masyarakat Melayu mungkin berlainan antara satu sama lain, umpamanya dalam **Syair Peperangan Aceh** sebelum Sultan Aceh merangka strategi peperangan beliau telah mendapat perkhabaran melalui mimpi tentang ancaman yang akan beliau hadapi supaya bersiap sedia untuk berperang. Perkhabaran yang diterima itu adalah melalui mimpi. Justeru itu, mimpi merupakan salah satu ilmu perang orang Melayu. Beliau telah bermimpi didatangi seseorang yang menyatakan beliau akan dikhianati oleh orang-orang sendiri.

*Setelah malam sudahlah hari  
Baginda pun masuk ke dalam puri  
Baginda pun beradu terlali mata  
Ayuhai Ibrahim mamanda berkata*

*Janganlah tuanku suka dan walang  
Baik muafakatlal tuanku sekarang  
Baginda terkejut lalulah sedar  
Mendengarkan helah alamat*

*Sangatlah terkejut rajanya tadi  
Mimpi apakah demikian peri  
Di dalam hati baginda fikirilah  
Dari mana datangnya bala Allah*

(Syair Peperangan Aceh, 1926: 4)

Bagi mengelakkan pengkhianatan tersebut, Sultan Aceh bertindak dengan mengumpulkan seluruh rakyatnya untuk meminum air dari sebuah kolam yang telah direndam dengan ayat-ayat al-Quran. Tindakan ini bertujuan untuk mengikat kesetiaan rakyat kepada raja melalui sumpah. Sekiranya sumpah itu dikhianati, mereka diyakini akan menerima kutukan daripada Allah. Peristiwa ini dinaratifkan seperti berikut dalam *Syair Perang Aceh*:

*Lalu bersabda duli Syah Alam  
"Di mana rakyat luar dan dalam  
Jikalau engkau sungguh Islam  
Minumlah segera air kolam.*

*Jangan tak mahu semua orang  
Negeri ini bala Allah apa datang  
Ini negeri tentu berperang  
Janganlah belot barang seorang.*

*Telah didengar Yang Dipertuan  
Minum semua betina jantan  
Minum itu di jari jadi rebutan  
Ada yang di mangkuk ada yang di pinggan*

*Orang pun minum berebut-rebut  
Habis basah misai dan janggut  
Titah Sultan baik diikuti  
Supaya berperang jangan belot.*

(Syair Peperangan Aceh, 1926: 4–5)

Unsur mimpi sebagai ilmu perang juga terdapat dalam teks *Tuhfat al-Nafis* apabila lima Opu bersaudara bersetuju membantu Sultan Kedah yang ketika itu diancam oleh kerabatnya sendiri, serta membantu



Raja Kecil merampas takhta Johor dan menakluk negeri-negeri Melayu yang lain. Persetujuan ini dibuat selepas Opu Daeng Menambun bermimpi bahawa zakar saudaranya, Opu Daeng Cellak berubah menjadi seekor naga yang menjulur ke arah Barat Johor.

Mimpi ini ditafsirkan sebagai petanda bahawa keturunan Opu Daeng Cellak akan memerintah Johor dan Riau untuk tempoh yang panjang (*Tuhfat al-Nafis*, 1998: 53). Justeru itu peristiwa berkaitan mimpi menjadi salah satu ilmu perang penting dan panduan kepada Sultan Aceh dan Opu lima bersaudara untuk berperang. Peristiwa ini menunjukkan bahawa mimpi tidak hanya menjadi medium komunikasi rohani, tetapi turut berfungsi sebagai asas perancangan awal dalam dunia peperangan masyarakat Melayu.

Selain strategi ketenteraan luaran, masyarakat Melayu turut mengamalkan ilmu dalaman ketika berperang, yang sering kali dikaitkan dengan ilmu batin. Ilmu ini bersifat abstrak, spiritual dan subjektif, menjadikannya sukar untuk dibuktikan secara empirikal atau dinilai dengan mata kasar. Walau bagaimanapun, ia memainkan peranan penting dalam membentuk kekuatan mental, semangat juang dan keberanian para pejuang Melayu, seperti yang tergambar dalam **Syair Perang Menteng**.

Dalam syair tersebut, para pendekar Palembang termasuk Sultan Mahmud Badaruddin II sendiri digambarkan sebagai pengamal Tarekat Samaniyah, sebuah aliran tasawuf yang sangat berpengaruh di Palembang ketika itu (Abdul Rahman Hj. Abdullah, 2016:12). Tarekat ini menekankan amalan zikir secara lantang dan berterusan, disertai dengan pergerakan tubuh sehingga mencapai keadaan spiritual yang mendalam, seperti dalam rangkap berikut:

*Delapanbelas harinya Sabtu  
Bulan Syaban ketika waktu  
Pukul empat jamnya itu  
Haji berzikir di pamarakan tentu.*

Zikir tersebut dilakukan secara berkumpulan di hadapan istana, dan para pengamalnya tenggelam dalam keasyikan rohani. Dalam konteks peperangan, zikir ini bukan sekadar amalan ibadah, tetapi berfungsi sebagai satu bentuk persiapan spiritual untuk menghadapi musuh. Sebutan “huAllah” dikeraskan bagi menyalurkan semangat Ilahi ke dalam jiwa, menjadikan mereka berani, kebal, dan tidak gentar terhadap senjata musuh.

Inilah ilmu peperangan tersendiri orang Melayu silam jika hendak dibandingkan dengan ilmu peperangan masyarakat Barat. Amalan ini melahirkan suatu keadaan ‘asyik’ atau ‘mabuk’ rohani bukan dalam maksud kelalaian duniawi, tetapi dalam pengertian sufi iaitu melupakan dunia dan menumpukan sepenuhnya kepada Allah. Keasyikan ini menjadikan para pejuang tidak takut mati dan yakin bahawa mereka sedang berjuang di jalan Allah.

*Haji Ratib di pengadapan  
Berkampung bagai mengadap ayapan  
Tidaklah malu dan sopan  
Ratib berdiri di berhadapan*

*Haji berteriak Allahu akbar  
Datang mengamuk tak lagi sabar  
Dengan tolong Tuhan Malik al-Jabbar  
Serdadu Menteng habislah bubar*

(Syair Perang Menteng, 1975:2-3)

Watak golongan haji dan syed sering dimunculkan dalam syair ini untuk menunjukkan bahawa mereka merupakan pengamal utama ilmu batin dan mantera. Pengarang memaparkan bahawa hanya golongan tertentu seperti haji dan panglima perang sahaja yang memiliki kelebihan ini, menandakan bahawa ilmu dalaman bukan boleh diamalkan sebarangan, tetapi menuntut kepakaran dan tahap kerohanian yang tinggi. Ini ditonjolkan dalam rangkap berikut:

*Pangeran membaca doa selamat  
Dengan berkat segala keramat  
Syafaat Nabi Sayyidul Kainat  
Rakyat Menteng hancurlah lumat*

(Syair Perang Menteng, 1975:9)

*Saktinya Temenggung ilmu terkandung  
Hari yang panas menjadi rundung  
Di atas pelataran duduk bertenung  
Baris tiada tempat berlindung*

*Temenggung membaca isim al-wara  
Kapal Menteng menjadi jentera  
Banyak undur sedikit mara  
Kelasi kapal sangat sengsara*

(Syair Perang Menteng, 1975:12)

Dengan bacaan mantera ini, kapal tentera Belanda menjadi sukar bergerak, menandakan bahawa kekuatan spiritual digunakan secara langsung untuk mengganggu kekuatan fizikal musuh. Hal ini turut disokong dalam rangkap berikut:

*Semua azimat sudah terkena  
Lakunya bagai Sang Arjuna  
Mencabut pedang bulu kencana  
Gurnat datang tidak mengena*

(Syair Perang Menteng, 1975:21)

Keseluruhan gambaran ini menunjukkan bahawa ilmu dalaman atau ilmu batin dalam tradisi Melayu bukan hanya berperanan sebagai alat pertahanan diri, tetapi juga sebagai senjata psikologi dan spiritual dalam medan peperangan. Walaupun tidak dapat dibuktikan secara saintifik, kepercayaan terhadap kekuatan dalaman ini menjadi elemen penting dalam membentuk



Ilmu dalaman atau ilmu batin dalam tradisi Melayu bukan hanya berperanan sebagai alat pertahanan diri, tetapi juga sebagai *senjata psikologi dan spiritual dalam medan peperangan*.

keberanian, kesatuan dan keyakinan diri dalam kalangan tentera Melayu silam.

Kebolehan dan keistimewaan yang dimiliki oleh masyarakat Palembang telah menimbulkan kegusaran dalam kalangan musuh, khususnya tentera Belanda. Berdasarkan naratif dalam *Syair Perang Menteng*, azimat dan ilmu dalaman yang diamalkan oleh para pejuang Palembang dipercayai mampu memberikan kesan langsung terhadap tahap keberkesanan serangan musuh. Diceritakan bahawa bahan letupan yang disasarkan kepada tentera Palembang tidak mengenai sasaran, sebaliknya tersasar ke tempat lain. Keadaan ini dipercayai berlaku akibat kekuatan spiritual yang dimiliki oleh para pejuang melalui penggunaan azimat dan doa yang berterusan.

Pandangan ini turut disokong oleh sejarawan Anthony Reid (1988:12) yang menyifatkan unsur magis sebagai sebahagian daripada "skill of power" masyarakat Melayu, yang tidak difahami atau dimiliki oleh kuasa Barat. Dalam hal ini, penggunaan ilmu batin dan mantera bukan sahaja diterima dalam masyarakat, malah dianggap sebagai satu bentuk kekuatan yang sah dan berpengaruh.

Kajian Woelders (1975:132), pula menyebut bahawa tentera Palembang yang berkawal di benteng pertahanan akan membaca selawat, tahlil dan doa tanpa henti, sehingga gema bacaan tersebut menyerupai bunyi paluan gendang yang menyemarakkan semangat juang. Bahkan, meriam utama mereka, Seri Palembang, telah dibacakan Surah Yasin sebanyak 40 kali sebelum digunakan. Dengan izin Allah, peluru meriam tersebut 'mengamuk' apabila dilepaskan, bergerak seolah-olah mempunyai kuasa sendiri dan mampu membunuh tentera Belanda dengan tepat.

Setiap meriam yang digunakan oleh tentera Palembang turut mengalami proses spiritual tertentu. Sebelum digunakan, senjata akan 'ditepung tawar' dan dijamu dengan sajian khas sebagai simbolik untuk membangkitkan semangat dan kekuatan ghaib meriam tersebut. Akibatnya, apabila tembakan meriam dilepaskan, laut dikatakan bergelora, dan kawasan darat serta air tidak dapat dibezakan lagi akibat kilauan dan gegaran tembakan. Keadaan ini memberi gambaran bahawa peluru yang ditembak berfungsi seperti peluru berpandu dibimbing oleh doa, bacaan ayat suci dan jampi, yang berperanan memastikan ketepatan sasarannya.

Penceritaan seperti ini memperlihatkan kepelbagaian bentuk strategi perang masyarakat Melayu silam yang hebat, yang bukan sahaja bergantung pada kekuatan fizikal dan senjata, tetapi turut menggabungkan unsur spiritual dan magis. Keunikan ini kebanyakannya hanya dapat ditelusuri melalui karya-karya sastera klasik seperti *Syair Perang Menteng*, yang menjadi wadah penting dalam merakamkan budaya dan kebijaksanaan tempatan.

Dalam konteks ini, pengarang syair telah berjaya menzahirkan kemegahan dan keteguhan semangat masyarakat Palembang melalui naratif peperangan yang sarat dengan unsur keagamaan, spiritual dan simbolisme budaya.

Dalam *Syair Perang Mengkasar* pula, sunderik dijadikan sebagai alat senjata khusus para pendekar Bugis. Uniknyanya hanya syair ini yang mengangkat senjata kecil berbanding syair-syair perang lain yang menonjolkan senjata yang lebih besar.

Dalam *Syair Perang Mengkasar*, kehadiran senjata yang disebut sebagai sunderik memperlihatkan satu

***Sejarawan Anthony Reid menyifatkan unsur magis sebagai sebahagian daripada “skill of power” masyarakat Melayu, yang tidak difahami atau dimiliki oleh kuasa Barat. Dalam hal ini, penggunaan ilmu batin dan mantra bukan sahaja diterima dalam masyarakat, malah dianggap sebagai satu bentuk kekuatan yang sah dan berpengaruh.***

aspek unik dalam tradisi ketenteraan masyarakat Melayu, khususnya dari wilayah Makassar dan sekitarnya. Penggunaan sunderik dalam syair ini bukan sahaja menandakan kehadiran senjata fizikal, malah turut mencerminkan kefahaman mendalam masyarakat Mengkasar terhadap seni peperangan yang menggabungkan keberanian, kebijaksanaan dan strategi yang halus tetapi berkesan. Berbeza daripada pandangan lazim yang menganggap senjata kecil hanya sebagai alat sokongan, dalam konteks *Syair Perang Mengkasar*, sunderik ditampilkan sebagai senjata utama dalam saat-saat kritikal. Perkara ini dapat dilihat dalam rangkap berikut:

*Mengaru pula Keraeng Lengkes  
Metjabut sunderik serta memekis  
Djikalau sekadar Welanda dan Bugis  
Daripada tertawan remaklah habis*

*Akan tjakap Keraeng Sanderabone  
Metjabut sunderik baru ditjanai  
Djikalau sekadar Sopeng dan Bone  
Tambah lagi sula dengan Burne*

*Terlalu ramai serunai dan genderang  
Sendjata dan sunderik lembing dan pedang  
Setingar pun hadir seputjuk seorang  
Ingatnja sangat bukan kepalang*

(*Syair Perang Mengkasar*, 1961: 80.85 & 125)

Pengulangan kata sunderik dalam beberapa rangkap syair bukanlah bersifat kebetulan, sebaliknya berfungsi sebagai penanda simbolik yang mendalam. Senjata ini bukan sekadar alat fizikal, tetapi mewakili kekuatan batin, keupayaan bertindak dalam diam, serta kebijaksanaan menyerang pada saat yang paling tepat. Pengulangan kata ini menggambarkan nilai keperwiraan masyarakat Mengkasar yang tidak bergantung kepada kehebatan zahir semata-mata, tetapi juga kepada senjata yang kecil, tersembunyi, dan memerlukan ketangkasan serta kecermatan tinggi dalam penggunaannya.

Pemilikan senjata dalam budaya Bugis-Melayu lazimnya berkait rapat dengan status sosial, nilai warisan

dan kekuatan spiritual. Senjata seperti keris dan badik, termasuk sunderik, dianggap memiliki semangat atau roh tersendiri. Tidak mustahil jika sunderik turut dipercayai sebagai senjata yang mempunyai elemen mistik, terutama jika senjata ini digunakan bersama bacaan doa, jampi atau dalam upacara khas sebelum pertempuran. Oleh itu, sunderik bukan hanya berfungsi sebagai alat fizikal, tetapi juga sebagai medium spiritual yang memperkukuh kekuatan dalaman seseorang pahlawan.

Peranan sunderik ini memperlihatkan bahawa ilmu perang masyarakat Mengkasar sangat kompleks, melampaui konsep peperangan material. Hal ini melibatkan gabungan unsur ketenteraan, strategi tersirat, kerohanian dan kepercayaan terhadap alam ghaib – suatu sistem yang membuktikan bahawa kekuatan sebenar masyarakat Melayu silam terletak bukan sahaja pada senjata yang besar dan menggerunkan, tetapi juga pada senjata halus yang tersembunyi, yang menjadi simbol kecermatan dan keberanian sejati. Justeru, sunderik dalam *Syair Perang Mengkasar* merupakan lambang kekuatan unik yang memperlihatkan keunggulan seni perang Melayu dari sudut fizikal, mental dan spiritual yang seimbang.

### **Alam atau geografi**

Alam atau geografi turut dikaitkan dengan ilmu peperangan masyarakat Melayu. Tentera Melayu bukan hanya bergantung pada unsur-unsur spiritual, kekuatan persenjataan dan strategi ketenteraan, tetapi turut disokong oleh kecekapan dalam memanfaatkan kelebihan geografi tempatan sebagai satu bentuk strategi perang yang signifikan. Penggunaan unsur geografi yang dirakamkan *Syair Perang Menteng* dalam perancangan pertahanan memperlihatkan kecerdikan Sultan Badaruddin II dan para pejuang Palembang dalam mengenal pasti dan mengeksploitasi bentuk muka bumi sebagai aset strategik yang ampuh.

Wilayah Palembang yang kaya dengan pelbagai ciri fizikal seperti dataran tinggi, kawasan berteluk, hutan tebal, tanah datar, pulau, teluk, muara serta anak-anak sungai, telah menjadi benteng semula jadi yang menyulitkan pergerakan dan strategi pihak musuh, khususnya tentera Belanda. Tambahan pula,



faktor perubahan pasang surut air sungai terutama Sungai Musi yang merupakan laluan utama ke Palembang menjadi perangkap yang tidak dijangka oleh musuh. Ketidakhahaman pihak Belanda terhadap pola geografi dan hidrografi tempatan menjadikan mereka terperangkap dalam wilayah yang tidak dikenali.

Kekeliruan ini jelas terlihat apabila armada perang Belanda terhenti di Sungai Kundur akibat air surut, sekali gus memberikan kelebihan kepada tentera Palembang yang telah bersiap sedia untuk menyerang dari darat dan hutan sekeliling. Peristiwa ini digambarkan dalam syair seperti berikut:

*Di sanalah kapal lama berhenti  
Air surut pasang dinanti  
Orang membedil bersungguh hati  
Hari hampir mamlah pasti*

*Di Pulau Bayak kapal berhenti  
Orang di hutan sudah menanti  
Dibedil orang sahajakan nanti  
Soldadu Holanda banyaklah mati*

(Syair Perang Menteng, 1975:22 &24)

Kedudukan tentera Belanda yang terdedah di kawasan berteluk dan muara sungai menjadikan mereka sasaran mudah serangan hendap tentera Palembang yang lebih arif tentang selok-belok kawasan ini. Ketidakepekaan Komander Menteng terhadap latar geografi Palembang telah menyebabkan kelewatan pergerakan, kehilangan nyawa tentera dan akhirnya membawa kepada kekalahan yang besar. Kecuaian "membaca" medan tempur ini menunjukkan kegagalan

taktikal yang berpunca daripada ketiadaan ilmu geografi sebagai elemen utama dalam perancangan serangan.

Strategi geografi ini secara tidak langsung membuktikan bahawa masyarakat Melayu silam memiliki ilmu perang yang holistik, yang tidak hanya tertumpu pada kekuatan fizikal semata-mata, tetapi turut melibatkan kefahaman mendalam terhadap alam sekitar. Dalam konteks ini, geografi bukan sekadar latar tempat, tetapi berperanan sebagai jambatan kepada rancangan peperangan, mencakupi strategi kempen, laluan logistik, pelan serangan dan pertahanan yang realistik.

Teori strategi oleh Carl von Clausewitz (1976:228–289), menyokong hakikat ini apabila beliau menyenaraikan lima unsur penting dalam strategi peperangan, dan menegaskan bahawa strategi geografi mempunyai kaitan rapat dengan operasi geometrik, kedudukan alam, penggunaan kawasan serta sumber bantuan yang tersedia. Oleh itu, seorang pemimpin perang yang bijak harus mampu meramalkan kesan geografi terhadap tindakan ketenteraan dan menyesuaikan gerakan pasukan mengikut realiti muka bumi.

Dalam kerangka masyarakat Melayu, khususnya dalam naratif *Syair Perang Menteng*, pendekatan ini membuktikan bahawa strategi geografi merupakan satu bentuk ilmu perang tempatan yang diwarisi dan diaplikasikan dengan cermat. Hal ini memperlihatkan keupayaan masyarakat Melayu bukan sahaja sebagai pahlawan, tetapi juga sebagai perancang taktikal yang peka terhadap kekuatan alam, sekali gus menjadikan tanah air bukan sekadar tempat pertahanan, tetapi sebahagian daripada senjata itu sendiri. Maka, kejayaan

Masyarakat Melayu  
silam memiliki  
ilmu perang yang  
holistik, yang tidak  
hanya tertumpu  
pada kekuatan fizikal  
semata-mata, tetapi  
turut melibatkan  
*kefahaman  
mendalam terhadap  
alam sekitar.*

Perpaduan antara kekuatan lahiriah dan batiniah ini memperlihatkan suatu sistem ilmu perang yang menyeluruh dan berakar daripada nilai-nilai kepercayaan, keberanian, dan kebijaksanaan. *Syair-syair ini bukan sahaja mendokumentasikan peristiwa sejarah peperangan, malah menjadi wahana untuk memahami falsafah dan jati diri masyarakat Melayu dalam menghadapi ancaman luar.*

Palembang mengalahkan tentera Belanda sewajarnya dilihat sebagai kejayaan ilmu, keberanian dan kebijaksanaan Melayu dalam menundukkan penjajah melalui strategi yang menyatupadukan kekuatan fizikal, spiritual dan geografi.

### Kesimpulan


Ilmu perang masyarakat Melayu yang digambarkan dalam syair-syair perang seperti *Syair Perang Menteng*, *Syair Perang Mengkasar* dan *Syair Perang Aceh* membuktikan bahawa tradisi ketenteraan Melayu silam bukan sahaja bersandarkan kepada kekuatan fizikal dan persenjataan, malah turut menggabungkan unsur strategi, geografi, spiritual dan kebijaksanaan budaya tempatan. Syair-syair ini merakamkan pelbagai bentuk strategi perang – daripada penggunaan senjata tradisional seperti keris, meriam dan sundarik, sehinggalah kepada teknik halus seperti penggunaan azimat, mantera, bacaan doa dan selawat dalam menghadapi peperangan. Selain itu, penguasaan terhadap geografi tempatan turut menjadi aspek penting dalam strategi pertahanan, sebagaimana ditunjukkan dalam *Syair Perang Menteng*, apabila pihak Palembang memanfaatkan bentuk muka bumi dan aliran sungai sebagai perangkap kepada musuh. Perpaduan antara kekuatan lahiriah dan batiniah ini memperlihatkan suatu sistem ilmu perang yang menyeluruh dan berakar daripada nilai-nilai kepercayaan, keberanian, dan kebijaksanaan. Syair-syair ini bukan sahaja mendokumentasikan peristiwa sejarah peperangan,

malah menjadi wahana untuk memahami falsafah dan jati diri masyarakat Melayu dalam menghadapi ancaman luar. Hal ini membuktikan bahawa ilmu peperangan Melayu silam bersifat holistik yang mengimbangi aspek jasmani dan rohani, strategi dan simbolik, serta kekuatan ketenteraan dan kecerdikan akal dalam satu sistem pertahanan yang unik dan bernilai tinggi dalam warisan tamadun Melayu. ■

### RUJUKAN

- Abdul Rahman Hj. Abdullah. (2016). *Gerakan Penjajahan dan Anti Penjajahan Tanah Melayu 1511-1957. Jihad Menghadapi Konspirasi Penjajah dan Manipulasi Sejarah*. Selangor: Ultimate Print Sdn Bhd.
- Clauswitz, Carl Von. (1976). *On War*. (ed). Michael Howard and Peter Paret. Princeton: Princeton University Press.
- Entji' Amin. (1963). *Syair Perang Mengkasar* (The rhymed chronicle of the Macassar War). Sgraavenhage Martinus:Nijhoff.
- Haji Muhammad Amin. (1926). *Syair Peperangan Aceh*. Berdasarkan Jilid nombor 12 dan 14. Singapura.
- Jelani Harun.(2017). *Siri Syarahan Umum Pelantikan Profesor Karya Agung dan Politik Kenegaraan Melayu*. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Raja Ali Haji. (1998). *Tuhfat Al-Nafis*. Dikaji dan Diperkenalkan oleh Virginia M.H. Yayasan Karyawan and Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Reid, Anthony. (1988). *Southeast Asia In The Age of Commerce 1450-1680*. Volume One. London: Yale Clair-Press.
- Sun Tzu. (2002). *The Art of Warfare*. Arvin Saputra. (peny). Batam. Lucky Publisher.
- Woelders, M.O. (1975). *Het Sultanat Palembang 1811-1825*. S. Gravenhage: B.V. Neerlandsche Boek.
- Zubir Idris. (2013). *Etnosentrisme dalam Syair-syair Perang Melayu Belanda*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

### BIODATA



#### Wan Roshazli Binti Wan Razali

merupakan graduan dalam bidang Kesusasteraan dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Bidang kepakaran meliputi sastera klasik dan kesusasteraan bandingan.

Berpengalaman sebagai pensyarah sambilan selama enam tahun sebelum dilantik sebagai pensyarah dalam bidang kesusasteraan di Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia.



# *Akhir Kalam ....*

apa tanda Melayu jati,  
hidup ikhlas menanam budi

apa tanda Melayu terpilih,  
bertanam budi tiada memilih

apa tanda Melayu beradat,  
bertanam budi sepanjang hayat

apa tanda Melayu terbilang,  
banyak berbudi kepada orang

apa tanda Melayu bijak,  
hatinya suci ikhlasnya nampak  
berkorban tidak lagak melagak

apa tanda Melayu budiman  
tulus ikhlas sesama insan  
menolong umat mau berkorban  
hidup matinya pada kebajikan

**Pak Tenas Effendy**  
***Tunjuk Ajar Melayu***

Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu  
bekerjasama dengan Penerbit AdiCita

Yogyakarta, 2004





Majlis Bahasa Melayu Singapura

*Sumari*  
25